

NORMA BAHARU CABARAN & HARAPAN


eISSN 2811-3713

9 7 7 2 8 1 1 3 7 1 0 0 6



ISSN 1394-2530

LAPORAN TAHUNAN 2020 • JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA



ISI KANDUNGAN

1	Ringkasan Eksekutif KPKR	4
2	Pengurusan Atasan	8
3	Carta Organisasi	12
4	Maklumat Korporat	13
	Visi, Misi, Objektif & Fungsi	20
	Piagam Pelanggan	22
	Senarai Cawangan JKR	26
5	Petunjuk Prestasi Utama (KPI)	48
6	Pencapaian	73
	Projek Jalan/ Jambatan	74
	Projek Bangunan	84
	Projek Cerun	162
	Pencapaian (Inovasi)	170
7	Penerbitan	182
8	Pengiktirafan/ Anugerah	200
9	Peristiwa & Aktiviti	226
10	Sidang Redaksi	282
11	Direktori	284

CABARAN

NORMA BAHARU



&

HARAPAN



tugasan / penglibatan JKR semasa Pandemik Covid-19:

1. JKR sebagai pihak berkuasa melulus (PBM) pengecualian perintah pergerakan (PKP) bagi kerja-kerja pembinaan dan penyenggaraan kritikal (CPAB)
2. Penyediaan SOP PKP untuk pembinaan (CPAB)
3. Pemeriksaan tapak untuk pematuhan SOP (CPAB)
4. Misi bantuan logistik (CKM)
5. Inovasi JKR dalam menangani Pandemik Covid-19: 'Intubation Box' dan 'Disposable Spacer' (CReATE)
6. Penyediaan pusat kuarantin MAEPS & CReATE (CA & CREATE)

RINGKASAN EKSEKUTIF KPKR

Masa beredar begitu pantas tanpa disedari, Jabatan Kerja Raya juga telah pun meniti usia 163 tahun. Melihat kepada angka tersebut, ia seharusnya mencerminkan kematangan JKR sebagai pemain utama dalam industri pembinaan, serta sebagai agensi penasihat teknikal negara. Pada usia 163 tahun, ia dilihat suatu tempoh masa yang sangat lama bagi sesebuah organisasi bertapak dan kekal kukuh berdiri. Kukuhnya sesebuah organisasi itu adalah bertunjangkan kepada keupayaan warganya untuk cemerlang dan kompeten, inovatif dan kreatif serta terus menjadi organisasi rujukan dalam bidang kepakarannya. Alhamdulillah, JKR sehingga hari ini masih mampu berperanan sebagai agensi teknikal utama Kerajaan Malaysia untuk melaksanakan pembangunan infrastruktur dan prasarana utama negara, menguruskan aset dan sebagai penasihat teknikal kerajaan.

Pada masa dahulu, JKR terlibat secara langsung dalam perancangan dan pelaksanaan pembangunan negara. Sebagai contoh, pembinaan Stadium Merdeka yang bermula pada tahun 1956, telah dapat disiapkan dalam tempoh setahun sahaja. Begitu juga dengan pembinaan Bangunan Parlimen dari 1962 hingga 1963, Masjid dan Tugu Negara, Empangan Klang Gate dan Jalan Raya Timur Barat daripada Grik, Perak ke Jeli, Kelantan yang mempunyai sejarahnya tersendiri, dan lain projek-projek ikonik dan berskala mega, adalah antaranya dilaksanakan secara *hands-on* oleh JKR.

Setiap projek bermula dengan sebuah imaginasi dan angan-angan sehingga terbitlah harapan, bermula dengan harapan, terus menggapai realiti dan kenyataan. Bermula dari draf konsep dan skop kerja, diikuti dengan lakaran kasar dan ilustrasi oleh arkitek, dan diterjemahkan kepada rekabentuk pembinaan yang berakhir sebagai sebuah struktur yang siap untuk digunakan, secara keseluruhannya dilaksanakan sendiri oleh JKR. Saat itu, JKR dipandang tinggi sebagai penasihat teknikal dengan mempunyai wakil dalam jawatankuasa-jawatankuasa penting di peringkat kebangsaan dan negara.



“

Menyedari *survival* JKR, warga JKR harus berani mencuba atau meneroka perkara baru yang berkait rapat dengan industri pembinaan demi kebaikan jabatan.

”

KETUA PENGARAH KERJA RAYA MALAYSIA
Ir. KAMALUDDIN B. HJ. ABDUL RASHID

CABARAN MASA KINI

Evolusi masa begitu laju bergerak, cabaran demi cabaran serta harapan kepada JKR berubah disebabkan kepesatan pembangunan, kepelbagaiannya keperluan, dan bajet yang jauh lebih besar. JKR perlu terus berubah dan mengadaptasi kepada keadaan semasa untuk terus meneraju sebagai pemegang amanah kerajaan agar segala fasiliti dan prasarana awam memberi keselesaan dan kesejahteraan kepada rakyat. Hasil kerja yang telah mengharumkan nama JKR lebih 163 tahun, perlu diteruskan kepada cara kerja yang lebih kreatif dan berinovasi, cekap dan produktifiti, tetapi tetap memelihara alam sekitar serta cekap tenaga.

Kini, hakikat yang kita perlu telan, imej JKR telah tercaltar sedikit demi sedikit hingga menggugat reputasi jabatan yang kita sayangi ini. Ini kerana wujudnya beberapa isu yang menimbulkan ketidakpuasan hati rakyat dalam sistem penyampaian perkhidmatan kita. Ini dapat dilihat melalui persepsi negatif yang terpapar di dada akbar, di kaca televisyen dan tular di media sosial, akibat dari kelemahan kita di dalam pelaksanaan beberapa projek popular serta pengurusan penyelenggaraan jalan dan fasiliti. Kritikan-kritikan seumpama ini secara perlahan telah menenggelamkan kredibiliti JKR, sehingga timbul usaha mewujudkan agensi pelaksana kerajaan lain untuk bersaing dengan JKR.

Justeru, kita perlu berusaha menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatan Jabatan agar segala kerja yang diuruskan dapat disempurnakan sebaik mungkin. Kita perlu mempraktiskan budaya



memerlukan kebijaksanaan tuan-tuan dan puan-puan untuk melihat, menilai dan membuat keputusan.

Warga kerja juga perlu bekerjasama, bersepakat dan mengadakan musyawarah dalam menyampaikan perkhidmatan supaya dapat memberikan keberhasilan kerja yang berkualiti dan efisien. Jadikan setiap aduan yang diterima sebagai ‘hadiyah’, bukannya sebagai satu kelemahan. “*Complaint as a gift, not a curse*”, jadi, sama-sama kita bermuhasabah diri demi kebaikan Jabatan.

kesegeraan dan sentiasa bersiap siaga dalam melaksanakan kerja yang diamanahkan. Maksudnya, kerja yang boleh disiapkan hari ini, siapkanlah pada hari ini. Tambahan lagi, dalam urusan kerja, kita perlu berintegriti dan telus serta mematuhi SOP yang telah digariskan. Saya menyeru supaya warga kerja Jabatan memiliki etika kerja yang baik dan mengamalkan nilai-nilai integriti dalam diri kita sebagai penjawat awam mahu pun sebagai orang awam. Jangan kerana nila setitik, habis rosak susu sebelanga.

Dalam penyampaian perkhidmatan, menjadi tanggungjawab kita untuk mengutamakan kepuasan pelanggan atau memenuhi ekspektasi pelanggan. Namun begitu, terdapat limitasi terhadap kehendak pelanggan yang perlu kita perhalusi. Contohnya, selepas rekabentuk konsep disahkan oleh pelanggan, tiada lagi pindaan rekabentuk yang boleh dipertimbang kerana akan melewatkannya pelaksanaan projek serta menyebabkan pertambahan kos. Berkemungkinan, sekiranya kita tidak dapat kelulusan untuk pertambahan kos, projek akan ditangguh atau lebih teruk lagi akan dimansuhkan. Oleh itu, ia

Justeru, marilah kita berganding bahu, saling menyokong bagi memastikan kewujudan JKR yang sudah melebihi 100 tahun ini, terus utuh, disegani dan kekal relevan. Faktor kejayaan masa lalu seharusnya dikaji, dan dijadikan panduan untuk mengenal pasti kelemahan kita masa kini serta membangkitkan semula semangat dan keterujaan warga untuk memacu jabatan ke arah kecemerlangan berterusan.

NORMA BAHARU

Pada tahun ini seantero dunia dilanda dengan wabak Novel Koronavirus, ringkasnya disebut COVID-19. Penularan wabak ini amat cepat sehingga menyebabkan banyak negara mengisyiharkan darurat kerana peningkatan kes yang amat tinggi dan melibatkan kes kematian yang amat besar. Rentetan itu, Kerajaan Malaysia telah melaksanakan beberapa fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sepanjang tahun 2020 ini. Merujuk kepada statistik terkini kes COVID-19 sehingga 9 Ogos 2020, jumlah keseluruhan kes adalah sebanyak 9083 kes, kes sembuh sebanyak 8784 manakala melibatkan 125 kes kematian.

Jabatan telah melaksanakan pelbagai inisiatif dan kaedah bagi membendung penularan wabak ini seperti mengimbas bacaan suhu setiap warga kerja dan pelawat di premis JKR, penggunaan pelitup muka, sanitasi di ruang kerja dan tempat-tempat awam di dalam premis. Warga kerja juga diingatkan untuk mengamalkan budaya norma baharu, yang pastinya, akan menjadi amalan kebiasaan buat warga sepanjang berada di premis JKR maupun di luar premis agar kita sama-sama dapat membantu kerajaan menangani wabak COVID-19 ini.

Seperti kita sedia maklum, Jabatan berdepan dengan cabaran getir dalam melaksanakan projek-projek yang telah dirancang akibat penularan COVID-19. Banyak kerja-kerja projek yang terpaksa ditangguhkan dan penutupan tapak bina seketika waktu, dan ini pastinya, memberi kesan kepada kelancaran projek terutamanya dari segi aspek pengurusan masa atau tempoh masa projek siap. Walau bagaimanapun,



saya percaya kita akan berjaya mengharungi masa sukar tersebut dan akan kembali kepada landasan seperti yang direncanakan, Insya Allah. Buat masa sekarang, setiap tapak bina projek wajib mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh Kerajaan dan sebagai pengurusan projek, warga JKR perlu peka akan setiap peraturan yang telah ditetapkan agar kita sama-sama dapat membendung COVID-19.

Menyedari *survival* JKR, warga JKR harus berani mencuba atau meneroka perkara baru yang berkait rapat dengan industri pembinaan demi kebaikan jabatan. Ini kerana ukuran kecemerlangan bukan sahaja mencapai KPI Jabatan semata-mata, tetapi lebih daripada itu. Besar harapan saya agar warga kerja JKR bersikap proaktif dan marilah sama-sama kita mempraktiskan budaya kerja yang positif yakni; kesegeraan, keutamaan dan kesiapsagaan dalam situasi norma baharu yang amat mencabar ini. Warga kerja JKR juga harus mentransformasikan budaya kerja daripada *work hard* kepada *work smart*, menggunakan sumber dan peluang yang ada dengan sebaik mungkin dan tidak cepat mengalah serta berputus asa.

Akhir kata, saya menyeru agar seluruh warga Jabatan bersama-sama menjayakan Visi Jabatan. Ayuh sama-sama kita naikkan nama Jabatan dan bergerak sebagai satu pasukan yang hebat, “berat sama-sama dipikul, ringan sama-sama dijinjing”, “Bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat”. Sekian, Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

PENGURUSAN ATASAN



KETUA PENGARAH KERJA RAYA MALAYSIA

Ir. Kamaluddin B. Hj. Abdul Rashid

Ir. Kamaluddin bin Haji Abdul Rashid memulakan kerjaya di JKR sebagai Jurutera Awam pada tahun 1983 dan ditempatkan di Cawangan Kerja Dalam Negeri, Ibu Pejabat JKR. Beliau kemudiannya ditukarkan ke Bahagian Bangunan, JKR Daerah Kemaman, Terengganu pada tahun 1990 dan kembali semula ke JKR Ibu Pejabat dan ditempatkan di Unit Jambatan, Cawangan Jalan pada tahun 1996. Seterusnya beliau mengikuti kursus lepasan ijazah sarjana di Universiti Putra Malaysia, Serdang pada tahun 1999 dan dikurniakan ijazah Master Sains secara rasmi tahun 2001. Selepas tamat pengajian, beliau ditempatkan di Kumpulan Forensik Struktur, Cawangan Kejuruteraan Struktur dan Kejuruteraan Pakar, Ibu Pejabat JKR dan pada tahun 2004, beliau menyambung pengajian peringkat Doktor Falsafah di University of Nottingham, United Kingdom sehingga tahun 2008. Sekembali daripada pengajian, beliau ditempatkan di Bahagian Khidmat Pakar, Cawangan Kejuruteraan Awam, Struktur dan Jambatan dan kemudiannya dilantik sebagai Pengarah Pakar dan Pengurusan di cawangan yang sama pada tahun 2012. Pada tahun 2015, beliau dinaikkan pangkat sebagai Pengarah Kanan Cawangan Kejuruteraan Awam dan Struktur sebelum dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Bangunan) pada tahun 2017. Beliau kemudiannya ditempatkan sebagai Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Pakar) pada tahun 2018. Pada 22 November 2019, beliau telah dilantik sebagai Ketua Pengarah Kerja Raya Malaysia. Beliau mempunyai kecenderungan yang sangat mendalam dalam bidang kepakaran struktur dan beliau banyak membantu JKR dalam menyediakan rekabentuk struktur serta laporan penyiasatan forensik bagi insiden kegagalan struktur. Selain itu, beliau juga aktif dan melibatkan diri di Persidangan Kejuruteraan Awam di peringkat dalam negeri dan luar negeri sebagai pembentang kertas kerja teknikal.

TIMBALAN KETUA PENGARAH KERJA RAYA (Sektor Infra)

Ir. Haji Zulakmal bin Haji Sufian

Ir. Haji Zulakmal bin Haji Sufian memulakan kariernya di JKR sebagai Jurutera Projek pada tahun 1984 di Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) Lumut, Perak. Beliau kemudiannya ditempatkan di Institut Kerja Raya Malaysia (IKRAM) sebagai Jurutera Penyelidik pada tahun 1991. Pada tahun 1995, beliau telah memegang portfolio sebagai Jurutera Penyelidik di Cawangan Perancangan dalam menyediakan projek penyelidikan "World Bank's International Study of Highway Development and Management" (HDM-IV). Pada suku ketiga tahun 1995, beliau menyambung pengajian peringkat Master M.Sc in Highway Engineering di University of Birmingham, United Kingdom sehingga tahun 1996 dan telah dianugerahkan Bernard Richardson Prize for Best Academic Contribution atas kecemerlangan beliau dalam akademik oleh pihak universiti. Sekembali daripada pengajian, beliau ditempatkan di Unit Senggara Jalan , Cawangan Jalan sebagai Penolong Pengarah. Dengan kecenderungan beliau yang sangat mendalam dalam bidang penyenggaraan jalan, beliau kemudiannya ditukarkan ke Bahagian Senggara Fasiliti Jalan sebagai Ketua Unit Pavemen Gred J52 pada 2008 dan dinaikkan pangkat pada 2009 sebagai Ketua Unit Korporat Gred J54 di bahagian yang sama. Dengan kepakaran beliau memberi khidmat nasihat teknikal kepada Kementerian, Jabatan dan agensi-agensi lain, beliau telah dilantik sebagai Pegawai Khas kepada Ketua Pengarah Kerja Raya dari tahun 2009 sehingga 2011. Pada pertengahan tahun 2011, beliau ditempatkan di Cawangan Pengurusan Projek Kompleks (PROKOM) sebagai Ketua Penolong Pengarah Kanan. Kemudian, ditukarkan ke Cawangan Dasar & Pengurusan Korporat JKR pada tahun 2011 hingga 2016 dengan memegang tiga (3) portfolio sebagai Wakil Pengarah Projek. Pasukan Projek ICT J10 (2011-2016), Urusetia Disiplin Awam (2013-2016) dan Ketua Bahagian Sekretariat (2015-2016). Pada Mac 2016, beliau telah dinaikkan pangkat sebagai Pengarah di Cawangan Senggara Fasiliti Jalan sebelum dilantik sebagai Pengarah Kanan Cawangan Jalan pada tahun 2017. Dengan keyakinan Pengurusan Tertinggi Kementerian Kerja Raya, beliau dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Infra) pada tahun 2019. Selain itu, beliau seorang yang aktif dan memegang jawatan Setiausaha Kehormat, Pertubuhan Jalan Asia dan Australasia (REAAA); Ahli Majlis & Ahli Eksekutif, Pertubuhan Jalan Sedunia (PIARC); Ahli Majlis & Pengurus Kumpulan Teknologi, Pertubuhan Jalan Malaysia (REAM); dan Pengurus Jawatankuasa Infrastruktur Jalan di bawah Lembaga Pengarah MIROS (LPM). Beliau juga turut menyumbang kepakaran dalam bidang pendidikan dengan menjadi Ahli Jawatankuasa Pengajian dan pengajar "Program Master in Highway and Transportation Engineering" di Universiti Putra Malaysia serta Ahli Lembaga Penasihat Industri, Pengajian Kejuruteraan, Geo-Sains, Infrastruktur dan Masyarakat (EGIS) di Heriot Watt University Malaysia. Sepanjang pengalaman 36 tahun beliau sebagai penjawat awam, beliau telah menghasilkan lebih daripada 50 kertas kerja di peringkat negara dan antarabangsa.




TIMBALAN KETUA PENGARAH KERJA RAYA (Sektor Pakar)

Dato' Ir. Hj. Mohamad Zulkefly B. Sulaiman


Dato' Ir. Hj. Mohamad Zulkefly bin Sulaiman memulakan kariernya di JKR sebagai Jurutera Awam di Cawangan Jalan, Ibu Pejabat JKR pada tahun 1985. Selepas itu beliau ditempatkan di JKR Negeri Terengganu selama 11 tahun 3 bulan sehingga tahun 2004, sebelum dilantik sebagai Jurutera Kerja Kanan dan kembali berkhidmat semula ke Cawangan Jalan. Pada bulan Mac 2006, beliau telah ditugaskan di Cawangan Pengurusan Korporat, Ibu Pejabat JKR dengan memegang jawatan sebagai Pengurus Besar Pembinaan dan pada tahun 2008 beliau telah ditempatkan di Unit Perancang Ekonomi (UPE), JPM juga sebagai Pengurus Besar Pembinaan. Beliau kemudiannya ditempatkan sebagai Jurutera Daerah Hulu Langat di JKR Negeri Selangor pada tahun 2012 sebelum dinaikkan pangkat sebagai Ketua Penolong Pengarah Kanan di Cawangan Perancangan Aset Bersepadu, Ibu Pejabat JKR pada tahun 2015. Dalam tahun yang sama, beliau telah ditugaskan sebagai Pengarah di JKR Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan bertukar sebagai pengarah di Cawangan Dasar & Pengurusan Korporat pada tahun 2017. Pada bulan Ogos 2017, beliau sekali lagi dinaikkan pangkat sebagai Pengarah Kanan di Cawangan Kejuruteraan Awam & Struktur dan dengan keyakinan Pengurusan Tertinggi Kementerian Kerja Raya, beliau telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Pakar) pada 20 Februari 2020. Sepanjang tempoh 35 tahun perkhidmatan, beliau berpengalaman dalam bidang pengurusan projek selama 18 tahun, terlibat dalam bidang rekabentuk selama 12 tahun, pengurusan aset, pengurusan am dan kader/pinjaman masing-masing selama 4 tahun, pengurusan nilai 2 tahun 9 bulan dan berpengalaman memberi khidmat nasihat teknikal selama 6 tahun.

TIMBALAN KETUA PENGARAH KERJA RAYA (Sektor Bangunan)

Datuk Ir. Razdwan Kasim

Datuk Ir. Razdwan Kasim menerima Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Kejuruteraan Mekanikal dari University Of Newcastle Upon Tyne, UK pada tahun 1985 dan Sarjana Sains Teknologi Maklumat dari Aston University, UK pada tahun 1998. Beliau juga memiliki Diploma Sains Pengurusan Cemerlang dari INTAN Malaysia pada tahun 1994. Memulakan kerjaya sebagai Jurutera Jentera Tingkatan Biasa di Cawangan Bekalan Air, Ibu Pejabat JKR Malaysia pada 1985 dan kemudiannya di tempatkan di JKR Woksyop Pahang pada tahun 1991. Mulai tahun 1998 beliau telah ditempatkan di Cawangan Ibu Pejabat JKR Malaysia bermula di Cawangan Kejuruteraan Mekanikal dan beliau juga pernah berkhidmat di Cawangan Pangkalan Udara & Maritim dan Cawangan Kerja Kesihatan. Pada tahun 2017 beliau telah dilantik sebagai Pengarah Khidmat Pakar, Cawangan Kejuruteraan Mekanikal (CKM) dan pada 2018 beliau telah dinaikkan pangkat sebagai Pengarah Kanan, CKM. Kemuncak kerjaya beliau bermula selepas dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Bangunan) pada tahun 2020.





PORTFOLIO PENGURUSAN



1. PENGARAH KANAN CAW. PERANCANGAN ASET BERSEPADU
Ir. MOHD RAHIM B. KAWANGIT
2. PENGARAH CAW. DASAR DAN PENGURUSAN KORPORAT
MASTURA BINTI SHAARI
3. PENGARAH KANAN PUSAT KECEMERLANGAN KEJURUTERAAN DAN TEKNOLOGI JKR
DATO' Ir. HJ. AHMAD REDZA B. GHULAM RASOOL
4. PENGARAH BHG. PENGURUSAN PROJEK KOMPLEKS CAW. PENGURUSAN ASET BERSEPADU
Ir. ALFRED SIM
5. PENGARAH BHG. PERUNDINGAN PENGURUSAN ASET CAW. PENGURUSAN ASET BERSEPADU
Ir. HARJIT SINGH A/L INDER SINGH
6. PENGARAH BHG. KOMPETENSI, PENSIJILAN DAN AKREDITASI KEJURUTERAAN CAW. PENGURUSAN ASET BERSEPADU
Dr. MAZIAH BINTI MOHAMMAD





SEKTOR BANGUNAN

1. PENGARAH KANAN
CAWANGAN KERJA BANGUNAN AM 1
DATUK Ir. RUSLAN BIN ABDUL AZIZ
2. PENGARAH
CAWANGAN KERJA PENDIDIKAN
YBRS. TUAN HJ. NOOR AZMAN BIN RAMLEE
3. PENGARAH
CAWANGAN SENGGARA FASILITI BANGUNAN
TN. HJ SHAMSULAKMAR B. ABDUL MUNIR
4. PENGARAH
CAWANGAN KERJA KESELAMATAN
Ir. HAJI DZARIF BIN YAACOB
5. PENGARAH
CAWANGAN KERJA KESIHATAN
Ir. AZMAN BIN MD HASHIM
6. PENGARAH KANAN
CAWANGAN KERJA BANGUNAN AM 2
SAMINI BINTI HJ. OMAR
7. PENGARAH PEMBINAAN
PASUKAN PROJEK KHAS 2
Ir. ROSLINA BINTI ABDUL RAHMAN



SEKTOR INFRA

1. PENGARAH KANAN
CAWANGAN JALAN
Ir. MOHAMED AMIN BIN KASIM
2. PENGARAH
BHG. PAKAR KEJ.JALAN & JAMBATAN
DATO' Ir. HJ. CHE NOOR AZEMAN B. YUSOFF
3. PENGARAH
CAWANGAN KEJURUTERAAN CERUN
IR. HAJI ABD RAHMAN BIN PANDI
4. PENGARAH
CAWANGAN KEJURUTERAAN INFRASTRUKTUR PENGANGKUTAN
Ir. WAZNAH BINTI ABDUL AZIZ
5. PENGARAH
CAWANGAN SENGGARA & FASILITI JALAN
RAHMAT B. ABD. RAHMAN
6. PENGARAH PEMBINAAN
PASUKAN PENGURUSAN PROJEK KHAS PENGGERANG INTEGRATED PETROLEUM COMPLEX (PIPC)
DATIN Sri Ir. NOR ASIAH BINTI OTHMAN



SEKTOR PAKAR

- | | | | | | |
|---|--|---|--|---|--|
| 1. PENGARAH KANAN
CAWANGAN ARKITEK
DATIN Ar. HJH. MARIANI NOOR BINTI SUHUD | 4. PENGARAH KANAN
CAWANGAN KEJURUTERAAN AWAM DAN STRUKTUR
IR. DR. LIM CHAR CHING | 7. PENGARAH KANAN
CAWANGAN KONTRAK DAN UKUR BAHAN
Sr ZULKIFLE BIN MOHAMMAD | 10. PENGARAH KANAN
CAW. KEJ. MEKANIKAL
DATO' Ir. HAJI HABBALI BIN IBRAHIM | 13. PENGARAH KANAN
CAW. KEJ. ELEKTRIK
Ir. HJ. YAAKOB BIN ABDUL LATIF | 16. PENGARAH
CAW. ALAM SEKITAR DAN KECEKAPAN
TENAGA
FARAH BINTI ABDUL SAMAD |
| 2. PENGARAH BAHAGIAN REKA BENTUK 1
CAWANGAN ARKITEK
NIK AINUZ ZANARIAH BINTI NIK RASHID | 5. PENGARAH REKA BENTUK
CAWANGAN KEJURUTERAAN AWAM DAN STRUKTUR
Ir. HJ. BADIOEZAMAN B. AB. KHALIK | 8. PENGARAH PERKHIDMATAN UKUR BAHAN
CAWANGAN KONTRAK DAN UKUR BAHAN
Sr RUZIMAH BINTI OTHMAN | 11. PENGARAH REKA BENTUK
CAW. KEJ. MEKANIKAL
Ir. MAMAT ROHIZAN B. ABDULLAH | 14. PENGARAH PERUNDING REKA BENTUK
CAW. KEJ. ELEKTRIK
Ir. SHAMSURIEE BIN SULAIMAN | 17. PENGARAH
CAWANGAN KEJURUTERAAN GEOTEKNIK
EN. SUHAIMI BIN JAMALUDIN |
| 3. PENGARAH BAHAGIAN REKA BENTUK 2
CAWANGAN ARKITEK
Ar. IBRAHIM BIN ISA | 6. PENGARAH KHIDMAT PAKAR & PENGURUSAN
CAWANGAN KEJURUTERAAN AWAM DAN STRUKTUR
Ir. NOREHA BINTI NORDIN | 9. PENGARAH KHIDMAT PAKAR
CAWANGAN KONTRAK DAN UKUR BAHAN
Sr MOHD YUSOFF BIN OTHMAN | 12. PENGARAH KHIDMAT PAKAR
CAW. KEJ. MEKANIKAL
Ir. ZULKIFLI BIN ABDUL RASHAD | 15. PENGARAH PERKHIDMATAN PAKAR
CAW. KEJ. ELEKTRIK
Ir. HANIZAN BINTI SHAFII | |



JKR NEGERI

- | | | | | |
|--|--|--|---|---|
| 1. PENGARAH JKR NEGERI JOHOR
Ir. HAJI MOHD SAID BIN SIDIK | 4. PENGARAH JKR WP PUTRAJAYA
Ir. ANITA BINTI MOHAMAD SHAFIE | 7. PENGARAH JKR NEGERI SELANGOR
Ir. SHAHABUDDIN BIN M. MUHYAYIDIN | 10. PENGARAH JKR NEGERI MELAKA
Ir. ISMAIL BIN ABD RAHMAN | 13. PENGARAH JKR NEGERI PERAK
TUAH HAJI ROSLAN BIN ABD GHANI |
| 2. PENGARAH JKR NEGERI KELANTAN
Ir. ZAILAN BIN AB. RAHMAN | 5. PENGARAH JKR WP LABUAN
Ir. IBRAHIM BIN ESA | 8. PENGARAH JKR NEGERI TERENGGANU
Ir. YUSUF BIN ABD. GHANI | 11. PENGARAH JKR NEGERI PERLIS
SYED ZUBIR BIN SYED HUSIN | 14. PENGARAH JKR NEGERI KEDAH
Ir. HAJI IBRAHIM BIN AHMAD |
| 3. PENGARAH JKR NEGERI PULAU PINANG
Ir. ROSLAN BIN ISMAIL | 6. PENGARAH UNIT JKR KESEDAR
Ir. SHUKRI BIN ISHAK | 9. PENGARAH JKR NEGERI SEMBILAN
Ir. HAJI MASRI BIN BAHARUDDIN | 12. PENGARAH JKR WP KUALA LUMPUR
MARIA MARCUS | 15. PENGARAH UNIT JKR KETENGAH
ENCIK MUHAMAD BIN JUSOH |
| | | | | 16. PENGARAH JKR NEGERI PAHANG
YBrs. Ir. HAFIZAH BINTI ZAKARIA |



VISI

KAMI AKAN MENJADI PEMBERI PERKHIDMATAN BERTARAF DUNIA DAN PUSAT KECEMERLANGAN DI DALAM BIDANG PENGURUSAN ASET, PENGURUSAN PROJEK DAN PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN DEMI PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR NEGARA MELALUI MODAL INSAN YANG KREATIF DAN INOVATIF SERTA TEKNOLOGI TERKINI.

MISI

Membantu pelanggan dalam menyampaikan hasil polisi dan perkhidmatan melalui kerjasama rakan kongsi strategik

Pembaikian proses-proses dan sistem demi penyampaian hasil yang konsisten

Menyediakan pengurusan aset dan projek yang berkesan dan inovatif

Memperkasa kompetensi kejuruteraan sedia ada

Membangunkan modal insan dan kompetensi-kompetensi baru

Berpegang teguh kepada integriti dalam menyampaikan perkhidmatan

Membina hubungan yang harmoni dengan komuniti

Memelihara persekitaran di dalam penyampaian perkhidmatan

OBJEKTIF

SEBAGAI PERUNDING UTAMA KEPADA KERAJAAN MALAYSIA, OBJEKTIF JABATAN KERJA RAYA ADALAH UNTUK:

“MENYERAHKAN PRODUK DAN MELAKSANAKAN PERKHIDMATAN PENYENGARAAN YANG MENEPATI MASA, KUALITI DAN KOS YANG DITETAPKAN BAGI MENCAPAI FAEDAH ASET YANG OPTIMUM”.

FUNGSI

RAKAN KONGSI STRATEGIK KEPADA PELANGGAN KAMI DALAM MENCAPAI KEBERHASILAN POLISI KERAJAAN. MENJADI PENERAJU DI DALAM BIDANG PENGURUSAN ASET, PENGURUSAN PROJEK DAN KECEMERLANGAN KEJURUTERAAN UNTUK NEGARA. MENYEDIAKAN INFRASTRUKTUR NEGARA.



1.0 PENGURUSAN PROJEK

(Nota - Tempoh daripada tarikh iklan sehingga tarikh Surat Setuju Terima Tender adalah 3 Bulan.)

FASA PRA PEMBINAAN

Tertakluk kepada kepada syarat-syarat tiada masalah tapak, peruntukan yang mencukupi, skop projek yang diluluskan oleh EPU, JPM dan kelulusan Value Assessment (VA) telah diperolehi dan Kementerian Kewangan Malaysia, tempoh perancangan hingga iklan adalah seperti berikut:

Projek	Jenis Rekabentuk dan Tempoh		
a	Bangunan	Pelan PAP tanpa pindaan	Lain-lain: Reka & Bina
		6 Bulan	10 Bulan 4 Bulan
Projek	Kos dan Tempoh		
b	Jalan dan infrastruktur	Kurang dari RM50 Juta	Melebihi RM50 Juta Reka & Bina
		10 Bulan	14 Bulan 4 Bulan
c	Projek Kompleks (Jalan, Cerun, Bangunan, Pangkalan Udara, Maritim, Pengangkutan Darat, dll.)	Tempoh yang dipersetujui bersama pelanggan	
d	Hospital	76 Katil	120 dan 200 Katil (Reka Bina) 300 Katil (Reka & Bina)
		10 Bulan	15 Bulan 4 Bulan

FASA PEMBINAAN

Tertakluk kepada kepada syarat-syarat semua pengambilan balik tanah telah selesai, tiada halangan di atas tapak projek, dan peruntukan disediakan mencukupi dalam tempoh kontrak. Projek dalam pembinaan akan disiapkan seperti berikut:

Projek	Kos dan Tempoh		
a	Bangunan	RM500 Ribu ke bawah	RM500 Ribu - RM20 Juta Melebihi RM20 Juta
		12 Bulan	24 Bulan 36 Bulan
Projek	Jenis Rekabentuk dan Tempoh		
b	Jalan dan infrastruktur	RM500 Ribu ke bawah	RM500 Ribu - RM20 Juta RM20 Juta - RM50 Juta Melebihi RM50 Juta
		9 Bulan	22 Bulan 36 Bulan 42 Bulan
d	Hospital	76 Katil	120 dan 200 Katil (Reka & Bina) 300 Katil (Reka & Bina)
		36 Bulan	42 Bulan 48 Bulan

2.0 SENGGARA ASET




JALAN PERSEKUTUAN & NEGERI

Tindakan pembaikan sementara lubang-lubang (*potholes*).

1 HARI

Tindakan awal terhadap aduan kerosakan alatan perkhidmatan mekanikal.

1 HARI




Tindakan pembaikan kekal akan dilaksanakan selepas dikenal pasti atau aduan diterima.

3 HARI

Kerja pembaikan besar (*major overhaul*)/ pembaikan badan kenderaan.

3 BULAN




Sekiranya berlaku keadaan yang mengganggu lalu lintas atau keselamatan awam, seperti pokok tumbang atau tanah runtuh, tindakan akan diambil selepas dikenal pasti atau aduan diterima.

24 JAM

Kerja pembaikan kecil kenderaan.

3 MINGGU



Setiap penutupan berjadual akan diumumkan melalui media massa sebelum kerja-kerja dijalankan.

3 HARI

Penggantian pendingin (*chiller*).

1 TAHUN



BANGUNAN PERSEKUTUAN & NEGERI

Tindakan pembaikan kerosakan kritis seperti kebocoran paip air, bumbung atau sistem kumbahan akan diambil selepas dikenalpasti atau aduan diterima.

1 HARI

Tindakan awal terhadap aduan kerosakan elektrik dan membuat penyiasatan kerosakan elektrik.

1 HARI



Tindakan pembaikan kerosakan biasa akan diambil selepas dikenal pasti atau aduan diterima.

1 BULAN

Mengambil tindakan pembaikan kerosakan elektrik.

7 HARI

3.0 KHIDMAT NASIHAT TEKNIKAL																										
																										
KEJURUTERAAN CERUN																										
<table border="1"> <tr> <td>a Runtuh cerun berimpak besar:</td><td></td><td></td></tr> <tr> <td>i. Lawatan tapak hendaklah dibuat dalam tempoh 24 jam dari maklumat diterima.</td><td>24 JAM</td><td></td></tr> <tr> <td>ii. Laporan awalan disediakan dalam tempoh 3 hari bekerja dari tarikh lawatan tapak.</td><td>3 HARI</td><td></td></tr> <tr> <td>b Runtuh cerun berimpak kecil: Laporan syor pemberitaan akan disediakan dalam tempoh berikut:</td><td></td><td></td></tr> <tr> <td>i. Keadaan memerlukan penyiasatan tapak - 1 bulan selepas laporan penyiasatan tanah diperolehi.</td><td>1 BULAN</td><td></td></tr> <tr> <td>ii. Keadaan tidak memerlukan penyiasatan tanah - 2 minggu dari tarikh lawatan tapak.</td><td>2 MINGGU</td><td></td></tr> <tr> <td>c Ulasan teknikal kepada permohonan pembangunan melalui Laporan Geoteknik yang diterima daripada Pihak Berkusa Tempatan (PBT) disediakan dalam tempoh 14 hari bekerja selepas dokumen lengkap permohonan diterima.</td><td></td><td>14 HARI</td></tr> </table>			a Runtuh cerun berimpak besar:			i. Lawatan tapak hendaklah dibuat dalam tempoh 24 jam dari maklumat diterima.	24 JAM		ii. Laporan awalan disediakan dalam tempoh 3 hari bekerja dari tarikh lawatan tapak.	3 HARI		b Runtuh cerun berimpak kecil: Laporan syor pemberitaan akan disediakan dalam tempoh berikut:			i. Keadaan memerlukan penyiasatan tapak - 1 bulan selepas laporan penyiasatan tanah diperolehi.	1 BULAN		ii. Keadaan tidak memerlukan penyiasatan tanah - 2 minggu dari tarikh lawatan tapak.	2 MINGGU		c Ulasan teknikal kepada permohonan pembangunan melalui Laporan Geoteknik yang diterima daripada Pihak Berkusa Tempatan (PBT) disediakan dalam tempoh 14 hari bekerja selepas dokumen lengkap permohonan diterima.		14 HARI			
a Runtuh cerun berimpak besar:																										
i. Lawatan tapak hendaklah dibuat dalam tempoh 24 jam dari maklumat diterima.	24 JAM																									
ii. Laporan awalan disediakan dalam tempoh 3 hari bekerja dari tarikh lawatan tapak.	3 HARI																									
b Runtuh cerun berimpak kecil: Laporan syor pemberitaan akan disediakan dalam tempoh berikut:																										
i. Keadaan memerlukan penyiasatan tapak - 1 bulan selepas laporan penyiasatan tanah diperolehi.	1 BULAN																									
ii. Keadaan tidak memerlukan penyiasatan tanah - 2 minggu dari tarikh lawatan tapak.	2 MINGGU																									
c Ulasan teknikal kepada permohonan pembangunan melalui Laporan Geoteknik yang diterima daripada Pihak Berkusa Tempatan (PBT) disediakan dalam tempoh 14 hari bekerja selepas dokumen lengkap permohonan diterima.		14 HARI																								
KEJURUTERAAN SENGGARA																										
<table border="1"> <tr> <td>a Bangunan :</td><td></td><td></td></tr> <tr> <td>i. Keputusan kelulusan syor meroboh untuk pelupusan aset tak alih struktur bangunan Kerajaan Persekutuan diberi dalam tempoh 14 hari dari tarikh permohonan pengesyarahan yang lengkap diterima dari Cawangan Senggara Fasiliti Bangunan, I.P JKR Msia.</td><td>14 HARI</td><td></td></tr> <tr> <td>b Jalan:</td><td></td><td></td></tr> <tr> <td>i Mengemukakan ulasan terhadap permohonan pembangunan tepi jalan daripada Pihak Berkusa Tempatan dalam tempoh 2 minggu selepas dokumen permohonan lengkap diterima.</td><td>2 MINGGU</td><td></td></tr> </table>			a Bangunan :			i. Keputusan kelulusan syor meroboh untuk pelupusan aset tak alih struktur bangunan Kerajaan Persekutuan diberi dalam tempoh 14 hari dari tarikh permohonan pengesyarahan yang lengkap diterima dari Cawangan Senggara Fasiliti Bangunan, I.P JKR Msia.	14 HARI		b Jalan:			i Mengemukakan ulasan terhadap permohonan pembangunan tepi jalan daripada Pihak Berkusa Tempatan dalam tempoh 2 minggu selepas dokumen permohonan lengkap diterima.	2 MINGGU													
a Bangunan :																										
i. Keputusan kelulusan syor meroboh untuk pelupusan aset tak alih struktur bangunan Kerajaan Persekutuan diberi dalam tempoh 14 hari dari tarikh permohonan pengesyarahan yang lengkap diterima dari Cawangan Senggara Fasiliti Bangunan, I.P JKR Msia.	14 HARI																									
b Jalan:																										
i Mengemukakan ulasan terhadap permohonan pembangunan tepi jalan daripada Pihak Berkusa Tempatan dalam tempoh 2 minggu selepas dokumen permohonan lengkap diterima.	2 MINGGU																									
KEJURUTERAAN FORENSIK																										
<table border="1"> <tr> <td>a Bagi kerja-kerja forensik struktur, geoteknik dan jalan:</td><td></td><td></td></tr> <tr> <td>i. Maklumbalas awalan hasil pemeriksaan yang dijalankan di tapak disediakan dalam tempoh 3 hari bekerja selepas tarikh lawatan tapak.</td><td>3 HARI</td><td></td></tr> <tr> <td>ii. Laporan awal berdasarkan penyiasatan tapak bagi kegagalan berimpak besar disediakan dalam tempoh 7 hari bekerja dan berimpak kecil dalam tempoh 2 minggu dari tarikh lawatan tapak masing-masing.</td><td>7 HARI (IMPAK BESAR)</td><td></td></tr> <tr> <td>iii. Laporan akhir berdasarkan penyiasatan tapak dan ujian makmal disediakan dalam tempoh 2 bulan selepas keputusan ujian dan pemantauan diterima.</td><td>2 MINGGU (IMPAK KECIL)</td><td></td></tr> <tr> <td></td><td>2 BULAN</td><td></td></tr> <tr> <td>b Bagi kerja-kerja forensik maritim, lapangan terbang dan pengangkutan darat:</td><td></td><td></td></tr> <tr> <td>i. Laporan awal berdasarkan penyiasatan tapak bagi kerja forensik berimpak besar dan berimpak kecil disediakan dalam tempoh 7 hari bekerja dari tarikh lawatan tapak.</td><td>7 HARI</td><td></td></tr> <tr> <td>ii. Laporan akhir berdasarkan penyiasatan tapak dan ujian makmal disediakan dalam tempoh 2 bulan.</td><td>2 BULAN</td><td></td></tr> </table>			a Bagi kerja-kerja forensik struktur, geoteknik dan jalan:			i. Maklumbalas awalan hasil pemeriksaan yang dijalankan di tapak disediakan dalam tempoh 3 hari bekerja selepas tarikh lawatan tapak.	3 HARI		ii. Laporan awal berdasarkan penyiasatan tapak bagi kegagalan berimpak besar disediakan dalam tempoh 7 hari bekerja dan berimpak kecil dalam tempoh 2 minggu dari tarikh lawatan tapak masing-masing.	7 HARI (IMPAK BESAR)		iii. Laporan akhir berdasarkan penyiasatan tapak dan ujian makmal disediakan dalam tempoh 2 bulan selepas keputusan ujian dan pemantauan diterima.	2 MINGGU (IMPAK KECIL)			2 BULAN		b Bagi kerja-kerja forensik maritim, lapangan terbang dan pengangkutan darat:			i. Laporan awal berdasarkan penyiasatan tapak bagi kerja forensik berimpak besar dan berimpak kecil disediakan dalam tempoh 7 hari bekerja dari tarikh lawatan tapak.	7 HARI		ii. Laporan akhir berdasarkan penyiasatan tapak dan ujian makmal disediakan dalam tempoh 2 bulan.	2 BULAN	
a Bagi kerja-kerja forensik struktur, geoteknik dan jalan:																										
i. Maklumbalas awalan hasil pemeriksaan yang dijalankan di tapak disediakan dalam tempoh 3 hari bekerja selepas tarikh lawatan tapak.	3 HARI																									
ii. Laporan awal berdasarkan penyiasatan tapak bagi kegagalan berimpak besar disediakan dalam tempoh 7 hari bekerja dan berimpak kecil dalam tempoh 2 minggu dari tarikh lawatan tapak masing-masing.	7 HARI (IMPAK BESAR)																									
iii. Laporan akhir berdasarkan penyiasatan tapak dan ujian makmal disediakan dalam tempoh 2 bulan selepas keputusan ujian dan pemantauan diterima.	2 MINGGU (IMPAK KECIL)																									
	2 BULAN																									
b Bagi kerja-kerja forensik maritim, lapangan terbang dan pengangkutan darat:																										
i. Laporan awal berdasarkan penyiasatan tapak bagi kerja forensik berimpak besar dan berimpak kecil disediakan dalam tempoh 7 hari bekerja dari tarikh lawatan tapak.	7 HARI																									
ii. Laporan akhir berdasarkan penyiasatan tapak dan ujian makmal disediakan dalam tempoh 2 bulan.	2 BULAN																									

4.0 PENGURUSAN ADUAN		
		
Akuan penerimaan aduan	Maklum balas aduan	Penutupan aduan
1 HARI	7 HARI	30 HARI
PENGURUSAN ADUAN DI BAWAH TANGGUNGJAWAB JKR		
PENGURUSAN ADUAN BUKAN DI BAWAH TANGGUNGJAWAB JKR (NO WRONG DOOR POLICY- NWDP)		
1 HARI	7 HARI	
		
5.0 PENGURUSAN KEWANGAN <p>BAYARAN BIL DIBUAT DALAM TEMPOH 14 HARI DARI TARikh DOKUMEN LENGKAP DITERIMA</p>		

PORTFOLIO PENGURUSAN

| CDPK | CPAB | CREaTE | JKR WILAYAH PERSEKUTUAN | JKR KESEDAR | JKR NEGERI |

CDPK

CAWANGAN DASAR & PENGURUSAN KORPORAT

CDPK bertanggungjawab dalam memberi khidmat sokongan kepada Pengurusan Atasan dan organisasi JKR Malaysia dalam merancang, melaksana, memantau projek dan kemudahan awam dari segi jangka kos, jangka masa dan rupa bentuk yang dipersetujui dengan memberi penekanan kepada perkara-perkara berikut :

- i. Penyelarasan serta pemantauan pelaksanaan yang sistematik dan berkualiti dengan menggunakan sistem kerja, teknologi perhubungan serta sumber maklumat yang terkini.
- ii. Pembangunan dan pengurusan sistem kerja serta sumber manusia yang terancang.
- iii. Belanjawan serta kemudahan pelbagai yang cekap dan berkesan.

FUNGSI

- i. Merancang keperluan sumber manusia dan struktur organisasi jabatan.
- ii. Merancang dan melaksanakan program pembangunan kakitangan jabatan.
- iii. Meningkatkan prestasi dan kompetensi kakitangan jabatan secara berterusan.
- iv. Menguruskan soal perkhidmatan bagi kakitangan jabatan dengan berkesan.
- v. Mengurus, mengawal dan menyelaras sumber kewangan jabatan dengan cekap dan teratur supaya selaras dengan peraturan kewangan dan kerajaan.
- vi. Memberi khidmat sokongan kepada semua Cawangan/ Bahagian berkaitan dengan segala hal urusan kewangan dan belanjawan.
- vii. Membangun dan mengurus selia pengurusan dan teknologi maklumat yang berkesan sebagai input kepada pihak pengurusan dalam menggubal dasar dan mengatur strategi bagi mempertingkatkan taraf kemudahan awam.

PERKHIDMATAN

- i. Bertanggungjawab terhadap aspek pengambilan jawatan, pengesahan jawatan, kenaikan pangkat dan kemasukan dalam jawatan berpencegah jabatan.
- ii. Menyenggara dan mengemaskini data pegawai dan memproses permohonan perintah penempatan dan pertukaran pegawai.
- iii. Bertanggungjawab ke atas hal ehwal perkhidmatan dan latihan kakitangan jabatan.
- iv. Penyediaan perancangan, bentuk dan keperluan latihan untuk meningkatkan kemahiran profesionalisme serta kebolehan mengurus organisasi dengan lebih berkesan.
- v. Mengurus dan menyediakan bajet tahunan jabatan.
- vi. Mengkaji sistem pengurusan kewangan dari semasa ke semasa bagi tujuan meningkatkan kecekapan jabatan dalam bidang pengurusan kewangan.
- vii. Menguruskan aduan salah laku dan urusan tatatertib.
- viii. Membangun dan menambahbaik sistem aplikasi berkomputer seperti yang dirancang dalam tempoh yang dipersetujui bersama pelanggan.
- ix. Memastikan penyelenggaraan sistem aplikasi dilaksanakan secara berterusan dan sistem berfungsi dengan baik.

CPAB

CAWANGAN PERANCANGAN ASET BERSEPADU (CPAB)

CPAB bertanggungjawab di dalam:

- i. Meningkatkan daya saing JKR.
- ii. Memastikan aset infrastruktur berfungsi dengan sempurna, selamat dan selesa.
- iii. Mengelakkan kefungsian aset infrastruktur bagi memenuhi ciri-ciri teknikal dan ekonomi untuk mencapai nilai kos pusingan hayat yang optimum (*Optimum Life Cycle Cost*).
- iv. Memastikan perkhidmatan pengurusan projek dan penyenggaraan aset infrastruktur yang cemerlang, kos berkesan dan memenuhi keperluan pelanggan.

FUNGSI

- i. Pembangunan Dasar & Dokumentasi
 - Merangka dasar nasional bagi pengurusan dan penyenggaraan aset kerajaan yang bersepadu serta menyeluruh.
 - Membangunkan dokumentasi untuk amalan dan sistem proses kerja piawaian supaya pengurusan aset (merangkumi pengurusan projek dan fasiliti) adalah seragam serta sistematik.
- ii. Pembangunan Sistem Aplikasi & Pengurusan Pangkalan Data Aset
 - Membangun dan menyenggara aplikasi sistem Pengurusan Aset Tak Alih (mySPATA) sebagai “leverage” dalam mengurus aset kerajaan secara lebih sistematik.
 - Mengurus Pangkalan Data Aset untuk semua aset tak alih kerajaan ke arah pengurusan aset yang tepat dan berkesan berdasarkan data dan fakta.
- iii. Pembangunan Kompetensi & Kapasiti
 - Melaksanakan program peningkatan kompetensi dan profesionalisme dalam bidang pengurusan projek dan fasiliti.
 - Meningkatkan kapakaran, produktiviti, kualiti dan prestasi organisasi.

iv. Tadbir Urus Pengurusan Aset Kerajaan

- Melaksanakan pengawalan dan pengauditan aktiviti penyenggaraan bagi memastikan aset-aset kerajaan sentiasa berfungsi dengan sempurna, selesa dan selamat.
- Melaksana inisiatif perubahan yang efektif untuk keseluruhan JKR melalui ‘Project Managed Change Program’.

v. Perkhidmatan Perundingan Pengurusan Aset Menyeluruh

- Memberi khidmat nasihat dan perundingan terhadap penggunaan sistem, amalan, piawaian dan teknologi terkini (dalam bidang pengurusan projek dan fasiliti) yang lebih berkesan dan ekonomik kepada semua agensi kerajaan dengan menggalakkan kreativiti dan inovasi melalui amalan terbaik.

CREaTE

PUSAT KECEMERLANGAN KEJURUTERAAN DAN TEKNOLOGI JKR (CREaTE)

Sejarah pusat ini bermula dengan penubuhan Institut Latihan & Penyelidikan JKR (IKRAM) pada tahun 1988. Di dalam selang masa kira-kira 28 tahun, pelbagai perubahan dapat dilihat dalam struktur pentadbiran dan halatuju organisasi. Terkini, Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi JKR (CREaTE) telah berjaya disiapkan dan beroperasi pada 1 September 2016 di Alor Gajah, Melaka. Dalam usaha merealisasikan misi menjadi sebuah pusat kecemerlangan kejuruteraan dan teknologi negara bertaraf dunia, CREaTE telah diselaraskan kepada empat bahagian-bahagian utama iaitu:

- i. Bahagian Pengurusan Korporat (BPK)
- ii. Bahagian Inovasi, Penyelidikan dan Pembangunan Kejuruteraan (BIPPK)
- iii. Bahagian Kompetensi, Pensijilan dan Akreditasi Kejuruteraan (BKPAK)
- iv. Bahagian Pengurusan Aset dan Fasiliti (BPAF)

FUNGSI

CREaTE sebagai sebuah Pusat Kecemerlangan mempunyai misi dalam perkara-perkara berikut:

- i. Membangunkan modal insan yang kompeten, kreatif dan inovatif dalam bidang kejuruteraan dan teknologi.
- ii. Melaksanakan program pengujian, pensijilan dan akreditasi.
- iii. Melaksanakan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang kejuruteraan dan teknologi.
- iv. Membudayakan inovasi dan kreativiti.
- v. Memacu kelestarian dalam pengurusan pembangunan infrastruktur.

PERKHIDMATAN

CREaTE ditubuhkan bagi menggalas peranan penting dalam dua aspek utama iaitu; pembentukan modal insan kompeten melalui penganjuran kursus dan seminar yang berkaitan serta menjalankan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang kejuruteraan dan teknologi.

Dua perkhidmatan utama ini dijalankan melalui Bahagian Kompetensi, Pensijilan dan Akreditasi Kejuruteraan (BKPAK) dan Bahagian Inovasi, Penyelidikan dan Pembangunan Kejuruteraan (BIPPK) CREaTE.

JKR WILAYAH PERSEKUTUAN

JKR Wilayah Persekutuan diterajui oleh seorang Pengarah dan bertanggungjawab untuk merancang, melaksana dan menyenggara projek-projek pembangunan Wilayah Persekutuan seperti jalan dan bangunan kerajaan. Terdapat tiga (3) JKR Wilayah Persekutuan:

- i. JKR Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
- ii. JKR Wilayah Persekutuan Labuan
- iii. JKR Wilayah Persekutuan Putrajaya

JKR KESEDAR

KPKR telah dipertanggungjawabkan untuk mengawasi perjalanan Unit JKR KESEDAR. Tugas dan fungsi Unit ini pada masa itu hanyalah melaksanakan projek-projek di bawah program KESEDAR sahaja. Namun begitu, berdasarkan keperluan pembangunan yang pesat dalam kawasan seluruh Negeri Kelantan, tugas dan fungsi Unit ini telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan projek-projek Persekutuan selain projek KESEDAR.

JKR NEGERI

JKR Negeri diterajui oleh seorang Pengarah dan bertanggungjawab untuk merancang, melaksana dan menyenggara projek-projek pembangunan negeri seperti jalan dan bangunan kerajaan.

JKR KETENGAH

Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) ditubuhkan pada 12 April 1973 mengikut Akta Parlimer 104/73. Matlamat penubuhan KETENGAH adalah bagi mencapai Dasar Ekonomi Baru (DEB) iaitu membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat dalam wilayah. Kawasan KETENGAH yang meliputi lebih 50% keluasan Negeri Terengganu adalah kawasan yang luas untuk dibangunkan. KETENGAH diberi kuasa untuk menjalankan pembangunan ekonomi dan sosial dengan mendapat peruntukan bagi melaksanakan pembangunan daripada pelbagai sumber seperti Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB), peruntukan Kerajaan Negeri Terengganu, Wang Amanah, Dana Khas dan lain-lain lagi.

JKR KETENGAH telah ditubuhkan pada tahun 2019 mengikut model Unit JKR KESEDAR selepas beberapa kali dimansuhkan pada tahun 2000 dan tahun 2016.

Tugas dan fungsi jabatan ini adalah melaksanakan projek-projek di bawah program KETENGAH dan diperluaskan dari semasa dan telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan projek-projek Persekutuan di dalam wilayah KETENGAH.

Jabatan ini digerakkan oleh 29 orang pegawai dan kakitangan dari pelbagai kategori. Dengan diketuai oleh seorang Jurutera Awam Penguasa Gred J52 sebagai Pengarah. Jabatan ini dapat berfungsi sebagai agen pembangunan bagi Terengganu Tengah merangkumi tiga daerah iaitu Kemaman, Dungun dan Hulu Terengganu.

FUNGSI

JKR KETENGAH bertanggungjawab terhadap:

- i. Perancangan, rekabentuk dan pembinaan projek infrastruktur seperti jalan, cerun, bangunan kerajaan, lapangan terbang, pelabuhan, jeti dan aset kejuruteraan yang berkaitan.
- ii. Pengurusan penyenggaraan infrastruktur seperti jalan, cerun, bangunan kerajaan, lapangan terbang, pelabuhan, jeti dan aset kejuruteraan yang berkaitan.
- iii. Khidmat nasihat teknikal kepada kerajaan di peringkat persekutuan, negeri dan daerah.

PERKHIDMATAN*i. Perkhidmatan Pengurusan Projek*

Di dalam bidang pengurusan projek, kami terlibat dalam merancang, merekabentuk, melaksana dan memantau projek. Semasa melaksanakan sesuatu projek, kami perlu mengimbangkan masa, sumber dan kualiti supaya dapat menyiapkan projek tersebut dengan memenuhi objektif dan keperluan pelanggan.

Terdapat dua cara untuk melaksanakan projek-projek kami:

- Konvensional

Dengan menggunakan cara konvensional, semua perancangan dan rekabentuk dibuat secara dalaman (*in-house*). Fasa pembinaan dilakukan oleh kontraktor kami yang dilantik melalui proses tender. Untuk pengawasan dan pemantauan, kami mempunyai pilihan sama ada lakukannya sendiri atau melantik jurutera perunding untuk melakukannya.

*- Reka dan Bina (*Design and Build*)*

Bagi projek yang dilakukan secara reka dan bina, kami akan menentukan *needs statement*. Proses yang seterusnya akan bermula dari merancang, merekabentuk dan membina serta memantau akan dilakukan oleh kontraktor. Pada peringkat pembinaan, kami memainkan peranan sebagai juruaudit kualiti dan juga akan memantau projek pada keadaan yang tertentu.

Semua peringkat pengurusan projek yang dilakukan sama ada melalui cara konvensional atau cara reka dan bina, adalah dibatasi oleh Sistem Pengurusan Kualiti (SPK). Sistem ini merupakan usaha kami untuk mendapatkan produk yang berkualiti tinggi dan konsisten melalui kawalan proses.

*ii. Khidmat Nasihat Teknikal**- Perkhidmatan Perunding*

Sebagai perunding kerajaan, kami terlibat di dalam: Perancangan dan Rekabentuk Projek, dan Memberikan Input Profesional. Pelbagai bentuk projek yang dijalankan oleh JKR. Projek yang biasa dijalankan adalah projek jalan, bangunan kerajaan (seperti sekolah, pejabat, kuarter, masjid, hospital dan lain-lain), jeti, pelabuhan dan lapangan terbang. Pelanggan kami ialah Kementerian Kerja Raya dan agensi-agensi kerajaan yang lain.

- Perancangan dan Rekabentuk

Dalam perancangan dan rekabentuk projek, kami bermula dengan mengumpulkan maklumat yang dapat membantu kami dalam menganalisis kebolehlaksanaan projek. Selepas itu, kami meneruskan proses rekabentuk untuk menghasilkan pelan. Kami menggunakan perisian rekabentuk dan CADD (*state-of-the-art computer-aided design and drafting*) untuk membantu kami dalam rekabentuk senibina, struktur, jalan dan melukis pelan.

- Input Professional

Secara umumnya, input profesional merupakan nasihat teknikal dan penyelidikan. Sebagai contoh, kami memberi cadangan kepada kerajaan/pelanggan-pelanggan kami mengenai tindakan yang perlu diambil sekiranya berlaku kegagalan struktur bangunan dan tanah runtuh.

SEKTOR BANGUNAN

| CKK | CKP | CKBA 1 | CKBA 2 | CSFB | CKS |

CKK

CAWANGAN KERJA KESIHATAN

Cawangan Kerja Kesihsatan memainkan peranan penting di dalam melaksanakan projek-projek pembangunan dan penyenggaraan bangunan serta infrastruktur dan menyediakan khidmat perundingan teknikal kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) serta memberi khidmat kepada pihak pengurusan atasan JKR, JKR Negeri dan pengguna (*end user*).

FUNGSI

Bertindak sebagai penasihat teknikal kepada pihak jabatan pelanggan dan kerajaan amnya dalam memastikan projek-projek fasiliti kesihatan menepati kehendak pelanggan dengan memberi penekanan kepada;

- i. Jangkamasa penyempurnaan seperti yang dipersetujui bersama pelanggan
- ii. Kos yang ekonomik
- iii. Rupabentuk berinovasi, berkualiti serta memenuhi keperluan pelanggan

PERKHIDMATAN

Memberikan perkhidmatan teknikal sebagai pakar khusus dalam bidang rekabentuk kemudahan perubatan untuk mengurus serta melaksanakan projek-projek kesihatan melibatkan keperluan kompleks dengan pengkhususan (*specialisation*) yang melibatkan 32 bidang kepakaran seperti hospital, klinik, makmal serta pusat atau institusi pakar yang berkaitan di dalam sebuah fasiliti kesihatan.

CKP

CAWANGAN KERJA PENDIDIKAN

Cawangan Kerja Pendidikan (CKP) merupakan salah satu cawangan yang berada di bawah Sektor Bangunan. Penubuhan Cawangan ini adalah selaras dengan Dasar Pendidikan Negara untuk menjadikan Malaysia sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan Tinggi. CKP bertanggungjawab menjadi perantara antara kerajaan Malaysia (KPM). CKP komited dalam menawarkan, melaksanakan dan menyediakan perkhidmatan dalam bidang pengurusan projek dan kejuruteraan bagi pembangunan infrastruktur sektor pelajaran dan sektor pendidikan tinggi di Malaysia.

Cawangan Kerja Pendidikan terdiri daripada 15 bahagian;

- i. Bahagian Penyelaras & Khidmat Sokongan (BPKS)
- ii. Bahagian Pengurusan Perolehan & Kontrak (BPPK)
- iii. Bahagian Pengurusan Portfolio (PMO)
- iv. Bahagian Pengurusan Projek 1 (BPP1)
- v. Bahagian Pengurusan Projek 2 (BPP2)
- vi. Bahagian Pengurusan Projek 3 (BPP3)
- vii. Bahagian Pengurusan Projek 4 (BPP4)
- viii. Bahagian Pengurusan Projek 5 (BPP5)
- ix. Bahagian Pengurusan Projek 6 (BPP6)
- x. Bahagian Pengurusan Projek 7 (BPP7)
- xi. Bahagian Projek Negeri 1 Zon Selatan (BPN1)
- xii. Bahagian Projek Negeri 2 Zon Tengah (BPN2)
- xiii. Bahagian Projek Negeri 3 Zon Utara (BPN3)
- xiv. Bahagian Projek Negeri 4 Zon Timur - Pahang (BPN4)
- xv. Bahagian Projek Negeri 5 Zon Timur – Terengganu & Kelantan (BPN5)

PERKHIDMATAN

CKP bertanggungjawab ke atas projek-projek pembangunan sektor pelajaran dan sektor pendidikan tinggi yang dikendalikan oleh JKR. Perkhidmatan kami merangkumi;

- i. Menguruskan projek-projek pembangunan sektor pelajaran dan sektor pendidikan tinggi di seluruh Negara.
- ii. Memantau pelaksanaan projek-projek sektor pelajaran dan sektor pendidikan tinggi bermula dari perancangan projek sehingga penyerahan kepada pelanggan.
- iii. Menyelaras rekabentuk baru dengan Cawangan Pakar dan pihak pelanggan.
- iv. Memberikan perkhidmatan teknikal kepada projek-projek pembangunan sektor pelajaran dan sektor pendidikan tinggi.
- v. Menyediakan belanjawan operasi tahunan.
- vi. Membantu pelanggan menyediakan belanjawan pembangunan untuk Rancangan Malaysia.

CKBA 1

CAWANGAN KERJA BANGUNAN AM 1

Cawangan Kerja Bangunan Am 1 (CKBA 1) terletak di Menara PJD, Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur. Merupakan Cawangan dengan kakitangan seramai 133 orang.

CKBA 1 diketuai oleh seorang Pengarah Kanan dan terdiri daripada lapan (8) Bahagian yang bertanggungjawab dalam pelaksanaan dan penyelaras projek-projek di dalam dan juga luar negara. Antara bahagian-bahagian yang ada di CKBA 1 adalah:-

- i. Bahagian Penyelaras Dan Khidmat Sokongan (BPKS)
- ii. Bahagian Pengurusan Portfolio (PMO)
- iii. Bahagian Pengurusan Projek 1 (BPP 1)
- iv. Bahagian Pengurusan Projek 2 (BPP 2)
- v. Bahagian Pengurusan Projek 3 (BPP 3)
- vi. Bahagian Pengurusan Projek 4 (BPP 4)
- vii. Bahagian Pengurusan Projek 5 (BPP 5)
- viii. Bahagian Pengurusan Projek 6 (BPP 6)

FUNGSI

- i. Bertindak sebagai pejabat Ketua Pasukan Projek (HOPT) bagi merancang, mengurus pelaksanaan projek pembangunan bersama-sama Ketua Pasukan Rekabentuk (HODT) dan pelanggan.
- ii. Memantau dan mengawal prestasi pelaksanaan projek dari segi aspek fizikal dan kewangan.
- iii. Memberi nasihat teknikal dan professional serta menyelaras pelantikan perunding.
- iv. Bertindak sebagai pejabat Pengurus Program yang memantau projek-projek persekutuan yang dilaksanakan oleh negeri di mana JKR Negeri bertindak sebagai HOPT.

PERKHIDMATAN

CKBA 1 melaksanakan projek infrastruktur bangunan dan memberi khidmat perundingan teknikal untuk 8 Kementerian dan agensi-agensi di bawahnya untuk memenuhi Dasar Pembangunan Negara. Sehubungan itu, CKBA 1 memastikan keseragaman perkhidmatan kepakaran komunikasi teknikal dalam melaksanakan projek bagi menghasilkan produk berkualiti yang menepati kepuasan pelanggan.

CKBA 2

CAWANGAN KERJA BANGUNAN AM 2

Cawangan Kerja Bangunan Am 2 (CKBA 2) telah ditubuhkan pada 16 Mac 2015 dan secara umumnya berfungsi sebagai Cawangan yang menyediakan dan melaksanakan kemudahan infrastruktur pembangunan untuk semua jabatan pelanggan bagi memenuhi keperluan pelanggan. CKBA 2 memberi lebih tumpuan kepada penyerahan projek mengikut jadual yang dipersetujui, menguruskan perbelanjaan kos projek mengikut kos yang diluluskan serta menyediakan produk yang berkualiti yang memenuhi kepuasan pelanggan.

Penubuhan CKBA 2 telah dilakukan dengan menggabungkan Bahagian Penyelaras dan Khidmat Sokongan bersama lima (5) Bahagian Pengurusan projek dan Bahagian Pengurusan Portfolio. Ini adalah bertujuan untuk memantapkan lagi perkhidmatan yang akan diberikan kepada pihak pelanggan dalam memastikan pembinaan projek siap mengikut jadual ditetapkan dan dapat beroperasi dengan sempurna selari dengan kepuasan pihak pelanggan.

Bahagian Penyelarasan dan Khidmat Sokongan ditubuhkan bertujuan untuk melaksanakan tugas – tugas sokongan kepada 6 bahagian yang berada di dalam Cawangan ini. Ianya terbahagi kepada 4 unit iaitu Unit Perkhidmatan, Pentadbiran & Kewangan, Unit Pengurusan Sekretariat, Kompetensi, Latihan & Kualiti, Unit Khidmat sokongan, aduan & Pengurusan Aset dan Unit Pembangunan Skim Kejuruteraan. Bahagian Pengurusan Projek pula terbahagi kepada 5 Bahagian yang bertanggungjawab melaksanakan pengurusan dan pentadbiran projek adalah berlandaskan garis panduan dan prosedur yang telah ditetapkan. Bahagian Pengurusan Projek juga wajib memastikan perjalanan projek berjalan lancar dengan memantau kemajuan kerja – kerja di tapak projek secara berterusan serta memastikan pengurusan kewangan mencukupi sepanjang tempoh kontrak. Bahagian Pengurusan Portfolio pula bertindak memastikan pelaksanaan dan prestasi projek sejajar dengan strategi pelaksanaan melalui Penilaian Projek. Penilaian Projek adalah berdasarkan pelaporan status projek, pelaporan nilai, Project Health Check (PHC) dan pencapaian KPI pengurusan projek.

FUNGSI

- i. Menyediakan dan melaksanakan kemudahan infrastruktur pembangunan untuk semua jabatan pelanggan.
- ii. Menguruskan perbelanjaan kos projek mengikut kos yang diluluskan
- iii. Menyediakan produk yang berkualiti yang memenuhi kepuasan pelanggan
- iv. Menyediakan khidmat nasihat teknikal kepada kerajaan di peringkat persekutuan, negeri dan daerah.

PERKHIDMATAN

- i. Merancang, menyelaras, melaksana, memantau dan menyelia projek – projek pembangunan.
- ii. Mengurus dan mentadbir kontrak dari peringkat ‘inception’ hingga penyerahan projek.
- iii. Merancang, mengawalselia, mengawal dan mengurus kewangan projek.
- iv. Memberi khidmat nasihat teknikal kepada kementerian dan agensi kerajaan berkaitan dalam pelaksanaan projek pembangunan.

CSFB

CAWANGAN SENGGARA FASILITI BANGUNAN

Pada 17 Ogos 2007, Sektor Kejuruteraan Senggara (SKS) telah diluluskan perjawatan dan SKS terdiri daripada 3 cawangan di Ibu Pejabat dan Senggara Persekutuan Negeri seperti berikut:

- i. Cawangan Senggara Fasiliti Jalan (CSFJ)
- ii. Cawangan Senggara Fasiliti Bangunan (CSFB)
- iii. Cawangan Perkhidmatan Kejuruteraan Senggara (CPKS)
- iv. Senggara Persekutuan Negeri/ Daerah

Pada Januari 2008, Sektor Kejuruteraan Senggara (SKS) telah ditukar nama kepada Cawangan Kejuruteraan Senggara (CKS) yang terdiri daripada 5 bahagian seperti berikut:

- i. Bahagian Senggara Fasiliti Jalan (BSFJ)
- ii. Bahagian Senggara Fasiliti Bangunan (BSFB)
- iii. Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan Senggara (BPKS)
- iv. Bahagian Kejuruteraan Cerun (BKC)
- v. Bahagian Senggara Persekutuan Negeri (BSPN)

Pada Januari 2015 pula, Cawangan Kejuruteraan Senggara (CKS) telah dibubarkan dan Bahagian Senggara Fasiliti Bangunan ditukarkan semula kepada Cawangan Senggara Fasiliti Bangunan (CSFB) selaras dengan transformasi struktur baru JKR dalam merealisasikan Pelan Strategi 2012-2015.

Bahagian-bahagian yang terdapat di CSFB adalah seperti:

- i. Bahagian Penyelarasan dan Khidmat Sokongan
- ii. Bahagian Pemantauan, Penilaian dan Teknologi Bangunan
- iii. Bahagian Fasiliti Bangunan Am 1
 - Pasukan Projek BSI/ CIQ
 - Pasukan Projek Terminal Bersepadu Selatan
 - Pasukan Projek Istana Negara
- iv. Bahagian Fasiliti Bangunan Keselamatan Dalam Negeri dan Kesihatan
- v. Bahagian Fasiliti Bangunan Pendidikan
- vi. Bahagian Fasiliti Bangunan Tentera
- vii. Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan
- viii. Bahagian Fasiliti Bangunan Am 2
- ix. Pasukan Projek Kompleks Fasiliti Kerja Raya

Objektif CSFB adalah memastikan semua aset fasiliti bangunan sentiasa berfungsi dengan sempurna, selamat dan selesa untuk mencapai objektif Jabatan, mengekalkan kefungsian aset fasiliti bangunan bagi memenuhi ciri-ciri teknikal dan ekonomi untuk mencapai nilai kos kitaran hayat yang optimum (*optimum life cycle cost*) serta memastikan perkhidmatan senggara fasiliti bangunan yang cemerlang, kos berkesan dan memenuhi kepuasan pelanggan.

FUNGSI

- i. Menyedia sistem dan piawaian pengurusan dan penyenggaraan aset Kerajaan yang seragam dan sistematik supaya tahap keselamatan, kesihatan dan keselesaan sesuatu fasiliti bangunan dapat ditingkatkan.
- ii. Melaksana pengurusan dan penyenggaraan fasiliti bangunan yang bersepadu dan menyeluruh.
- iii. Menyelaras pengurusan dan penyenggaraan fasiliti bangunan yang dilaksanakan oleh jabatan dan agensi kerajaan serta menjalankan audit senggara asset mengikut program yang ditetapkan.
- iv. Memberi khidmat nasihat terhadap penggunaan sistem, amalan, piawaian dan teknologi terkini dalam bidang pengurusan dan penyenggaraan fasiliti bangunan yang lebih berkesan dan ekonomik.
- v. CSFB juga berfungsi sebagai urusetia berikut:
 - Urusetia Aset Alih Jabatan Kerja Raya Malaysia
 - Urusetia Penyelaras Bangunan Parlimen
 - Urusetia Syor Roboh Bangunan Persekutuan
 - Urusetia Jawatankuasa Pemandu Kontrak Pengurusan Fasiliti Kompleks CIQ Johor Bahru
 - Urusetia Jawatankuasa EKSA Blok F

PERKHIDMATAN

- i. Pengurusan Fasiliti (FM) Bangunan - Secara Penyumberan Luar/ Dalam
 - Pra Kontrak Pengurusan Fasiliti (FM)
 - Pos Kontrak Pengurusan Fasiliti (FM)
- ii. Pelaksanaan Pemulihan, Ubahsuai dan Naik Taraf Bangunan (PUN)
 - Pelaksanaan Kerja Pemulihan Bangunan
 - Pelaksanaan Ubahsuai dan Naik Taraf Bangunan

- iii. Urusetia Syor Roboh Bangunan Persekutuan
 - Memastikan semua permohonan Syor Roboh lengkap
 - Memastikan proses kelulusan Syor Roboh dilaksanakan dalam tempoh 14 hari bekerja
 - Memastikan keputusan Syor Roboh dimajukan kepada pemohon
 - Merekod sijil akuan roboh
- iv. Khidmat Nasihat Teknikal (Penyenggaraan)
 - Memberi Khidmat Nasihat Teknikal ke atas permohonan daripada Kementerian Pelanggan/ Agensi Kerajaan
- v. Operasi dan Penyenggaraan Bangunan
 - Operasi dan Penyenggaraan Aset (OPA)
 - Pengurusan Penyenggaraan Dalaman (Tenaga Jabatan)
 - Pengurusan Penyenggaraan Dalaman (Kontrak)
 - Penyenggaraan Laporan Pengukuran Prestasi Tahap Perkhidmatan OPA
 - Penyediaan Laporan Kajian Semula dan Cadangan Penambahbaikan OPA
 - Pengurusan Aduan Kerja-kerja Kerosakan
- vi. Penyelarasan Pemeriksaan dan Penilaian Bangunan
 - Pemeriksaan dan penilaian keadaan bangunan sedia ada
- vii. Pentadbiran Kontrak Senggara (Pra Kontrak)
 - Penyediaan Anggaran Awal
 - Penyediaan Cabutan Butir-butir Permulaan (PDA)
 - Penyediaan Senarai Kuantiti Manual
 - Penyediaan Dokumen Meja Tender dan Dokumen Tender
 - Pelawaan Tender
 - Penilaian Tender
 - Penyediaan Cabutan Butir-butir seperti ditender (ATDA)
- viii. Pentadbiran Kontrak Senggara (Pasca Kontrak)
 - Penyediaan Dokumen Kontrak
 - Proses Bayaran Pendahuluan
 - Proses Bayaran Interim
 - Penyediaan Perakuan Perubahan Kerja
 - Penyediaan Pelarasan Harga Kontrak (PHK)
 - Penilaian Tuntutan Kontraktor
 - Penyediaan Perakuan Muktamad
 - Penyediaan Perakuan Muktamad Kontrak yang Telah Ditamatkan
 - Penyediaan Semakan Semula Cabutan Butir-butir Seperti Ditender (Revised ATDA)
 - Proses Pengesyoran Bayaran Kepada Perunding Ukur Bahan
 - Penyediaan Cabutan Butiran-butir Sudah Siap Kerja (ACDA)

- ix. Keurusan Perolehan Kontrak Senggara
 - Urusetia Jawatankuasa Perubahan Kerja Peringkat Pegawai Pengguna
 - Urusetia Jawatankuasa Perubahan Kerja dan Kerja Tambahan Kuantiti Sementara Bagi Sebutharga Peringkat Pegawai Pengguna
 - Urusetia Jawatankuasa Perolehan Melalui Kontrak
 - Urusetia Jawatankuasa Sebutharga Cawangan Senggara Fasiliti Bangunan

CKS

CAWANGAN KERJA KESELAMATAN

Cawangan Kerja Keselamatan diwujudkan berikutan penstrukturkan organisasi Jabatan Kerja Raya Malaysia dan penubuhan Cawangan di bawah Sektor Bangunan berkuatkuasa pada tahun 2015. Lokasi pejabat Cawangan bertempat di Tingkat 16-20, Bangunan Maju Tower, Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur.

VISI

Berazam untuk menjadi sebuah jentera pelaksanaan projek infrastruktur yang unggul dan memberi khidmat nasihat teknikal yang terbaik.

MISI

Menghasilkan projek fasiliti keselamatan yang terbaik dengan ciri *sustainability* untuk kementerian pelanggan dengan memastikan kecemerlangan teknologi terkini, menjunjung integriti serta menyediakan kualiti kehidupan yang lebih baik kepada semua.

FUNGSI

- i. Merancang strategi program pelaksanaan projek bersama pelanggan.
- ii. Memberi khidmat nasihat teknikal dan pengurusan projek kepada pelanggan.
- iii. Menetapkan dasar dan kaedah pelaksanaan projek sama ada pelaksanaan oleh Jabatan, melalui khidmat perunding atau kaedah Reka dan Bina dan sebagainya.
- iv. Mengurus penyediaan keperluan terperinci projek dengan pihak pelanggan.

- v. Menyelaras dengan disiplin di Sektor Pakar bagi merancang pelaksanaan pembangunan rekabentuk dan perolehan.
- vi. Memantau perkembangan rekabentuk projek di Sektor Pakar.
- vii. Mengurus perlantikan perkhidmatan perunding.
- viii. Mengurus penyediaan pernyata kehendak Kerajaan (Need Statement) dan dokumen perolehan bagi pelaksanaan projek Reka & Bina.
- ix. Menyelaras dengan Pegawai Pengguna atau wakilnya di Ibu Pejabat JKR Negeri dan Daerah semasa projek dilaksanakan untuk memastikan bahawa projek dilaksanakan dengan lancar.
- x. Memantau kerja-kerja binaan dan memberi khidmat sokongan teknikal kepada penyelia projek di tapak.
- xi. Memantau dan menyediakan laporan projek kepada pihak pelanggan serta memberi pandangan/ nasihat pada isu-isu yang dapat membantu melaksanakan projek dengan segera.

PERKHIDMATAN

- i. Melaksanakan projek pembangunan dan infrastruktur.
- ii. Memberi khidmat perunding teknikal bagi Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Pertahanan (MINDEF), Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (PKPT).
- iii. Membantu pelanggan menyediakan kertas rancangan dan belanjawan projek-projek pembangunan.

SEKTOR PAKAR

CKE	CA	CKM	CKUB	CKAS	CASKT	CKG
-----	----	-----	------	------	-------	-----

CKE

CAWANGAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK

Cawangan Kejuruteraan Elektrik (CKE) diwujudkan pada bulan November 1967. Cawangan ini ditubuhkan bagi mengambil alih kerja-kerja pemasangan elektrik bagi projek pembangunan kerajaan yang sebelum ini dikendalikan oleh Lembaga Letrik Negara (LLN). CKE bertanggungjawab dalam memberikan perkhidmatan sokongan teknikal. Objektif utama CKE adalah seperti berikut:

- i. Memastikan pelaksanaan projek pembangunan infrastruktur untuk agensi kerajaan dalam bidang kejuruteraan elektrik menepati kualiti, masa dan kos yang ditetapkan
- ii. Memastikan pengurusan fasiliti aset kejuruteraan elektrik di premis kerajaan menepati amalan terbaik supaya sentiasa berfungsi dengan baik, selamat dan kos efektif.
- iii. Memastikan perkhidmatan perundingan pakar dalam bidang kejuruteraan elektrik kepada agensi kerajaan berdasarkan profesionalisme dan berintegriti.

FUNGSI

PERUNDINGAN TEKNIKAL

- i. Merancang, merekabentuk dan mengurus perolehan projek-projek kerajaan
- ii. Memberi khidmat nasihat teknikal kepada agensi kerajaan yang lain.

PENGURUSAN PROJEK

- i. Merancang, merekabentuk, melaksana, memantau dan mengawal pelaksanaan projek mengikut jangkamasa, kos dan kualiti yang ditetapkan

PENGURUSAN FASILITI ASET

- i. Melaksanakan kerja-kerja senggara bagi pepasangan elektrik mengikut piagam pelanggan dan program senggara yang ditetapkan dengan peruntukan yang disediakan oleh jabatan pelanggan.
- ii. Memberi khidmat perundingan teknikal berkaitan dengan pengurusan penyenggaraan elektrik kepada agensi kerajaan yang lain.

CA

CAWANGAN ARKITEK (CA)

Cawangan Arkitek berazam untuk menjadi peneraju dalam pembangunan alam bina lestari melalui kecemerlangan senibina. Aspirasi ini terus dipupuk dengan membangunkan inisiatif-inisiatif yang akan memperkasakan Cawangan Arkitek sebagai pusat rujukan perkhidmatan kepada senibina yang terunggul. Cawangan Arkitek akan terus proaktif kepada perubahan, sentiasa menerapkan amalan pembangunan lestari dan mengaplikasikan teknologi terkini bagi menjamin penyelesaian lestari yang kreatif dan inovatif.

Sebagai *custodian* kepada Disiplin Arkitek, Cawangan Arkitek bertanggungjawab untuk merancang dan melaksanakan program-program pembangunan kerja semua tenaga kerja yang terlibat dalam bidang senibina bagi melahirkan modal insan yang produktif, kreatif, inovatif dan berintegriti.

FUNGSI

- i. Memberikan input dan khidmat pakar dalam pelaksanaan reka bentuk pelbagai fasiliti bangunan
- ii. Menerajui pembangunan seni bina lestari di peringkat jabatan
- iii. Ketua Disiplin Arkitek
- iv. Menerajui Pengurusan Strategik Disiplin Arkitek
- v. Bertanggungjawab ke atas kemajuan kerjaya pegawai dan kakitangan dalam bidang seni bina

- vi. Menyelaras dengan disiplin lain di Sektor Pakar bagi merancang pelaksanaan pembangunan reka bentuk dan perolehan
- vii. Menghasilkan reka bentuk pelbagai fasiliti bangunan kerajaan yang menepati kos, kualiti dan tempoh siap yang dipersetujui oleh kementerian
- viii. Memperkasakan proses kerja penyampaian reka bentuk fasiliti bangunan dan juga melaksanakan program-program menyokong pembangunan mampan dan lestari dari aspek seni bina
- ix. Menjalankan kerja-kerja Forensik Seni Bina
- x. Mengadakan program-program pembangunan dan inovasi dalam bidang seni bina dan program pembangunan teknologi bangunan piawaian
- xi. Menyediakan garis panduan, kajian, piawaian dan rujukan kesenibinaan
- xii. Menjalankan program dan kajian usaha sama dengan beberapa IPT tempatan
- xiii. Melaksana tadbir urus *Change Management* untuk *Building Information Modelling* (BIM-JKR)
- xiv. Latihan dan pembangunan kerjaya Disiplin seni bina dalam pelaksanaan *Competency Based Human Resource Management* (CBH-RM)

PERKHIDMATAN

- i. Penyediaan perkhidmatan reka bentuk senibina
- ii. Penyediaan perkhidmatan perundingan teknikal
- iii. Pembangunan dan pemerkasaan kecemerlangan senibina
- iv. Pengurusan dan pembangunan disiplin senibina JKR

CKM

CAWANGAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL (CKM)

Cawangan Kejuruteraan Mekanikal (CKM) merupakan salah satu cawangan di bawah Sektor Pakar JKR Malaysia. CKM diterajui oleh Pengarah Kanan Cawangan yang dibantu dua (2) orang pengarah iaitu Pengarah Khidmat Pakar dan Pengarah Rekabentuk. CKM terbahagi kepada lima (5) bahagian utama iaitu:

- i. Rekabentuk
- ii. Khidmat Pakar
- iii. Bahagian Pengurusan Portfolio dan Sistem Maklumat
- iv. Bahagian Penyelaras dan Khidmat Sokongan
- v. JKR Woksyop Persekutuan

Fungsi-fungsi utama CKM adalah menyediakan Khidmat Perundingan Teknikal, Pengurusan Projek dan Pengurusan Penyenggaraan yang komprehensif. Pejabat CKM terletak di Tingkat 24-28, Blok G, Menara Kerja Raya, Ibu Pejabat JKR yang menempatkan semua bahagian kecuali JKR Woksyop Persekutuan yang ditempatkan di Jalan Arowana, Cheras, Kuala Lumpur. Terdapat pegawai dan staf seramai 223 orang yang bertugas di Ibu Pejabat CKM manakala 193 orang pula bertugas di JKR Woksyop Persekutuan yang diketuai oleh Pengarah Kanan serta dibantu oleh Pengarah Rekabentuk dan Pengarah Khidmat Pakar.

FUNGSI

Rekabentuk

i. Bahagian Rekabentuk

- Merancang pelaksanaan projek dan bertindak sebagai Pengurus Program, Ketua Pasukan Projek (HOPT), Ketua Pasukan Rekabentuk (HODT), Pegawai Pengguna (PP) dan Wakil Pegawai Pengguna Pakar (WPP Pakar) bagi projek-projek di bawah Kementerian/ Agensi berkaitan.
- Melaksanakan rekabentuk, perolehan, pengawasan, pengujian, pentauliahan dan penyerahan sistem mekanikal kepada pelanggan yang menepati piawai, kualiti, masa, dan kos yang ditetapkan.
- Menyediakan khidmat perundingan teknikal yang cekap dan berkesan dalam bidang kejuruteraan mekanikal kepada pelanggan.
- Menguruskan perkhidmatan perunding yang merangkumi pelantikan, pengawasan, penilaian prestasi dan bayaran.

ii. Bahagian Kontrak & Ukur Bahan

- Menyediakan khidmat nasihat berkaitan perolehan dan pentadbiran kontrak.
- Mengurus dan melaksanakan perolehan kerja dan perkhidmatan perunding yang merangkumi pelawaan/ iklan, Surat Setuju Terima Tender dan Dokumen Kontrak.
- Melaksanakan semakan/ audit teknik bagi dokumentasi di peringkat pra dan pos kontrak.
- Keurusan bagi Jawatankuasa Sebut Harga, Jawatankuasa Penilaian Perunding dan lain-lain yang berkaitan.

Khidmat Pakar

i. Bahagian Khidmat Pakar

- Menyediakan khidmat nasihat teknikal dalam bidang kejuruteraan mekanikal merangkumi kerja-kerja forensik, pengurusan tenaga, sistem penyaman udara, kualiti udara dalam, peralatan pengangkutan, perlindungan risiko kebakaran dan kejuruteraan bendarilir.
- Melaksanakan kerja penyelidikan, pembangunan dan inovasi dalam bidang kejuruteraan mekanikal.
- Melaksanakan projek retrofit berkaitan perkhidmatan mekanikal dalam bangunan.
- Membangunkan dokumentasi teknikal dalam bidang kejuruteraan mekanikal selaras dengan akta dan teknologi semasa.
- Melaksanakan audit teknikal dalam bidang kejuruteraan mekanikal berdasarkan keperluan pelanggan.

ii. Bahagian Pembangunan Kuari dan Pengurusan Aset

- Menyediakan khidmat rundingan nasihat teknikal berhubung dengan bidang kejuruteraan mekanikal kuari dan loji serta peralatan pengangkutan kepada pelanggan.
- Melaksanakan projek retrofit berkaitan kuari dan loji.
- Merancang dan mengurus perolehan kelengkapan kuari, kenderaan dan loji.
- Membangunkan dokumentasi teknikal piawaian (standard) dan garis panduan berhubung dengan bidang kuari dan loji.
- Melaksanakan audit pengurusan woksyop dan pemantauan penyenggaraan kenderaan JKR milik Persekutuan.
- Mengurus aset alih Cawangan Kejuruteraan Mekanikal selaras dengan Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan (1PP).
- Mengurus kenderaan Jawatan, Jabatan dan konsesi.

JKR Woksyop Persekutuan

- i. Melaksanakan penyelenggaraan, pembaikan dan pengujian aset jabatan dan agensi kerajaan.
- ii. Melaksanakan pemeriksaan kenderaan baharu dalam menentukan ketetapan spesifikasi, penilaian kenderaan terpakai dan kenderaan kemalangan serta pelupusan kenderaan jabatan Kerajaan Persekutuan.
- iii. Melaksanakan kerja-kerja penggantian peralatan mekanikal dalam bangunan bagi bangunan Kerajaan Persekutuan.
- iv. Menyediakan perkhidmatan pemandu kerajaan dan peralatan mekanikal kepada majlis rasmi kerajaan.
- v. Memberi khidmat nasihat teknikal dan pakar rujuk kepada jabatan dan agensi kerajaan.

PERKHIDMATAN

- i. Menyiapkan kerja rekabentuk sistem mekanikal yang menepati piawai, kualiti, masa dan kos yang ditetapkan.
- ii. Menyerahkan projek sistem mekanikal yang menepati kualiti, masa dan kos yang ditetapkan.
- iii. Melaksanakan kerja penyenggaraan sistem mekanikal, kenderaan, loji pembinaan jalan dan loji kuari kepunyaan kerajaan yang menepati kualiti, masa dan kos yang ditetapkan.
- iv. Menguruskan aset-aset terdiri daripada sistem mekanikal dalam bangunan, kenderaan, loji pembinaan jalan dan loji kuari kepunyaan JKR yang dapat memenuhi keperluan semasa jabatan.
- v. Menyediakan khidmat rundingan teknikal berhubung dengan bidang kejuruteraan mekanikal kepada agensi kerajaan dan badan berkanun dengan tepat dan cepat

CKUB

CAWANGAN KONTRAK DAN UKUR BAHAN (CKUB)

Unit Ukur Bahan hanya mula diwujudkan dalam organisasi Jabatan Kerja Raya di bawah Cawangan Arkitek antara tahun 1950 – 1951. Pengwujudan Unit Ukur Bahan telah didorong oleh keperluan untuk mengadakan Jadual Kadar Harga bagi maksud pengawalan perbelanjaan Kerajaan.

Peranan Unit Ukur Bahan bertambah luas dengan timbulnya keperluan untuk menyediakan Senarai Kuantiti dan penilaian perubahan kerja untuk kontrak kerja bangunan. Unit Ukur Bahan juga dipertanggungjawabkan untuk memberi khidmat nasihat kos dan pentadbiran kontrak dari segi hal-hal berkaitan dengan undang-undang dan kewangan di peringkat pra dan pos kontrak.

Dengan perluasan peranan dan fungsi yang dimainkan oleh Unit Ukur Bahan, statusnya dinaikkan kepada status Cawangan dan dikenali sebagai Cawangan Ukur Bahan dalam tahun 1956. Seiring dengan pembangunan negara yang pesat selepas negara mencapai kemerdekaan, peranan dan fungsi Cawangan Ukur Bahan dalam pelaksanaan projek-projek bertambah luas dan penting kerana terdapat penekanan kepada pentadbiran dan pengurusan tender dan kontrak Kerajaan yang berkesan. Nama Cawangan telah ditukarkan kepada Cawangan Kontrak & Ukur Bahan dalam tahun 1988 sejajar dengan peranan yang dimainkan di dalam organisasi JKR.

CKUB diterajui oleh Pengarah Kanan Cawangan yang dibantu oleh 3 orang Pengarah. Cawangan ini beroperasi dengan 14 bahagian utama yang fokus kepada keperluan utama kontrak kerajaan seperti pengurusan tender dan kontrak, khidmat kos, pengurusan dasar kontrak, pengurusan ICT, serta perkhidmatan perunding.

Semenjak penubuhannya, CKUB telah mencatatkan peningkatan operasi yang memberangsangkan. Cawangan ini juga berkeyakinan untuk menjadi pusat rujukan yang ulung dalam pengurusan kontrak serta maklumat kos pembinaan. Cawangan ini turut berazam untuk memastikan perkhidmatan kepakaran ukur bahan sentiasa efektif dalam melicinkan pengurusan tender dan pentadbiran kontrak selaras dengan Dasar Perolehan Kerajaan dan kehendak pelanggan.

FUNGSI

- i. Memberi perkhidmatan kepakaran ukur bahan dalam pengurusan perolehan dan pentadbiran kontrak.
- ii. Merangka tatacara dan panduan yang terbaik berkaitan perolehan dan pengurusan kontrak selaras dengan dasar kerajaan.
- iii. Memberi perkhidmatan maklumat kos pembinaan untuk projek-projek kerajaan.
- iv. Memberi khidmat nasihat teknikal berkaitan perolehan dan kontrak kepada agensi kerajaan

PERKHIDMATAN

Pra Kontrak

- i. Memberi perkhidmatan kepakaran Ukur Bahan di peringkat Pra Kontrak yang berkualiti dan disiapkan mengikut jadual pelaksanaan yang dipersetujui bersama seperti:
 - i. Menyediakan Senarai Kuantiti dalam tempoh 1 bulan selepas lukisan terakhir diterima.
 - ii. Menyediakan Dokumen Tender dalam tempoh 2 minggu selepas Senarai Kuantiti/ Ringkasan Tender disiapkan.
 - iii. Menyediakan Anggaran awalan/ PDA dalam tempoh 2 minggu selepas lukisan awalan/ skop kerja.
 - iv. Membuat penilaian tender dalam tempoh 1 bulan selepas tarikh tutup tender.
 - v. Melaksanakan Audit Teknikal dalam tempoh 2 minggu selepas arahan/ permintaan.
 - vi. Merundingkan Harga Kontrak dalam tempoh 1 bulan selepas menerima Harga Tawaran Akhir daripada kontrak.

Pos Kontrak

- ii. Memberi perkhidmatan kepakaran Ukur Bahan di peringkat Pos Kontrak yang berkualiti dan menepati syarat-syarat kontrak seperti;
 - i. Menyediakan Bayaran Interim dalam tempoh 7 hari bekerja dari tarikh penilaian di tapak.
 - ii. Menilai perubahan kerja dalam tempoh 2 bulan selepas kerja-kerja perubahan disiapkan.
 - iii. Memberi khidmat nasihat kontrak mengikut masa yang telah ditetapkan.
 - iv. Melaksanakan Audit Teknikal dalam tempoh 2 minggu selepas arahan/ permintaan.
 - v. Menyediakan Perakuan Muktamad dalam tempoh 6 bulan selepas Perakuan Siap Kerja (CPC).

- vi. Menilai dan memperakarkan tuntutan kontraktor dalam tempoh 2 ½ bulan selepas menerima butir-butir serta bukti tuntutan dari kontraktor.
- iii. Menggubal dasar mengenai peraturan tender dan kontrak yang saksama yang memenuhi ciri-ciri pertanggungjawaban awam selaras dengan dasar semasa kerajaan dalam tempoh 1 bulan dari tarikh arahan.
- iv) Menjalankan kaji selidik dan mengeluarkan maklumat kos binaan terkini yang boleh diyakini.

CKAS

CAWANGAN KEJURUTERAAN AWAM DAN STRUKTUR

Cawangan Kejuruteraan Awam dan Struktur adalah komited untuk menyediakan khidmat rekabentuk kejuruteraan awam, struktur dan rehabilitasi, perkhidmatan forensik dan khidmat nasihat teknikal dengan memberi perkhidmatan profesional yang berkualiti kepada organisasi JKR dan agensi pelanggan berteraskan kepada;

- Tempoh masa yang ditetapkan
- Kos yang ekonomik; dan
- Rekabentuk mengikut perubahan teknologi semasa

Cawangan ini juga komited untuk menyiapkan dan menyerahkan kerja tersebut kepada pelanggan dalam tempoh yang dipersetujui.

FUNGSI

Menyediakan kepakaran rekabentuk dan khidmat nasihat teknikal dalam bidang kejuruteraan awam dan struktur kepada organisasi JKR yang mengendalikan projek pembangunan Kerajaan bagi memenuhi dasar pembangunan negara.

PERKHIDMATAN

Bahagian Kejuruteraan Awam

- i. Menyedia rekabentuk, lukisan, spesifikasi serta anggaran kos berdasarkan kepada kaedah pelaksanaan projek secara konvensional (in-house), konvensional (perunding) dan Reka & Bina (Design & Build).

- ii. Mengurus permohonan kelulusan kerja kepada Pihak Berkusa Tempatan/ Pihak Berkusa Air Negeri/ JPS/ IWK/ SPAN.
- iii. Memberi cadangan kerja-kerja naiktaraf kemudahan infrastruktur projek sedia ada.
- iv. Memberi khidmat nasihat teknikal kepada JKR Negeri dan juga agensi kerajaan.
- v. Merancang serta melaksanakan Program Kajian dan Pembangunan (R&D) untuk menghasilkan rekabentuk insfrastruktur yang selamat, bermutu dan ekonomi untuk memenuhi keperluan insfrastruktur semasa.

Bahagian Struktur

- i. Mengurus pelaksanaan projek dalam penyediaan rekabentuk, lukisan struktur, spesifikasi serta anggaran kos berdasarkan kepada kaedah pelaksanaan projek secara konvensional (*in-house*), konvensional (perunding) dan Reka & Bina (*Design & Build*).
- ii. Memberi khidmat nasihat teknikal yang berkaitan.
- iii. Merekabentuk dan penyediaan Lukisan Asas.

Bahagian Rehabilitasi Dan Konservasi Struktur

- i. Melaksanakan rekabentuk bagi kerja rehabilitasi/ retrofit struktur untuk HOPT Sektor Bangunan.
- ii. Melaksanakan pemeriksaan binaan struktur bagi projek dalam fasa pembinaan dari semasa ke semasa.
- iii. Melaksanakan kajian;
 - Vulnerability Studies to *Existing Building / Structure Due to Seismic Activities In Sabah*.
 - Hazard Assessment of Building Due to Long Distant Earthquake.

Bahagian Perkhidmatan Forensik

- i. Menyediakan khidmat nasihat pakar bagi mengatasi masalah forensik struktur yang dihadapi oleh JKR dan agensi-agensi kerajaan lain.
- ii. Menerajui penyiasatan forensik ke atas kegagalan struktur serta mencadangkan tindakan pembaikan dan pencegahan.
- iii. Mengawasi serta menilai jaminan kualiti kerja-kerja pembaikan.
- iv. Membangunkan teknologi inovatif serta teknik-teknik pembaikan baharu dan kos yang efektif.
- v. Merancang dan menerajui projek kajian dan pembangunan dalam bidang kejuruteraan forensik.
- vi. Menerbitkan laporan kajian, garis panduan, amalan terbaik dan spesifikasi yang berkaitan dengan kerja-kerja kejuruteraan forensik.

CASKT

CAWANGAN ALAM SEKITAR DAN KECEKAPAN TENAGA

Penubuhan cawangan bermula dengan nama Cawangan Alam Sekitar dan ditubuhkan pada bulan Julai 2002 semasa penstrukturkan semula JKR. Pada tahun 2008, cawangan telah meluaskan skop kerja meliputi kecekapan tenaga sebagai mengambil langkah-langkah proaktif bagi mewujudkan kecekapan tenaga dan diubah kepada Cawangan Alam Sekitar Dan Kecekapan Tenaga. CASKT mengorak langkah ke arah pembangunan lestari dan telah mewujudkan Bahagian Eko-Efisiensi pada tahun 2011 dan pada tahun 2014, CASKT telah melalui satu lagi proses penyusunan semula sejarah dengan struktur terkini yang terdiri dari 3 bahagian utama iaitu:

- Bahagian Penyelaras dan Khidmat Sokongan
- Bahagian Pakar
- Bahagian Pengurusan Projek

FUNGSI

- i. Menggubal, menentukan pelaksanaan dan menyemak semula supaya polisi Pembangunan Lestari JKR sentiasa relevan.
- ii. Menjadi pemilik dan pelaksana sistem pegurusan berkaitan kelestarian;
 - MS ISO 14001 (Sistem Pegurusan Alam Sekitar, SPAS);
 - MS ISO 50001 (Sistem Pengurusan Tenaga, SPT).
- iii. Melaksana/ menyelaras sistem penilaian tahap kelestarian projek seperti pH JKR dan MyCREST.
- iv. Merancang, menentukan serta mengurus kajian EIA.
- v. Merancang dan memantau pelaksanaan kecekapan tenaga di bangunan bangunan kerajaan yang telah dikenalpasti.
- vi. Memberi khidmat nasihat pakar mengenai pembangunan lestari.
- vii. Mempromosi dan menguruskan latihan berkaitan pembangunan lestari.

PERKHIDMATAN

Bahagian Pengurusan Projek

- i. Pelaksanaan pembangunan lestari di semua peringkat projek;
 - Skop Alam Sekitar
 - Skop Kecekapan Tenaga
 - Penarafan Hijau (pH)/ MyCREST

- ii. Merancang dan menyedia bagi projek konvensional;
 - Permohonan Penilaian Awal Tapak (PAT)
 - TOR kajian *Environmental Impact Assessment* (EIA) dan menyelaras pelaksanaan kajian EIA bagi projek berkaitan
- iii. Melaksanakan Sistem Pengurusan Alam Sekitar ISO 14001 dalam projek berkaitan.
- iv. Menyedia senarai kuantiti skop kerja alam sekitar bagi projek-projek conventional in-house atau menyediakan *Needs Statement* kerja Alam Sekitar dan Kecekapan Tenaga bagi projek R&B.
- v. Memberi input teknikal berhubung pembangunan lestari dalam bengkel Pengurusan Nilai.
- vi. Melaksanakan kajian semula/ verifikasi/ validasi rekabentuk/ menyemak lukisan EPW/ ESCP bagi projek-projek berkaitan.
- vii. Menyemak dan menyediakan ulasan kepada laporan kajian EIA, EMP, cadangan teknikal kontraktor Reka & Bina.
- viii. Melaksana Audit Dalaman JKR SPAS 14001:2004 bagi projek-projek berkaitan dan audit pembinaan.
- ix. Memberi khidmat nasihat teknikal dan pengurusan kontrak berkaitan pembangunan lestari.
- x. Menyediakan kertas cadangan kursus bagi kompetensi alam sekitar.

Bahagian Pakar

- i. Memastikan aspek-aspek pembangunan lestari yang terkini didokumenkan, dimaklumkan dan dipromosikan secara berterusan di peringkat JKR dan menyelaras pelaksanaan pembangunan lestari JKR di peringkat ibu pejabat dan negeri.
- ii. Merancang dan menyelaras pelaksanaan sistem SPAS (selaku owner) di bawah SPB.
- iii. Merancang dan menyelaras pelaksanaan sistem SPT (selaku owner) di bawah SPB dan Ahli Pasukan Pengurusan Tenaga Kompleks Ibu Pejabat (selaku pelaksana).
- iv. Membangun, mengemaskini dan menambahbaik dokumen berkaitan pembangunan lestari.
- v. Menyelaras pembangunan kompetensi bagi SPAS (CPESC, lead auditor), SPT (energy manager, lead auditor), pH JKR (penilai), MyCREST (qualified professional, Assessor, Commissioning Authority (CxA) dan GPSS (penilai)).
- vi. Menganalisa pencapaian penarafan hijau.
- vii. Menyelaras penglibatan CASKT dalam skop kecekapan tenaga dan tenaga diperbaharui di peringkat jabatan, agensi kerajaan lain dan antarabangsa.
- viii. Menyelaras pelaksanaan projek perintis Government Green Procurement (GGP) dalam perolehan kerja.

CKG

CAWANGAN KEJURUTERAAN GEOTEKNIK

Penubuhan Cawangan Kejuruteraan Jalan & Geoteknik (CKJG) telah diluluskan pada 12 Disember 2007 dengan fungsi dan peranan sektor pakar yang selaras dengan visi dan misi JKR. CKJG telah ditubuhkan akibat penyusunan semula JKR dari sistem '*self-contained*' kepada sistem '*matrix organisation*'.

Secara umumnya CKJG berfungsi memberi perkhidmatan sokongan teknikal yang merangkumi kepakaran dalam bidang kejuruteraan jalan, keselamatan jalan dan kejuruteraan geoteknik kepada organisasi utama JKR Malaysia dalam melaksanakan pembangunan infrastruktur dan pembangunan Kerajaan di peringkat Persekutuan dan Negeri.

Penubuhan cawangan ini telah dilakukan dengan menggabungkan Unit Rekabentuk Jalan, Unit Keselamatan Jalan, Unit Geoteknik yang berada di bawah Cawangan Jalan dengan Unit Geoteknik yang terletak di bawah Cawangan Pakar dan Kejuruteraan Awam untuk memantapkan lagi perkhidmatan yang diberikan sebelum ini.

Cawangan Kejuruteraan Geoteknik (CKG) pula telah ditubuhkan untuk memberi khidmat pakar dalam bidang kejuruteraan geoteknik dalam penstrukturkan semula organisasi JKR seperti mana yang diluluskan dalam Waran Penjawatan 2014 (K88) dan mula beroperasi pada Januari 2015.

CKG telah ditempatkan dibawah Sektor Pakar dengan halaju menjadi pusat kecemerlangan kepakaran yang terunggul dalam bidang kepakaran kejuruteraan geoteknik manakala Kejuruteraan Jalan di bawah CKJG kini berada di bawah Cawangan Jalan.

FUNGSI

- i. Rekabentuk Geoteknik
 - Menjalankan kerja-kerja rekabentuk kejuruteraan geoteknik secara Jabatan untuk projek-projek pembangunan Kerajaan.
 - Bertindak sebagai penyemak/ auditor kepada rekabentuk yang dilakukan oleh pihak perunding bagi projek konvesional perunding dan reka & bina.
- ii. Khidmat Pakar Teknikal Pakar
 - Menjadi penasihat teknikal kepada Jabatan dan lain-lain agensi kerajaan berkaitan dengan kejuruteraan geoteknik.
- iii. Forensik
 - Menjalankan kerja penyiasatan forensik geoteknik serta pengesyoran kaedah pemasukan dan pemulihian kegagalan atau kecacatan geoteknik yang optimum.
- iv. Penyelidikan dan Pembangunan
 - Melaksanakan penyelidikan bagi tujuan pembangunan kepakaran dalam bidang kejuruteraan geoteknik.
 - Membangun dan mengurus dokumen piawai termasuk spesifikasi dan garis panduan kejuruteraan geoteknik.
 - Membuat penemuan inovasi baru serta meneroka kebolehgunaan teknologi dan produk terkini kejuruteraan geoteknik.
- v. Pembangunan Modal Insan
 - Menyediakan program-program pembangunan kompetensi kejuruteraan geoteknik.
 - Membangunkan program pensijilan Jurutera Geoteknik.
- vi. Pejabat Pengurusan Portfolio
 - Memantau dan melaporkan prestasi projek di bawah seliaan cawangan serta memastikan pelaksanaan dan prestasi projek sejajar dengan strategi pelaksanaan.
 - Pemantauan prestasi cawangan dalam mematuhi Piagam Pelanggan dengan membuat analisis bulanan.
 - Pemantauan kecemerlangan cawangan dalam penyampaian pelanggan projek dengan memantau dan menganalisis maklumbalas Kepuasan Pelanggan terhadap cawangan secara bulanan.
 - Memastikan pelaksanaan Amalan Terbaik Pengurusan Projek di peringkat cawangan.

- vii. Siasatan Tapak (SI)
- Merancang kerja-kerja penyiasatan tanah dan pengujian makmal bagi projek-projek baru bangunan, jalan, dan infrastruktur serta penyiasatan forensik geoteknik.
 - Menguruskan perolehan dan melantik kontraktor bagi kerja-kerja penyiasatan tanah dan pengujian makmal mengikut prosedur semasa yang dibenarkan dalam perolehan kerja kerajaan.
 - Memantau dan mengesahkan kerja-kerja penyiasatan tanah bagi memastikan hasil kerja menepati spesifikasi dan skop kerja yang telah ditetapkan.
 - Menyemak dari masa ke semasa keperluan teknikal untuk penambahbaikan spesifikasi khusus dan garis panduan skop kerja penyiasatan tanah dan pengujian makmal.
 - Memberi khidmat nasihat pakar geologi dan perundingan geoteknikal bagi meningkatkan tahap kepakaran dan kemahiran dalam kerja-kerja penyiasatan tanah dan pengujian makmal.
 - Mengemaskini database siasatan tapak yang dilaksanakan (SIIS: *Soil Investigation Information System*).
 - Merancang program pembangunan kompetensi serta kursus/ latihan dalam bidang kejuruteraan geoteknik.
 - Pegawai-pegawai BST turut dilantik menganggotai Jawatankuasa Teknikal *Standards and Industrial Research Institute of Malaysia (SIRIM), Association of Consulting Engineers Malaysia (ACEM)*, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Jawatankuasa Perolehan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan lain-lain.

PERKHIDMATAN

- i. Memberi pandangan dan nasihat teknikal dalam bidang geologi kejuruteraan untuk skop kerja-kerja siasatan tapak, rekabentuk geoteknik jalan, bangunan dan forensik.
- ii. Menyediakan peta geologi/ struktur geologi lebih tepat dan terperinci (Perisian GIS) untuk kerja-kerja siasatan tapak dan forensik.
- iii. Membuat rekabentuk geoteknik secara *in-house* untuk projek-projek Sektor Bangunan dan Sektor Infra.
- iv. Merekabentuk dan membuat pengesyoran kerja pembaikan dan pemulihan kegagalan atau kecacatan geoteknik yang melibatkan bangunan-bangunan Kerajaan dan jalan selepas tamat *Defect Liability Period* (DLP).
- v. Mengenal pasti dan melaksanakan penyelidikan dan kajian gunaan (*Applied Research*) dalam bidang kejuruteraan geoteknik berdasarkan masalah, keperluan semasa dan trend terkini.
- vi. Meneroka kebolehgunaan produk/ teknologi terkini berkaitan bidang kejuruteraan geoteknik yang berpotensi untuk digunakan oleh jabatan dan agensi lain Kerajaan.

SEKTOR INFRA

| CJ | CKIP | CSFJ | CKC |

CJ

CAWANGAN JALAN

Cawangan Jalan komited untuk mencapai misinya melaksanakan pembangunan dalam pelaksanaan projek-jalan dan jambatan untuk kepentingan generasi sekarang dan yang akan datang.

Pembinaan rangkaian jalan raya dan jambatan diperlukan bagi memenuhi sosio-ekonomi negara. Di samping itu, ianya dapat menampung perkembangan sektor pengangkutan serta pertambahan bilangan kenderaan di jalan raya.

Cawangan Jalan terdiri daripada lima (5) bahagian utama yang bertanggungjawab dalam pelaksanaan dan penyelaras dalam melaksanakan pembangunan infrastruktur jalan dan jambatan persekutuan di seluruh negeri.

Bermula dalam proses perancangan, reka bentuk, perolehan, pembinaan sehingga serahan, hasilnya akan diplotkan di peta jalan sebagai rujukan dan panduan.

FUNGSI

- i. Bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kejayaan pelaksanaan projek pembangunan dari peringkat perancangan sehingga peringkat penyerahan projek dengan memastikan projek menepati kos, kualiti dan tempoh masa yang ditetapkan bagi Kementerian berdasarkan tiga (3) peringkat utama iaitu:
 - Peringkat Perancangan
 - Peringkat Pengawasan dan Pemantauan
 - Peringkat Kawalan

- ii. Mengurus pelaksanaan pembinaan projek-projek yang mana jawatan Pengarah Projek/ Pegawai Pengguna Projek-projek berkenaan adalah Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya Sektor Infra atau Pengarah Jalan.
- iii. Menyelaras dan membuat agihan peruntukan pembangunan kepada JKR Negeri.
- iv. Bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kejayaan pelaksanaan Program Keselamatan Jalan Raya termasuk lorong motosikal, jejantas dan memperelokkan kawasan berbahaya.
- v. Bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kejayaan program mengganti jambatan di Laluan Persekutuan.
- vi. Membangun, mengurus dan menyenggara sistem pengurusan projek di Cawangan Jalan.
- vii. Mengurus, menyelaras dan mengerakkan pelaksanaan aktiviti Sistem Pengurusan Bersepadu (SPB) yang merangkumi SPK MS ISO 9001:2015, SPAS MS ISO 14001:2015, SPKKP ISO 45001:2018 dan SPT ISO 50001:2018 di Cawangan Jalan.
- viii. Mengurus dan mengawal peruntukan Belanja Mengurus aktiviti-aktiviti Peringkat Cawangan.

PERKHIDMATAN

- i. Untuk menyediakan jalan persekutuan dan infrastruktur jambatan sebagaimana dalam skim tanah kebangsaan untuk memenuhi keperluan pertumbuhan negara.
- ii. Untuk menyelaras pembinaan dan membaiki jalan-jalan kampung untuk memastikan kawasan-kawasan membangun berhubung dengan baik.
- iii. Untuk memastikan jalan-jalan persekutuan dan jambatan-jambatan yang sedia ada disenggara dengan baik, diperbaiki dan dinaiktaraf untuk penggunaan yang lebih selamat.

CKIP

CAWANGAN KEJURUTERAAN INFRASTRUKTUR PENGANGKUTAN

CKIP pada mulanya dikenali sebagai Cawangan Pangkalan Udara dan Maritim (CPUM). Pada tahun 2016, CPUM telah bertukar nama kepada Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan (CKIP) setelah menambah satu lagi bahagian iaitu Bahagian Darat.

Sehingga kini, terdapat 11 Bahagian di CKIP iaitu:

- i. Bahagian Korporat
- ii. Bahagian Pengurusan Portfolio
- iii. Bahagian Pangkalan Udara
- iv. Bahagian Maritim
- v. Bahagian Darat
- vi. Bahagian Ukur Tanah
- vii. Bahagian Arkitek
- viii. Bahagian Mekanikal
- ix. Bahagian Elektrik
- x. Bahagian Kontrak & Ukur Bahan
- xi. Bahagian Dedicated Design Team (DDT)

CKIP beroperasi di Blok F, Ibu Pejabat JKR dan Menara PJD, Ibu Pejabat JKR yang menempatkan Bahagian Darat, Bahagian Ukur Tanah dan Bahagian Dedicated Design Team.

Selain itu, CKIP turut mempunyai Unit Ukur Tanah yang beroperasi di 5 Wilayah di seluruh Semenanjung Malaysia iaitu Wilayah Utara (Perai), Wilayah Timur Laut (Panji), Wilayah Timur (Semambu), Wilayah Selatan (Senai) dan Wilayah Tengah (Menara PJD).

FUNGSI

- i. Menyediakan infrastruktur dan kemudahan awam berkaitan dengan lapangan terbang, pelabuhan dan pengangkutan darat bagi memenuhi standard yang diamalkan.
- ii. Memastikan segala struktur yang dibina sentiasa dalam keadaan selamat dan berfungsi mengikut apa yang dirancang dengan kos dan masa yang telah ditetapkan.
- iii. Memastikan segala khidmat nasihat kepakaran yang diperlukan dapat disampaikan kepada pihak berkenaan dalam jangkamasa yang dikehendaki.

PERKHIDMATAN

- i. Menghasilkan rekabentuk infrastruktur kemudahan lapangan terbang yang ekonomik dan terbaik mengikut piawaian antarabangsa International Civil Aviation Organisation (ICAO).
- ii. Memberi khidmat nasihat kepada cawangan-cawangan di Ibu Pejabat JKR, JKR Negeri dan Kementerian Kerja Raya berkaitan pelaksanaan Kerja Ukur Tanah serta urusan Pelantikan Perunding Ukur Tanah.

- iii. Bertanggungjawab menguruskan dan melaksanakan Projek Lapangan Terbang, Maritim dan Pengangkutan Darat dengan cekap dan berkesan.
- iv. Memberikan perkhidmatan perundingan teknikal dalam Kejuruteraan Pengangkutan Darat.
- v. Memberikan khidmat perundingan teknikal dalam Kejuruteraan Maritim dan Pantai (*Maritime and Coastal Engineering*).

CSFJ

CAWANGAN SENGGARA FASILITI JALAN

CSFJ pada mulanya dikenali sebagai Bahagian Senggara Fasiliti Jalan adalah satu bahagian yang telah ditubuhkan pada 1 Mac 2007. Ia bertanggungjawab untuk memastikan semua aset fasiliti Jalan Persekutuan sentiasa berfungsi dengan sempurna, selamat dan selesa. Selain itu, CSFJ juga berperanan mengekalkan kefungsian aset Jalan Persekutuan bagi memenuhi ciri-ciri teknikal, ekonomik dan memenuhi kepuasan pelanggan.

CSFJ terbahagi kepada enam (6) Bahagian iaitu:

- i. Bahagian Penyelaras dan Khidmat Sokongan
- ii. Bahagian Senggara Fasiliti Jalan Zon Utara
- iii. Bahagian Senggara Fasiliti Jalan Zon Selatan
- iv. Bahagian Senggara Fasiliti Jalan Zon Tengah Timur
- v. Bahagian Prestasi, Aset dan Teknikal
- vi. Bahagian Kejuruteraan Geoinformatik

FUNGSI

- i. Melaksanakan pengurusan dan penyenggaraan aset fasiliti jalan yang bersepadu dan menyeluruh.
- ii. Menyediakan sistem dan piawaian pengurusan dan penyenggaraan aset fasiliti jalan yang seragam dan sistematik supaya tahap kefungsian dan keselamatan sesuatu aset fasiliti jalan dapat dipertingkatkan lagi.
- iii. Merancang dan menyelaras pengurusan dan penyenggaraan aset fasiliti jalan di JKR Negeri dan Wilayah Persekutuan serta menjalankan audit senggara aset fasiliti jalan mengikut program yang ditetapkan.
- iv. Memberi khidmat nasihat kepada pemegang utama terhadap penggunaan sistem, amalan, piawaian dan teknologi terkini dalam bidang pengurusan dan penyenggaraan fasiliti aset jalan yang lebih berkesan dan ekonomik.

PERKHIDMATAN

- i. Melaksanakan program pembaikan lokasi *blackspot* di Laluan Persekutuan Semenanjung Malaysia dan Labuan.
- ii. Melaksanakan program penambahbaikan lintasan pejalan kaki searas 1 Malaysia di Laluan Persekutuan Semenanjung Malaysia dan Labuan.
- iii. Melaksanakan program menaiktaraf laluan strategik.
- iv. Melaksanakan program audit dan mengeluarkan pengiktirafan kepada Kilang Pengeluar Asphalt di seluruh semenanjung Malaysia.
- v. Melaksanakan program Audit Kriteria Penerimaan bagi memudahkan penyerahan projek jalan siap kepada CSFJ.
- vi. Melaksanakan Program Ops Selamat bagi hari perayaan Aidilfitri dan Tahun Baru Cina.
- vii. Menyelaras permohonan pembangunan tepi jalan.
- viii. Menguruskan permohonan pewartaan jalan, had laju dan had muatan berat.
- ix. Menyediakan maklumat bencana alam melalui website e-bencana.
- x. Menguruskan operasi Pusat Pengurusan Bencana JKR.
- xi. Menerbitkan Buku Statistik Jalan, Buletin Senggara Fasiliti Jalan (Peringkat Cawangan) dan Buletin Aset & Fasiliti (Peringkat Cawangan).
- xii. Menguruskan permohonan pemasangan papan tanda iklan di Jalan Persekutuan.
- xiii. Menguruskan permohonan penutupan jalan untuk ekspedisi, *treasure hunt* dan sebagainya.
- xiv. Menguruskan permohonan geospatial (Agenzi Kerajaan).
- xv. Menyediakan maklumat peta jalan JKR.
- xvi. Menguruskan pemasangan Jambatan Panel Berkeluli Bermodular.
- xvii. Memastikan penyenggaraan jalan dan jambatan di Jalan Persekutuan berada dalam keadaan yang baik dan selamat kepada para pengguna dengan tanda amaran keselamatan yang secukupnya.
- xviii. Menyelaras aduan-aduan yang diterima.

CKC

CAWANGAN KEJURUTERAAN CERUN

CKC telah diwujudkan berikutan Mesyuarat Kabinet Jemaah Menteri pada 17 September 2003. CKC bertanggungjawab mengurus, mengawal serta menyelia cerun-cerun di Malaysia termasuk kerja-kerja rekabentuk, penyiasatan forensik, penyenggaraan, khidmat nasihat kajian dan pembangunan, penyediaan piawaian dan garis panduan yang melibatkan Jalan Persekutuan, Jalan Negeri serta Premis Bangunan Kerajaan.

FUNGSI

- i. Menyelaras dan menyelia kerja pemeriksaan dan penyelenggaraan untuk cerun-cerun di jalan dan premis persekutuan.
- ii. Mewujudkan sistem pengurusan dan informasi cerun yang komprehensif (*Integrated Slope Information System (ISIS)*).
- iii. Menyelaras penyiasatan ke atas kegagalan cerun bagi agensi-agensi kerajaan.
- iv. Bertanggungjawab kepada jawatankuasa tanah runtuh di peringkat nasional.
- v. Memberikan khidmat nasihat teknikal untuk pembangunan di kawasan tanah tinggi.
- vi. Menjalankan program-program kesedaran awam berkaitan keselamatan cerun.

PERKHIDMATAN

- i. Pengumpulan data cerun di seluruh Malaysia untuk menentukan tahap bahaya dan risiko cerun.
- ii. Mengendalikan kerja pemantauan, penyenggaraan dan membaikpulih cerun.
- iii. Melaksanakan penyelidikan dan pembangunan cerun serta tanah runtuh.
- iv. Melaksanakan kerja forensik tanah runtuh.
- v. Menyediakan garis panduan, spesifikasi dan piawaian berkaitan cerun.
- vi. Memupuk kesedaran awam berkaitan keselamatan cerun dan tanah runtuh.
- vii. Memberi khidmat nasihat kepada agensi kerajaan dan lain-lain berkenaan dengan pengurusan dan pembangunan cerun.
- viii. Melaksanakan latihan dan kompetensi pegawai-pegawai CKC.



KPI

PETUNJUK
PRESTASI UTAMA

KPI PERATUS (%) PENYERAHAN PROJEK KEPADA PELANGGAN MENGIKUT TEMPOH MASA YANG DIPERSETUJUI

TEMA 1 KECEMERLANGAN PENYAMPAIAN PROJEK

Sasaran KPI

95 %
109 PROJEK

3	Lebuhraya Kota Bharu-Kuala Krai, Pakej 2C + 3A Kok Lanas ke bukit Tiu	3 Bintang
4	Central Spine Road (CSR) Pakej 4: Kg. Relong ke Raub, Pahang, Seksyen 4A Kg. Relong ke Ladang Jerkoh	3 Bintang
5	Menaiktaraf jambatan Sultan Haji Ahmad Shah (daripada 2 lorong kepada 4 lorong), Temerloh Pahang	3 Bintang
6	Menaiktaraf laluan 64 Jalan Benta – Jerantut – Maran Fasa 3 Segmen 1	3 Bintang
7	Jalan baru dari Kamunting ke Anak Kurau daerah Larut Matang dan Selama Perak	3 Bintang

Penarafan Verifikasi Pemarkahan (VP)


BIL	NAMA PROJEK	PENCAPAIAN
1	Mahkamah Kota Bharu, Kelantan	4 Bintang
2	Cadangan Pembinaan Ibu Pejabat dan Pusat Inovasi Cybersecurity Malaysia, Pej. Jab. Standard Malaysia dan myDomain Registry Serta Majlis Keselamatan Negara Secara Kerjasama Awam Swasta.	3 Bintang


Pencapaian	Pembentangan Poster Kajian di Program CivilCORE 2020 (<i>Conference on Research in Engineering</i>)
Tarikh	15 September 2020
Penganjur	Civil JKR dan CREaTE JKR
Tempat	Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi JKR (CREaTE)
Pembentang	Dr. Nurul Ain binti Abd Wahab



Nama Produk	JKR Research and Innovation Data Management System (DATAMS)
Tarikh Siap Produk	1 Julai 2020
Pengembang Produk	Seksyen Penyelidikan dan Pengurusan Teknikal, CREaTE
Pelanggan	Semua pihak yang berkepentingan, yang berhasrat untuk membuat capaian data dan mengetahui aktiviti berkaitan RDI
Skop Produk	Sistem ini dibangunkan untuk mewujudkan satu sistem pangkalan data bagi kerja penyelidikan, pembangunan dan inovasi (RDI) dan pengurusan makmal di bawah Bahagian Inovasi, Penyelidikan dan Pembangunan Kejuruteraan (BIPPK), CREaTE
Capaian Produk	http://datams.createjkr.gov.my/datams_portal

Nama Produk/ Pencapaian/ Inovasi	Air Juice
Tarikh Siap Produk/ Pencapaian/ Inovasi	2020
Pelanggan	Cawangan Kejuruteraan Mekanikal
Skop Produk/ Pencapaian/ Inovasi	Air Juice adalah merupakan salah satu inisiatif bagi memanfaatkan air tersisa (<i>condensate</i>) yang terhasil daripada proses penyejuk dan demudifikasi di dalam komponen Alat Kendalian Udara (<i>Air Handling Unit (AHU)</i>) Sistem Penyaman Udara. Apabila udara pada suhu dry bulb masuk ke dalam AHU menerusi gegelung penyejuk (<i>cooling coil</i>) dan disejukkan di bawah suhu titik embun, proses kondensasi akan berlaku pada gegelung penyejuk (<i>cooling coil</i>) di mana wap air yang terwarp pada permukaan sejuk akan menjadi air. Air yang terhasil daripada proses sistem penyaman udara dikumpul dan dimanfaatkan untuk mencapai matlamat dan dasar berkaitan pembangunan lestari yang mengkhususkan kepada kecekapan air serta mengatasi masalah global yang berkaitan air disebabkan kemarau atau pencemaran air.





Nama Produk/ Pencapaian/ Inovasi	Mobile Coring Machine
Tarikh Siap Produk/ Pencapaian/ Inovasi	Julai 2020
Pelanggan	Bahagian Kejuruteraan Forensik, Cawangan Jalan
Skop Produk/ Pencapaian/ Inovasi	<p>Projek ini digunakan dalam proses ujian coring pada jalan sedia ada bagi mengetahui struktur ketebalan jalan sedia ada untuk proses reka bentuk penilaian pavemen jalan.</p> <p>Penambahbaikan yang dilakukan pada alat coring machine dihasilkan daripada kajian dan permasalahan yang timbul semasa dalam mengendalikan alat Coring Machine tersebut seperti kemalangan, kerosakan pada permukaan jalan, tekanan air, keselamatan pengguna, pengendalian peralatan, keputusan ujian dan pencahaayaan pengendalian pada waktu malam.</p>
Pencapaian	<p>Penyertaan KIK JKR Malaysia 2020</p> <p>Diaplikasikan pada Projek Menaiktaraf Jalan Pintasan Dari Jalan Sawah Baru (J160) ke Tenang Stesyen (FT001), Segamat, Johor.</p>




Nama Produk/ Pencapaian/ Inovasi	Ezy Flexible Post
Tarikh Siap Produk/ Pencapaian/ Inovasi	Julai 2020
Pelanggan	JKR Negeri/Daerah, Konsesi
Skop Produk/ Pencapaian/ Inovasi	<ul style="list-style-type: none"> Satu produk inovasi bagi mewujudkan semula fungsi delinasi tiang boleh lentur yang telah pudar atau rosak pada permukaan luaran dengan menggunakan Ezy Flexible post. Produk ini adalah proses jangka pendek supaya dapat mengekalkan fungsi asal flexible post di lokasi asal tanpa ada sebarang halangan dari segi pantulan cahaya/delinasi terutama bagi kenderaan yang melalui pada waktu malam. Menggunakan fabrik tahan lasak dan berkualiti seperti Faux Leather Lychee PU + Marine Vinyl, Reflective PU Leather dan High density plastic zipper.
Pencapaian	<p>Penyertaan KIK JKR Malaysia 2020</p> <p>Digunakan di Persimpangan Bangi Gateway, Selangor</p>

Nama Produk/ Pencapaian/ Inovasi	Sistem Pengurusan Inventori Jambatan Panel Keluli Bermodular (JPKB)
Tarikh Siap Produk/ Pencapaian/ Inovasi	2 Disember 2020
Pelanggan	Cawangan Senggara Fasiliti Jalan (CSFJ) Dan 7 Stor JPKB di Tujuh Negeri Semenanjung Malaysia. <ul style="list-style-type: none"> • JKR Daerah Kinta, Perak . • JKR Daerah Temerloh, Pahang. • JKR Daerah Johor Bharu, Johor. • JKR Daerah Petaling, Selangor. • JKR Bahagian Jalan, Kedah. • JKR Daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan. • JKR Daerah Machang, Kelantan.
Skop Produk/ Pencapaian/ Inovasi	Memantau Penggunaan Dan Stok JPKB Dan Komponan JPKB (Aset Persekutuan) Di 7 Stor JKR Di 7 JKR Negeri Di Semenanjung Malaysia.

Ciri Istimewa:

1. Pendaftaran set / komponan JPKB yang baru dibeli.
2. Semua pihak di 7 stor boleh membuat peminjaman / pemulangan stok secara cepat dan mudah.
3. Mengetahui dan memantau bilangan terkini stok set JPKB yang masih disimpan di setiap stor.
4. Mengetahui dan memantau bilangan terkini stok komponan JPKB yang masih disimpan di setiap stor.
5. Sebagai rujukan komponan yang diperlukan dalam jenis dan panjang pemasangan JPKB.
6. Mengetahui lokasi (koordinat) pemasangan/ penggunaan JPKB.
7. Meluluskan penggunaan aset JPKB di seluruh Semenanjung Malaysia secara online.



Nama Produk/ Pencapaian/ Inovasi	Pembangunan Aplikasi <i>Building Condition Assessment Rating System – BCARS</i> di JKR
Tarikh Siap Produk/ Pencapaian/ Inovasi	15 Ogos - 15 November 2019
Pelanggan	CSFB - JKR
Skop Produk/ Pencapaian/ Inovasi	Aplikasi pemeriksaan bangunan yang dibangunkan berdasarkan garis panduan JKR 21602-004-13 (Garis Panduan Pemeriksaan Keadaan Bangunan Sedia Ada)
Pencapaian	Saguhati bagi penyertaan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) 2020 bagi peringkat Jabatan yang dianjurkan oleh CREaTE. Produk telah dilancarkan oleh KPKR pada 24 Mac 2021 Pendaftaran IP/Patterns




Nama Produk/ Pencapaian/ Inovasi	mySOA
Tarikh Siap Produk/ Pencapaian/ Inovasi	Masih di peringkat uji cuba di CKBA2
Pelanggan	Semua Kementerian/Agensi Kerajaan
Skop Produk/ Pencapaian/ Inovasi	Applikasi di dalam bidang teknikal



This screenshot shows a web-based application portal for internships at Jabatan Kerja Raya Malaysia. The top navigation bar includes the JKR logo and links for 'Kakitangan JKR' and 'Internship'. The main content area features a large image of a modern skyscraper with the text 'SERTAI KAMI DI JABATAN KERJA RAYA SEBAGAI PELAJAR LATIHAN INDUSTRI MALAYSIA'. Below this, there's a callout box with the text 'MOHON SEKARANG' and 'BAHAGIAN PEMBANGUNAN SKIM KEJURUTERAAN'. It provides contact information for the Cawangan Dasar Dan Pengurusan Korporat: Ibu Pejabat JKR Malaysia, Tingkat 30 Blok G Jalan Sultan Salahuddin, 50480 Kuala Lumpur, 603 2618 8656 / 8668 Kompetensi.BPSK.jkr@jkr.gov.my'. At the bottom, there are two buttons: 'Mohon' and 'Semak Status'.


Nama Produk/ Pencapaian/ Inovasi	Sistem Internship Bagi Program Latihan Industri Di JKR Malaysia
Tarikh Siap Produk/ Pencapaian/ Inovasi	Mula digunakan pada 15 Disember 2020
Pelanggan	Pelajar yang ingin mengikuti latihan industri di Ibu Pejabat JKR Malaysia, Ibu Pejabat JKR Negeri dan JKR Daerah (kecuali JKR Selangor, JKR Johor, JKR Perlis, JKR Sarawak dan JKR Sabah)
Skop Produk/ Pencapaian/ Inovasi	Sistem Internship JKR Malaysia telah dinaiktaraf dan diperluaskan penggunaannya merangkumi semua JKR Ibu Pejabat, Negeri dan Daerah di seluruh Malaysia. Sistem yang telah dinaiktaraf oleh Unit Sistem Aplikasi, Bahagian Teknologi Maklumat (USA, BTM) ini membolehkan urusan permohonan latihan industri di JKR Ibu Pejabat, Negeri dan Daerah dapat diurus dan dipantau sepenuhnya oleh Bahagian Pembangunan Skim Kejuruteraan, Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat (BPSK, CDPK).
Pencapaian	Sistem ini memberi kemudahan kepada pelajar IPT yang berhasrat untuk menjalani Latihan Industri di Jabatan Kerja Raya dengan memohon melalui satu (1) platform sahaja di mana pelajar dapat memantau status permohonan, status penempatan dan status pembayaran eluan secara mudah dan sistematis.
Capaian Produk	Penyertaan Konvensyen KIK JKR Malaysia 2019 https://internship.jkr.gov.my



Nama Produk/ Pencapaian/ Inovasi	<i>INTUBATION BOX</i>
Tarikh Siap Produk/ Pencapaian/ Inovasi	3 April 2020
Pelanggan	Sumbangan produk inovasi Intubation Box diedarkan ke lima (5) buah hospital: i. Hospital Universiti Sains Malaysia, Kota Bharu, Kelantan. ii. Hospital Melaka iii. Hospital Pontian, Johor. iv. Hospital Selayang, Selangor. v. Hospital Angkatan Tentera (HAT), Kem Terendak, Melaka.
Skop Produk/ Pencapaian/ Inovasi	Penggunaan intubation box ini adalah untuk mengelakkan jangkitan dari pesakit kepada doctor disebabkan jarak yang berdekatan dengan mulut pesakit semasa intubasi. Beberapa penyesuaian dibuat terhadap reka bentuk yang dipilih pada ukuran dan ciri berdasarkan maklum balas doctor.

Nama Produk/ Pencapaian/ Inovasi	<i>Spacer Pakai Buang</i>
Tarikh Siap Produk/ Pencapaian/ Inovasi	12hb April 2020
Pelanggan	Pengamal perubatan di Hospital Alor Gajah, Hospital Kem Terendak, Melaka dan Hospital Tampin, Negeri Sembilan.
Skop Produk/ Pencapaian/ Inovasi	Inovasi spacer pakai buang ialah spacer yang dihasilkan daripada botol plastik air mineral yang dikitar semula. Ianya telah mula dihasilkan oleh Pasukan CREaTEive, CREaTE semasa negara ini dilanda pandemik COVID-19 pada bulan April 2020. Spacer ini hanya bersifat <i>single use</i> bagi mengelakkan risiko keberjangkitan COVID-19 di kalangan pesakit-pesakit asma ketika mendapatkan rawatan di hospital. Ianya mampu berfungsi sebagaimana pelbagai jenis spacer yang terdapat di pasaran dan memenuhi ciri ekonomik kerana melibatkan kos pembuatan yang rendah serta dapat dihasilkan dalam jangka masa yang singkat.





PENERBITAN

GARIS PANDUAN PEMBINAAN PESISIRAN PANTAI
Edisi 2020

Cawangan Arkitek telah menerbitkan dokumen Garis Panduan Pembinaan Pesisiran Pantai (GPPP) edisi 2020 ini berjaya dihasilkan dengan komitmen yang tinggi daripada pelbagai disiplin dalam Sektor Pakar JKR dan ahli jawatankuasa yang terdiri daripada golongan profesional yang berpengalaman.

Garis panduan ini dihasilkan sebagai rujukan dalam pelaksanaan projek agar mengambil kira aspek teknikal, sosial dan alam sekitar dengan memberi penekanan kepada elemen-elemen bahan binaan bangunan.


Ia boleh digunakan di peringkat reka bentuk, pembinaan dan penyelenggaraan dalam pelaksanaan projek. Walaupun sudah terdapat pelbagai garis panduan yang dihasilkan oleh jabatan lain mengenai kawasan pesisiran pantai, tetapi tiada yang menjurus kepada spesifikasi bahan binaan dan aspek teknikal pembinaan bangunan dan infrastruktur di pesisiran pantai.

Garis panduan ini lebih fokus kepada penggunaan reka bentuk yang sesuai supaya mengurangkan kos kerja penyelenggaraan. Pengurangan masalah pengaratan peralatan mekanikal dan elektrik, serta kerosakan kemasan dan struktur bangunan adalah diberi tumpuan khas.



**INSPECTION AND TESTING PLAN
(ITP) EDISI TAHUN 2020.**
Edisi 2020

Dokumen terkini *INSPECTION AND TESTING PLAN (ITP) EDISI TAHUN 2020* adalah selaras dengan Arahan pemakaian ITP Edisi 2020 ini yang dikeluarkan melalui surat bertarikh 20 Mei 2020 dan penggunaan dokumen ITP ini bermula pada 1 Jun 2020.



JKR STANDARD 2 : 2020
PENARAFAN HIJAU BAGI BANGUNAN KEDIAMAN & BUKAN KEDIAMAN
Edisi 1, 2020

Standard ini dibangunkan bagi membantu industri pembinaan mencapai piawaian bangunan hijau yang diiktiraf menurut keperluan semasa dengan mengambil kira pelbagai amalan pengurusan hijau yang baik. Standard ini dibangunkan berdasarkan dokumen Penarafan Hijau (pHJKR) yang telah diterbitkan oleh JKR pada tahun 2015. Keperluan standard ini mengambil kira amalan terbaik dan disusun mengikut turutan proses pelaksanaan sesebuah projek bangunan. Dokumen ini dibangunkan dengan objektif seperti berikut berikut:

- i. Sebagai garis panduan untuk menilai kelestarian sesuatu projek bangunan
- ii. Menyediakan strategi yang komprehensif dan sesuai ke arah pelaksanaan projek secara lestari
- iii. Memberi kesedaran dan menggalakkan pembangunan lestari
- iv. Sebagai garis panduan kepada semua pihak yang terlibat dengan penarafan hijau

JKR STANDARD
JKR/SIRIM 2:2018

Penarafan hijau bagi bangunan kedieman dan bukan kedieman

JKR STANDARD
JKR/SIRIM 3:2020

Environmental protection and enhancement works for projects

JKR STANDARD 3: 2020
ENVIRONMENTAL PROTECTION AND ENHANCEMENT WORKS FOR PROJECTS
Edisi 1, 2020

Standard ini dihasilkan secara menyeluruh bagi pengurusan alam sekitar yang merangkumi fasa perancangan, rekabentuk, perolehan dan pembinaan merangkumi projek infrastruktur dan bangunan.

Dokumen ini memberi panduan yang komprehensif dalam kerja perlindungan alam sekitar dengan mengambil kira keperluan semasa dari segi perundangan, polisi dan teknikal yang telah ditetapkan oleh pihak berkepentingan untuk pengurusan alam sekitar bagi pelaksanaan projek meliputi pelbagai agensi luar di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Standard ini sesuai digunakan untuk semua projek JKR Malaysia termasuk projek jalan, bangunan, jeti dan lain-lain serta pihak luar/swasta.



**STANDARD TECHNICAL SPECIFICATION
- BOOSTER PUMP FOR INTERNAL COLD
WATER SYSTEM**
Edisi Disember, 2020

Panduan spesifikasi teknikal Booster Pump untuk Internal Cold Water System


JKR STANDARD
JKR/SIRIM 3:2020

Environmental protection and enhancement works for projects

SPESIFIKASI SPJ SECTION 4: FLEXIBLE PAVEMENT ADDENDUM NO.2 YANG MENERANGKAN TENTANG RUBBER MODIFIED ASPHALT
JKR/SPJ/2008-S4 - JKR 20403 0003 07 (2020)

Natural Rubber Modified Asphalt adalah campuran agregat berterusan dan pengikat yang diubah suai menggunakan getah asli. Pengikat dihasilkan dengan memasukkan kuantiti getah asli yang sesuai ke dalam bitumen konvensional.

Crumb Rubber Modified Asphalt adalah campuran agregat dan *Crumb Rubber Modified Binder* (CRMB).




GARIS PANDUAN MENGENAI KAEADAH TERBAIK DALAM PENGHASILAN DAN PENURAPAN ASPHALT
REAM-SP 11/2020 (2020)

Garis panduan ini merupakan rujukan dalam penghasilan *asphalt* dan kaedah penurapan yang betul.




SPESIFIKASI UNTUK CRUMB RUBBER MODIFIED ASPHALT
REAM-SP 7/2018 (2020)

Spesifikasi ini memberikan maklumat mengenai reka bentuk, pengeluaran dan penggunaan *Crumb Rubber Modified Asphalt* (CRMA).



SPESIFIKASI FIBER MODIFIED ASPHALT
REAM-SP 10/2020 (2020)

Spesifikasi ini memberikan maklumat mengenai reka bentuk, pengeluaran dan penggunaan Fiber Modified Asphalt. Aplikasi Fiber Modified Asphalt seperti yang dijelaskan dalam spesifikasi ini adalah untuk *Cellulose fiber* dalam *Stone mastic asphalt* dan *synthetic polymer fiber* dalam *asphalt*.



MANUAL UNTUK COLD IN-PLACE RECYCLING
REAM-SP 9/2020 (2020)

Manual ini disediakan sebagai panduan untuk penurapan jenis *Cold In-Place Recycling*.



SPESIFIKASI NATURAL RUBBER MODIFIED ASPHALT
REAM-SP 8/2020 (2020)

Spesifikasi ini akan merupakan rujukan mengenai reka bentuk, pengeluaran dan penggunaan *Natural Rubber Modified Asphalt* (NRMA) berdasarkan pengalaman di Malaysia. Spesifikasi ini akan digunakan bersama dengan spesifikasi standard untuk kerja jalan raya JKR/SPJ/2008-Section 4: *Flexible Pavement*.


**STANDARD SPECIFICATION FOR ROAD WORKS SECTION 2:
EARTHWORKS**

Pindaan 2020

Rujukan Surat SA KPKR Bil. 26/2020 (17 Disember 2020)

Spesifikasi piawai ini telah dibentangkan dan diluluskan dalam Mesyuarat Pengarah Bil 4/2020 pada 17 Ogos 2020. Antara penambahbaikan utama yang telah dibuat dalam spesifikasi ini adalah seperti berikut:-

- Definisi tepat bagi perbandingan dalam menentukan jenis *Hard Mass* dan *Rock Mass*.
- Jenis dan kaedah korekan yang membezakan antara *Hard Mass Excavation* dan *Rock Mass Excavation*.
- Penambahbaikan sub seksyen baharu seperti Kerja Tambakan (*Filling Works*), Kerja Tambahan Di Atas Tanah Lembut (*Filling on the Soft Ground*), Perlindungan dan Penyenggaraan Untuk Kawalan Hakisan (*Protection and Maintenance for Erosion Control*)
- Penambahbaikan kepada sub seksyen sedia ada untuk sub seksyen *Road Excavation*, *Rock Fill Embankment* dan *Subgrade*.




**STANDARD SPECIFICATION FOR ROAD WORKS SECTION 5:
CONCRETE PAVEMENT**

Pindaan 2020

SA KPKR Bil. 27/2020 (17 Disember 2020)

Spesifikasi piawai ini telah dibentangkan dan diluluskan dalam Mesyuarat Pengarah Bil 4/2020 pada 17 Ogos 2020. Antara penambahbaikan utama yang telah dibuat dalam spesifikasi ini adalah seperti berikut:-

- Membuat susunan semula kandungan spesifikasi berdasarkan keperluan kerja jalan dan teknologi terkini dengan merujuk kepada dokumen terkini *Standard Specification For Road Works Section 5: Concrete Pavement*, *Malaysian Standard*, *Eurocode* dan lain-lain dokumen spesifikasi jalan berkaitan.
- Memperjelas skop kerja dengan lebih spesifik berbanding spesifikasi asal yang bersifat umum.
- Menambahbaik prosedur, pematuhan pemakaian (*compliance*) berdasarkan keperluan terkini.
- Menambah sub seksyen baharu iaitu *Specially Mix – Roller Compacted Concrete (RCC)*.




**STANDARD SPECIFICATION FOR ROAD WORKS SECTION 10:
FOUNDATION WORKS**

Pindaan 2019

SA KPKR Bil. 24/2020 (11 Disember 2020)

Spesifikasi piawai ini telah dibentangkan dan diluluskan dalam Mesyuarat Pengarah Bil 1/2020 pada 14 Januari 2020. Antara penambahbaikan utama yang telah dibuat dalam spesifikasi ini adalah seperti berikut:-

- Penyelarasian spesifikasi kerja-kerja sistem asas (*foundation works*) bagi projek jalan dan projek bangunan.
- Tambahan sub seksyen baharu selaras dengan perkembangan teknologi seperti sub seksyen Caisson dan ujian beban dinamik iaitu *High Strain Dynamik Pile Testing*.
- Penambahbaikan terhadap sub seksyen sedia ada seperti sub seksyen *Drilling in Rock* dan *Static Pile Load Testing*.




**STANDARD SPECIFICATION FOR ROAD WORKS SECTION 20:
GROUND IMPROVEMENT**

Pindaan 2020

SA KPKR Bil. 29/2020 (17 Disember 2020)

Spesifikasi piawai ini telah dibentangkan dan diluluskan dalam Mesyuarat Pengarah Bil 5/2020 pada 14 Oktober 2020. Antara penambahbaikan utama yang telah dibuat dalam spesifikasi ini adalah seperti berikut:-

- Menyediakan spesifikasi piawai bagi kaedah yang biasa digunakan dalam mengatasi masalah di kawasan tanah lembut seperti *Remove and Replace*, *Surcharge*, *Geosynthetics*, *Prefabricated Vertical Drain (PVD)*, *Stone Column*, *Deep Soil Mixing*, *Dynamic Compaction* dan *Piled Embankment*.
- Penetapan minimum *technical properties* untuk penggunaan material *geosynthetic* seperti *Geotextile*, *Geogrid*, *Non-Woven Geotextile*, *Woven Geotextile* dan *Prefabricated Vertical Drain (PVD)*.
- Penetapan keperluan kawalan kualiti bagi material yang akan digunakan di tapak.




INSPECTION AND TESTING PLAN (ITP)**FOR ROAD WORKS**

JKR 20400-0234-20

Tahun 2020

Dokumen ITP mengumpulkan semua pemeriksaan pengujian, pengujian bahan serta kaedah pemasangan dan penggunaan peralatan yang terpakai dalam pelaksanaan projek-projek jalan di Jabatan Kerja Raya (JKR). Melalui dokumen ini, aktiviti pemeriksaan dan ujian akan berlandaskan piawaian serta pelaksanaan yang sistematis bagi menjamin kualiti dan mutu kerja yang berhasil. Dokumen ITP ini dihasilkan akan menjadi sumber rujukan utama pegawai JKR dalam pelaksanaan projek terutamanya yang bekerja di lapangan dan seterusnya menyumbang ke arah mencapai objektif JKR untuk menyerahkan projek dalam tempoh masa, kualiti dan kos yang ditetapkan.

**PANDUAN TEKNIK RETROFITTING SISTEM LIF**


Edisi 1 (Disember 2020)

Panduan untuk melaksanakan pemeriksaan dan penilaian sistem lif

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN KERJA-KERJA FORENSIK BAGI SISTEM MEKANIKAL**

Edisi 1 (November 2020)

Penerangan secara terperinci tentang kaedah pelaksanaan kerja-kerja forensik oleh CKM IPJKR dalam menangani isu/masalah berkaitan prestasi sistem mekanikal dalam bangunan.

**DOKUMEN PIAWAI SPESIFIKASI TEKNIKAL UNTUK SISTEM ESKALATOR**

Edisi 1 (Disember 2020)

Panduan spesifikasi teknikal untuk sistem eskalator

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROJEK MENAIKTARAF (RETROFITTING) SISTEM MEKANIKAL DALAM BANGUNAN**

Edisi 1 (November 2020)

Panduan kepada jurutera mekanikal dalam pelaksanaan kerja-kerja retrofitting dan aspek-aspek yang perlu diambil kira dalam perancangan, reka bentuk, pemasangan, pengujian dan pentaulahan retrofitting.

**GARIS PANDUAN KAJIAN SEMULA REKA BENTUK CKM 2020**

Edisi 3 (Disember 2020)

Perincian tatacara pelaksanaan proses kajian semula, verifikasi dan validasi reka bentuk sistem mekanikal.

**GARIS PANDUAN TEKNIK REKABENTUK "PLINTH"**

Edisi 2 (Disember 2020)

Medium pemudahcara bagi semua disiplin terlibat dalam merekabentuk plinth.

**STANDAR SPECIFICATIONS FOR BUILDING WORKS 2020**


Edisi Tahun 2020 (11 Disember 2020)

Semua rekabentuk baharu projek bangunan dan infrastruktur yang dilaksanakan oleh JKR hendaklah merujuk kepada Spesifikasi piawai untuk Kerja Bangunan 2020.

GARIS PANDUAN PENYEDIAAN LAPORAN AKHIR PROJEK PENYELIDIKAN JKR MALAYSIA

Edisi 1 (13 Oktober 2020)
(JKR 29201-0015-19)

Buku Garis Panduan Penyediaan Laporan Akhir Projek Penyelidikan JKR Malaysia diterbitkan bagi memudahkan pegawai yang terlibat dalam penyelidikan untuk menyediakan laporan akhir dengan format yang tetap. Dengan buku garis panduan ini, kandungan laporan akhir dapat diselaraskan dan hasil kajian dapat difahami dengan lebih cepat. Ini merupakan satu usaha SPPT dalam menambah baik gaya penulisan laporan bagi pegawai JKR yang terlibat dalam penghasilan laporan.



LAPORAN TAHUNAN CKAS 2019
Edisi 2019 (15 Okt. 2020)

Edaran secara atas talian “*Big Box*” e-mail kepada semua cawangan

GARIS PANDUAN PENYEDIAAN LAPORAN KEMAJUAN PROJEK PENYELIDIKAN JKR MALAYSIA

MALAYSIA.
Edisi 1 (13 Oktober 2020)
(IKB 29201-0016-19)

Buku Garis Panduan Penyediaan Laporan Kemajuan Projek Penyelidikan JKR Malaysia diterbitkan bagi memudahkan pegawai yang terlibat dalam penyelidikan untuk menyediakan laporan kemajuan yang perlu dihantar setiap tiga bulan dengan format yang tetap sepanjang tempoh pelaksanaan projek penyelidikan. Dengan buku garis panduan ini, kandungan laporan kemajuan dapat diselaraskan dan pemantauan projek penyelidikan dapat dibuat dengan sistematis. Ini merupakan satu usaha SPPT untuk menambah baik gaya penulisan laporan bagi pegawai JKR yang terlibat dalam penghasilan laporan.




The image shows the front cover of a book titled "GARIS PANDUAN PENYELIDIKAN". The title is at the top in large yellow letters. Below it is a black and white photograph of a modern building with a grid-like facade. The bottom half of the cover has a grey background with yellow vertical bars on the left and right sides. The subtitle "LAPORAN AKHIR PROJEK PENYELIDIKAN JKR MALAYSIA" is written in white on the grey area. At the bottom left is a yellow box containing the word "EDISI 1". At the bottom right is a small circular logo with the text "JAKARNA 2000".

TAHUNAN
JURNAL KESERUANTAN AWAM DAN STRUKTUR

2ND JKR RESEARCH COLLOQUIUM PROCEEDINGS 2019

Edisi 2 (25 November 2020)
(JKR 29201-0020-20)

Penerbitan 2nd JKR *RESEARCH COLLOQUIUM PROCEEDINGS* 2019 adalah sebagai satu usaha untuk mempromosi budaya penyelidikan di kalangan warga JKR. Di antara objektif JKRRRC 2019 adalah perkongsian dapatan kajian yang telah dilaksanakan oleh Pasukan Penyelidik JKR dan rakan kolaborasi JKR, dan bagi mengenal pasti hasil kajian yang mempunyai impak ke atas dasar kerajaan sebagai cadangan penambahbaikan kepada sistem penyampaian JKR khususnya. Tema bagi 2nd JKR RESEARCH COLLOQUIUM 2019 ini adalah “Penyelidikan dan Inovasi Pemangkin Profesionalisme”. Terdapat 11 manuskrip yang terpilih daripada pembentangan manuskrip di program 2nd JKRRRC 2019 telah dimuatkan di dalam buku *proceedings* ini. Pemilihan telah dibuat oleh Ahli Jawatankuasa Semakan Abstrak dan Manuskrip 2019.



APORAN DWI TAHUNAN disi 2019/2020



**COMPILASI KES-KES FORENSIK PERKHIDMATAN MEKANIKAL DALAM
ANGUNAN 2018 & 2019**
edi 4 (Disember 2020)

Kompilasi kes-kes forensik perkhidmatan mekanikal yang dilaksanakan sepanjang tahun 2018 hingga 2019





KOMPILASI ARTIKEL DAN KAJIAN KES SISTEM PENUAIAN AIR HUJAN & RAWATAN AIR SISA
Edisi 1 (Disember 2020)

Artikel dan kajian kes berkaitan pemasangan Sistem Penuaan Air Hujan & Rawatan Air Sisa dalam bangunan



LAPORAN TAHUNAN CAWANGAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL 2019
Edisi 2019 (Disember 2020)

Laporan Tahunan Cawangan Kejuruteraan Mekanikal 2019

BIM – KEPERLUAN JURUUKUR BAHAN UNTUK PENGUKURAN KUANTITI
Edisi Pertama (Ogos 2020)

Panduan kepada semua Juruukur Bahan yang terlibat dalam penyediaan pengukuran kuantiti projek BIM



KOS PURATA SEMETER PERSEGI (BANGUNAN)
Edisi Julai - Disember 2019
(28 Ogos 2020)

Memberikan maklumat berkenaan dengan kos bagi pembinaan sesuatu projek bangunan kerajaan yang menggunakan pelan piawai. Maklumat-maklumat ini adalah berdasarkan kepada data-data yang dipetik dari Cabutan Butir-butir Yang Ditawarkan (ATDA). Maklumat kos ini boleh digunakan untuk membantu dalam membuat anggaran sesuatu projek.

KOS PURATA SEMETER PERSEGI (BANGUNAN)
Edisi Januari - Jun 2019
(15 Januari 2020)

Memberikan maklumat berkenaan dengan kos bagi pembinaan sesuatu projek bangunan kerajaan yang menggunakan pelan piawai. Maklumat-maklumat ini adalah berdasarkan kepada data-data yang dipetik dari Cabutan Butir-butir Yang Ditawarkan (ATDA). Maklumat kos ini boleh digunakan untuk membantu dalam membuat anggaran sesuatu projek.



PANDUAN MAKLUMAT KOS BINAAN JKR
Edisi 2/2019 (26 Ogos 2020)

Merupakan salah satu daripada alat bantuan untuk penyediaan anggaran Kos Awalan. Ia diterbitkan untuk menyediakan panduan dan rujukan yang berguna kepada Juruukur Bahan.




PANDUAN MAKLUMAT KOS BINAAN JKR
Edisi 1/2019 (14 Januari 2020)

Merupakan salah satu daripada alat bantuan untuk penyediaan anggaran Kos Awalan. Ia diterbitkan untuk menyediakan panduan dan rujukan yang berguna kepada Juruukur Bahan.



GUIDANCE BOOK FOR MAINTENANCE OF BRIDGE EXPANSION JOINT (JKR 20601-0041-20)
Edisi 2020 (Oktober 2020)

Buku Panduan ini merupakan satu inisiatif yang baik untuk mendokumentasikan kompilasi kaedah penyenggaraan dan pemasangan sedi renggang (expansion joint) yang diperlakukan bagi jambatan-jambatan di bawah JKR.



STATISTIK JALAN MALAYSIA EDISI 2020

(JKR 21601-0038-19)

Edisi 2020

Buku statistik ini mengandungi data-data jalan Persekutuan dan jalan Negeri mengikut negeri bagi memudahkan rujukan. Selain panjang jalan yang diwartakan, informasi berkaitan had laju dan had berat juga disertakan bagi memudahkan pembaca mengenal pasti had laju dan kapasiti beban kenderaan berat di sesuatu jalan. Bagi jalan Negeri, peruntukan penyenggaraan mengikut tahun yang disalurkan oleh Kerajaan melalui Kementerian Kewangan Malaysia menerusi Sistem Marris Online turut disertakan. Buku Statistik ini turut menyertakan maklumat panjang jalan yang disenggara oleh Kementerian selain Kementerian Kerja Raya. Dengan adanya keseluruhan maklumat ini, ia akan memudahkan urusan merancang dan menyenggara jalan dengan lebih efisien agar agihan peruntukan yang lebih efektif dan perbelanjaan optima dapat dilaksanakan.

**SLOPE REMEDIAL WORKS IN MALAYSIA**

Edisi 2020

Penerbitan keluaran Cawangan Kejuruteraan Cerun bagi tahun 2020

**BULETIN SENGGARA FASILITI JALAN**

JKR 21601-0042-20

Edisi 2020 Tahunan Bil:29
(Oktobre 2020)

Penerbitan tahunan peringkat cawangan

**NEWSLETTER BAHAGIAN INTEGRITI (BAI)**

Edisi Tahun 2020 (22 Disember 2020)

Memberi perkongsian berkenaan maklumat dan aktiviti yang dilakukan pihak Bahagian Integriti (Bal) sepanjang tahun 2020

**BULETIN KUALITI EDISI 2020**

Edisi 2020

Buletin Kualiti 2020 terbitan Bahagian Pengurusan Kualiti, CDPK.

**BULETIN GEOTEKNIK**

Edisi 2020

Buletin Geoteknik

**BULETIN CKM EDISI 1**

Edisi Bil.1/2020 (November 2020)

Buletin CKM Bil. 1/2020




BULETIN CKM EDISI 2
Bil. 2/2020 (Disember 2020)

Buletin CKM Bil. 2/2020'



BULETIN CKIP BIL 1/2020
Edisi 1/2020

Buletin CKIP Bil 1/2020



BULETIN CKIP BIL 2/2020
Edisi 2/2020

Buletin CKIP Bil 2/2020




BUKU BULETIN CAWANGAN KERJA KESIHATAN -HEALTHCARE FACILITIES PROJECTS (HEFA)
Edisi 1 tahun 2020 (September 2020)

Terbitan gambar-gambar projek siap tahun 2019 yang terpilih



SIRI LANAI ILMU CKP
Edisi 2020

Kompilasi siri perkongsian ilmu bersama warga Cawangan Kerja Pendidikan.



BULETIN CAWANGAN SENGGARA FASILITI BANGUNAN (CSFB) TAHUN 2020
Bil. 1 Tahun 2020

Telah dimuat naik dalam J-Pedia: Buletin CSFB Bilangan 1 Tahun 2020





PENGIFTIRAFAN & ANUGERAH

Pengiktirafan/Anugerah	Anugerah Khas Pengarah CSFB
Anjuran	Cawangan Senggara Fasiliti Bangunan
Keterangan	Pengarah CSFB telah berbesar hati untuk menganugerahkan team <i>Victorious @ the Inspectorate</i> Anugerah Khas bagi pencapaian terbaik pasukan ini yang telah membangunkan aplikasi <i>Building Condition Assessment Rating System</i> (BCARS). Pasukan ini diketuai oleh Sr Dr. Syamilah Yacob dari Unit Penilaian Bangunan (UPB) yang merupakan SME bagi BCA dan BCARS. Penerima Anugerah khas ini ialah Sr Dr. Syamilah, Sr Maszamri, Sr Christina, Mior Wahidun Asut, Mohd Ali dan Amirul Azmeir. BCARS juga telah menyertai KIK 2020 yang dihoskan oleh CREATE secara Virtual.
Tarikh	20 Januari 2021
Tempat	Tingkat 2, CSFB, Blok F, Ibu Pejabat JKR.



Pengiktirafan/Anugerah	<i>Best Paper Award from RISM for IRC 2020</i>
Anjuran	CREAM CIDB Malaysia.
Keterangan	Sr Rohanis Ab Ghani (SME VM) on her achievement of <i>Best Paper Award from RISM for IRC 2020</i> and MCRJ publication by CREAM CIDB Malaysia.
Tarikh	21 Mac 2020
Tempat	Mercu Alam Bina, University of Malaya



Pengiktirafan/Anugerah	<i>Softlaunching BCARS oleh Ketua Pengarah Kerja Raya (KPKR)</i>
Anjuran	Cawangan Senggara Fasiliti Bangunan
Keterangan	KPKR berbesar hati untuk merasmikan / soft launch aplikasi BCARS yang telah diadakan pada 24 Mac 2021. Aplikasi ini secara rasmi telah digunakan oleh pemeriksa bangunan dalam melaksanakan penilaian bangunan. Keterangan lanjut, boleh tonton video di pautan di bawah. https://youtu.be/wSn1ljPgmuU Aplikasi BCARS ini dibangunkan oleh CSFB yang diketuai oleh Sr Dr. Syamilah Yacob dan ahli kumpulan <i>Victorious@theInspectorate</i> .
Tarikh	24 Mac 2021
Tempat	Pulse Grande Hotel, Putrajaya



Pengiktirafan/Anugerah	<i>Top Ten Invention Award Gold Medal Canadian Special Awards</i>
Anjuran	<i>International Invention Innovation, Competition</i>
Keterangan	Kumpulan Lithium dari Cawangan Kejuruteeraan Awam Dan Struktur telah mengharumkan nama Jabatan Kerja Raya Malaysia dalam pertandingan Inovasi peringkat antarabangsa <i>5th International Invention Innovation Competition in Canada (I Can 2020)</i> . Produk 'F-flex' telah berjaya merangkul 3 Anugerah iaitu 1. Anugerah Emas 2. Canadian Special Awards 3. Top 10 Best Invention Awards. Syabas dan Tahniah diucapkan kepada Kumpulan Lithium. Semoga kejayaan ini mampu membakar semangat warga CKAS untuk terus berinovasi selaras dengan Tema 5 Pelan Strategik JKR.
Tarikh	29 Ogos 2020
Tempat	<i>International Invention Innovation, Competition In Toronto, Kanada</i>



Pengiktirafan/Anugerah	Pejabat KPKR
Anjuran	<p>Pembinaan 1 Blok Bangunan yang merangkumi Masjid dan Pusat Islam. Jumlah keluasan adalah 6882.8 m.ps. Kos projek adalah RM34.8 juta.</p> <p>Berkonsepkan gabungan daripada pelbagai jenis senibina antaranya senibina Ottoman, Persian, Indian, Moorish dan Egypt. Masjid ini mampu menampung keperluan Jemaah seramai 3000 jemaah dan dijangka akan menjadi masjid terbesar di Negeri Perlis apabila siap kelak.</p> <p>Projek ini merupakan sebuah projek In-House JKR yang dilaksanakan secara BIM yang menggunakan aplikasi</p> <p>PASUKAN PEREKABENTUK Pengarah Rekabentuk 1 : Pn Nik Ainun Zanariah Binti Nik Abd. Rashid / Ar. Idr Zainal Bin Mat Rais, S.I.S, A.M.N Arkitek Pengguna Kanan: Ar. Thulasaidas Sivasubramaniam / Ar. Rinna Siow Arkitek Pengguna : En Shelihazman Bin Dollah Arkitek : Ar. Nurulhakim Faiz Bin Nazir Pen. Pegawai Senibina : En Ahmad Kamal Bin Ahmad Zubir Pelukis Pelan : En Mohamad Arifsyamim Bin Mohd Azam</p>
Keterangan	<p>Pengarah CSFB telah berbesar hati untuk menganugerahkan team <i>Victorious@theInspectorate</i> Anugerah Khas bagi pencapaian terbaik pasukan ini yang telah membangunkan aplikasi <i>Building Condition Assessment Rating System</i> (BCARS). Pasukan ini diketuai oleh Sr Dr. Syamilah Yacob dari Unit Penilaian Bangunan (UPB) yang merupakan SME bagi BCA dan BCARS. Penerima Anugerah khas ini ialah Sr Dr. Syamilah, Sr Maszamri, Sr Christina, Mior Wahidun Asuat, Mohd Ali dan Amirul Azmeir.</p> <p>BCARS juga telah menyertai KIK 2020 yang dihoskan oleh CREATE secara Virtual.</p>



Pengiktirafan/Anugerah	JKR Top Design Award
Anjuran	Pejabat KPKR
Keterangan	<p>Pembinaan 1 Blok Bangunan yang merangkumi Masjid dan Pusat Islam. Jumlah keluasan adalah 6882.8 m.ps. Kos projek adalah RM34.8 juta.</p> <p>Berkonsepkan daripada bentuk asas <i>polygonal</i> corak bintang 8. Masjid ini mampu menampung keperluan Jemaah seramai 3000 jemaah dan dijangka akan menjadi masjid terbesar di Negeri Perlis apabila siap kelak</p> <p>Projek ini merupakan sebuah projek In-House JKR yang dilaksanakan secara BIM yang menggunakan aplikasi</p> <p>PASUKAN PEREKABENTUK Pengarah Rekabentuk 1 : Pn Nik Ainun Zanariah Binti Nik Abd. Rashid / Ar. Idr Zainal Bin Mat Rais, S.I.S, A.M.N Arkitek Pengguna Kanan : Ar. Thulasaidas Sivasubramaniam / Ar. Rinna Siow Arkitek Pengguna : En Shelihazman Bin Dollah Arkitek : Ar. Nurulhakim Faiz Bin Nazir Pen. Pegawai Senibina : En Ahmad Kamal Bin Ahmad Zubir Pelukis Pelan : En Mohamad Arifsyamim Bin Mohd Azam</p>



Pengiktirafan/Anugerah	ISMS External Audit - Surveillance 2, 2020
Anjuran	Cybersecurity Malaysia
Keterangan	<p>Jabatan Kerja Raya Malaysia melalui Bahagian Teknologi Maklumat, Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat (BTM, CDPK) telah berjaya mengekalkan pensijilan <i>Information Security Management System</i> (ISMS) tahun 2020 melalui <i>External Audit - Surveillance 2</i> pada 2 Mac hingga 3 Mac 2020 oleh Cybersecurity Malaysia (CSM) bagi Sistem Pengurusan Projek (SKALA). Audit dimulai dengan Mesyuarat Pembukaan di Bilik Mesyuarat Tingkat 16 Blok F dan diikuti dengan pengauditan unit-unit yang terlibat dengan Sistem Pengurusan Projek (SKALA) selama 2 hari.</p> <p>Tujuan utama audit ini adalah untuk memastikan pematuhan berterusan bagi operasi dan pengurusan Sistem Pengurusan Projek (SKALA) berdasarkan keperluan MS ISO/IEC 27001:2013 serta memastikan keselamatan dan integriti maklumat sentiasa berada di tahap optimum. Melalui sesi audit, Sistem Pengurusan Projek (SKALA) telah mematuhi kriteria audit yang dikehendaki oleh MS ISO/IEC 27001:2013 dengan 1 NCR dan 4 OFI yang perlu diambil tindakan bagi persediaan ISMS <i>Recertification Audit</i> 2021 – 2024 pada tahun 2021.</p>
Tarikh	02 – 03 Mac 2020
Tempat	Tingkat 14 & Tingkat 16, Blok F, Bahagian Teknologi Maklumat, Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat, Ibu Pejabat JKR Malaysia



Pengiktirafan/Anugerah	Anugerah Mentor Menti Cemerlang Tahun 2019
Anjuran	Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat (CDPK, JKR)
Keterangan	<p>Mentor dan Menti daripada Cawangan Arkitek iaitu Ar. Norazreen Binti Mohamad Nor dan Nurul Sabanun Binti Zaini telah memenangi tempat pertama bagi Program Pementor JKR Di Majlis Anugerah Mentor Menti Cemerlang Tahun 2019. Anugerah telah di sampaikan oleh YBrs Puan Mastura Binti Shaari, Pengarah Cawangan Dasar Dan Pengurusan Korporat di Tingkat 33, Blok G, Menara KKR.</p>
Tarikh	28 Julai 2020
Tempat	Tingkat 33, Blok G, Menara KKR



Pengiktirafan/Anugerah	<ul style="list-style-type: none"> i. Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) ISO 9001:2015 ii. Sistem Pengurusan Alam Sekitar (SPAS) ISO 14001:2015 iii. Sistem Pengurusan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (SPKKP) ISO 45001: 2018 iv. Sistem Pengurusan Tenaga (SPT) ISO 50001:2018
Anjuran/ Urusetia	Bahagian Pengurusan Kualiti, CDPK
Keterangan	<p>Audit Pensijilan semula bagi SPK untuk tahun 2020 telah dilaksanakan oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. Sebanyak 8 cawangan yang terdiri daripada 1 JKR cawangan CDPK (Urus setia) dan 4 projek telah dipilih bagi sesi audit tahun 2020. Dengan pemakaian Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2015, JKR Malaysia sentiasa bertekad memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat, dengan objektif yang menyerahkan <i>auditee</i> projek yang menepati kualiti, masa dan kos yang telah ditetapkan bagi mencapai faedah asset yang optimum.</p> <p>Audit Pensijilan semula bagi SPAS ISO 14001:2015 telah dilaksanakan oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. Sebanyak 4 auditee yang terdiri daripada 1 JKR cawangan CASKT (CASKT) dan 3 projek telah dipilih bagi audit kali ini.</p> <p>Audit Pensijilan SPKKP ISO 45001: 2018 telah dilaksanakan oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. Sebanyak 9 auditee yang terdiri daripada 1 JKR cawangan CDPK (Urus Setia) dan 8 projek telah dipilih bagi audit kali ini.</p> <p>Audit Pensijilan Semula Sistem Pengurusan Tenaga ISO 50001:2018 oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. di Kompleks Ibu Pejabat JKR Malaysia sebagai Site Pertama dan Ibu Pejabat JKR Perak sebagai Site Kedua. Sukacita dimaklumkan, SIRIM QAS International Sdn. Bhd. telah mengesyorkan pensijilan ke atas Kompleks Ibu Pejabat JKR Malaysia dan Ibu Pejabat JKR Perak (sebagai Site Kedua) atas pelaksanaan Sistem Pengurusan Tenaga yang mematuhi standard ISO 50001:2018.</p>
Tarikh	Pengiktirafan 1- 4 : 24 Julai 2020
Tempat	Ibu Pejabat JKR Malaysia



Pengiktirafan ISO 9001:2015 Sistem Pengurusan Kualiti



Pengiktirafan ISO 14001:2015 Sistem Pengurusan Alam Sekitar (SPAS)



Pengiktirafan ISO 45001: 2018 Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (SPKKP)



Pengiktirafan ISO 50001:2018 Sistem Pengurusan Tenaga (SPT)

Pengiktirafan/Anugerah	Majlis Penyampaian Surat Kenaikan Pangkat kepada Pegawai Pakar Bidang Khusus (SME)
Anjuran	Kementerian Kerja Raya
Keterangan	<p>Pada 29 Julai 2020 (Rabu) telah berlangsungnya Majlis Penyampaian Surat Kenaikan Pangkat Kepada Pegawai Pakar Bidang Khusus (<i>Subject Matter Expert – SME</i>) Jabatan Kerja Raya yang diadakan di Dewan Utama CREaTE. Majlis ini telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Mohd Khairul Adib Bin Abd Rahman, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam. Turut hadir ke majlis ini adalah YBhg. Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin Bin Syed Iksan Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya, YBhg. Dato' Ir. Hj. Mohammad Zulkefly Bin Sulaiman Ketua Pengarah Kerja Raya, YBhg. Dato' Hj. Suhaimie Bin Mahbar, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, YBhg. Dato' Ahmad Nadzri Bin Embong Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya (Pengurusan), serta YBrs. Ir. Razdwan bin Kasim Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Bangunan), dan Pengarah-pengarah Kanan JKR.</p>
Tarikh	29 Julai 2020
Tempat	Dewan CREaTE



SUBJECT MATTER EXPERT (SME) JKR

SME	BIDANG	SUB BIDANG
Ir. Johari bin Emby	Infrastructure Design Engineering	Road, Traffic and Transportation Engineering (Geometric)
Ir. Dr. Abdul Rahman bin Mohamed Tasir	Building Design Engineering	Information and Communication Technology Infrastructure (Electrical)
Ir. Abd Rahman bin Shamsuddin	Complex Technical Project Management	Complex Technical Project Management
Ar. Hasnah binti Yun	Building Design Engineering	Specialised Planning and Building Design: Health Facility
Ir. Mohd Hizam bin Harun	Infrastructure Design Engineering	Road, Traffic and Transportation Engineering (Pavement)
Ar. Yong Razidah binti Rashid	Sustainable Infrastructure & Building	Sustainable Development
Ir. Razhiah binti Wahab	Infrastructure Design Engineering	Road, Traffic and Transportation Engineering (Geometric)
Ir. Abdul Rahman bin Baharuddin	Infrastructure Design Engineering	Road, Traffic and Transportation Engineering (Accident Scene Forensic Investigation)
Ir. Shamsuddin bin Sabri	Infrastructure Design Engineering	Road, Traffic and Transportation Engineering (Highway and Road Planning)
Sr Husnan bin Hussin	Strategic Procurement, Cost Engineering & Dispute Resolution Consultancy	Cost Engineering
Sr Maselawati binti Shamsuddin	Strategic Procurement, Cost Engineering & Dispute Resolution Consultancy	Dispute Resolution Consultancy
Dr. Mohd Sabere bin Sulaiman	Sustainable Infrastructure & Building	Conservation
Sr Rohanis binti Ab Ghani	Value Management	Value Management

Pengiktirafan/Anugerah	YBhg. Dato' Ir. Haji Mohamad Zulkefly bin Sulaiman di atas penganugerahan watikah pelantikan sebagai Ahli Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JPAK) oleh Tan Sri Mohd Zuki bin Ali, Ketua Setiausaha Negara
Anjuran	Urusetia Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JPAK)
Keterangan	Watikah pelantikan sebagai ahli JPAK juga disampaikan oleh Tan Sri Mohd Zuki bin Ali, Ketua Setiausaha Negara kepada Ketua Pengarah EPU, ICU, MAMPU, JKPTG , JKR & Akauntan Negara Malaysia (AG)
Tarikh	23 November 2020
Tempat	Putrajaya



Pengiktirafan/Anugerah	Agensi Cemerlang
Anjuran	Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)
Keterangan	Jabatan Kerja Raya menerima anugerah sebagai agensi paling aktif menggunakan <i>Skype for Business</i> (SfB) MyGovUC Tahun 2020 sempena Program TechTalk MyGovUC 2020.
Tarikh	25 Ogos 2020
Tempat	Dewan Cindai 1, Cyberview Resort, Cyberjaya



Pengiktirafan/Anugerah	Penghargaan KPKR : untuk Pasukan Projek bagi Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah (PKRC) Maeps
Anjuran	Pejabat KPKR
Keterangan	Sempena sumbangan kepada Negara & Jabatan dalam menjayakan Projek Transformasi Pusat Konvensyen Taman Ekspo Pertanian Malaysia, Serdang (MAEPS) kepada Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah (PKRC).
	Seramai 8 orang Arkitek dari Cawangan Arkitek telah terlibat, memberikan khidmat kepakaran teknikal dalam penyediaan fasiliti berkaitan (2 dewan utama – Hall A & Hall C, dengan kapasiti 604 katil)
	Penyediaan serta penyiapan Hall A (400 katil) telah disiapkan dalam 3 hari
Tarikh	2 Disember 2020
Tempat	Pejabat Ketua Pengarah Kerja Raya



Pengiktirafan/Anugerah	Best Paper Award
Anjuran	Universiti Teknologi Malaysia
Keterangan	Pembentangan kertas kerja bertajuk "Monitoring Energy Consumption of Existing Government Buildings Using JKR Energy Online System (JENOSYS)" di persidangan "8th Putrajaya International Built Environment, Technology and Engineering Conference"
Tarikh	21 Disember 2020
Tempat	Online



Pengiktirafan/Anugerah	Anugerah Tokoh Cawangan
Anjuran	Cawangan Kejuruteraan Geoteknik
Keterangan	Diadakan sebanyak 2 sesi setahun bagi tujuan menghargai dan memberi penghargaan kepada pegawai dan kakitangan yang cemerlang dalam melaksanakan tugas dan amanah yang diberi. Walaubagaimanapun, bagi Tahun 2020 hanya dilaksana sekali berikutan Pandemik Covid-19.
Tarikh	27 Julai 2020
Tempat	Bilik Latihan Bixa & Alyxia, Tingkat 18, Menara PJD

Ahmad Shairazi bin Mohd Daud	Mu'azzah binti Abd Hamid	Mohd Suruzee bin Yaakub
Pegawai Pengurusan Dan Profesional Gred 41 hingga 44	Pegawai Pengurusan Dan Profesional Gred 41 hingga 44	Kakitangan Sokongan I Gred 17 hingga 40

Pengiktirafan/Anugerah	Anugerah Program Pensijilan Kompetensi Teknikal Jabatan Kerja Raya Malaysia 2020
Anjuran	CREaTE, Jabatan Kerja Raya
Keterangan	Program Pensijilan Kompetensi Teknikal Jabatan Kerja Raya Malaysia
Tarikh	24 November 2020
Tempat	Secara Facebook Live, CREaTE



PENSIJILAN KOMPETENSI JKR

BIL	NAMA	KOMPENTENSI	TAHAP
KOMPETENSI AWAM			
1.	NUR HIDAYAH BT ANUAR	Kej. Struktur bangunan	3
2.	Ir. SITI ZATI HANANI BINTI MAHAMOOD	Kej. Struktur bangunan	3
3.	AIZATUN NASYIEEN BINTI YAAKUB	Kej. Struktur bangunan	3
4.	Ir. ANA ROZAININAIDA BINTI ABD RAHMAN	Kej. Struktur bangunan	3
5.	NOR HAMIEMIE BINTI SAN MOHAMMAD DRAIS	Kej. Struktur bangunan	2
6.	Ir. AZURA HANIM BINTI SULAIMAN	Kej. Struktur bangunan	2
7.	MOHAMAD ISMAN KHAIRI BIN ISMAIL	Kej. Struktur bangunan	2
8.	MOHAMAD FAHMI BIN ZULKIFLI	Kej. Struktur bangunan	2
9.	OTHMAN BIN JONED	Kej. Struktur bangunan	2

BIL	NAMA	KOMPENTENSI	TAHAP
10.	AISYAH SAFIYAH BINTI YOB SA'ED	Kej. Struktur bangunan	2
11.	SITI SYUHADAH BINTI MOHAMED IZAM	Kej. Struktur bangunan	2
12.	MOHAMMAD HANIF BIN MOHAMMAD KHALILY	Kej. Struktur bangunan	2
13.	Ir. NURZALISA BINTI ABD RAHIM	Kerja sivil	4
14.	DICKEN ANAK BABOH	Kerja sivil	2
15.	Ir. MOHD HAIRUL NIZAM BIN SHUKOR	Forensik struktur	4
16.	Ir. MOHD SHAIFUDDIN BIN ABD RAZAK	Forensik struktur	4
17.	Ir. EZUAN BIN JAMADON	Forensik struktur	3
18.	LIM CHI CHON	Forensik struktur	2
19.	Ir. AZURA HANIM BINTI SULAIMAN	Forensik struktur	2
20.	ZAWIYATUL QUBTIYAH BINTI BAHAROM	Kej. Bekalan air	3
21.	NORAISHAH BINTI ABDULLAH	Kej. Bekalan air	2
22.	NUR FAEZAH BINTI ZAKARIA	Kej. Bekalan air	2
23.	NORZEITA BINTI MOHAMAD NOR	Kej. Bekalan air	2
24.	MOHAMAD KHIRULLAH BIN HAMDUHA	Kej. Bekalan air	2
25.	ZURIANI BINTI HAMZAH	Keselamatan jalan	3
26.	Ir. ELIYANI YAZREEN BINTI A.RANI	Keselamatan jalan	3
27.	NOR HAFIZAH BINTI TAJUDIN	Keselamatan jalan	2
28.	FADINI BINTI MOHAMAD RAZALI	Alam sekitar	3
29.	JULIANA BINTI ABD RAHMAN	Alam sekitar	3
30.	NOORMALA BINTI AZME	Alam sekitar	2
31.	ZUHANA BINTI RASMIN	Alam sekitar	2
32.	ROSMAZURA BINTI RAZALI	Alam sekitar	2
33.	Ar. RAFIDAH BINTI ISMAIL	Alam sekitar	2
34.	NUR AZIA BINTI MUHAMMAD	Kejuruteraan maritim	3
35.	Ir. MAHALIL BIN MOHTAR	Kejuruteraan maritim	3
36.	SYUHAIDA BINTI SUAIB	Kejuruteraan maritim	3
37.	SALWANIS BINTI MAT NAWI	Kejuruteraan maritim	2
38.	NOORLIDA BINTI MD YUSOFF	Kejuruteraan maritim	2
39.	Ir. WONG THIAN CHIUN	Kejuruteraan maritim	2
40.	DILA FARHANA BINTI ABU BAKAR	Kejuruteraan maritim	2
41.	KU JOO HAN	Kej. Pengangkutan darat	
42.	MUHAMMAD KHUSAIRI BIN MOHD KASIM	Kej. Pengangkutan darat	2

BIL	NAMA	KOMPENTENSI	TAHAP
43.	MOHD HAIRY EZRIN BIN MOHD NOOR	Kej. Pengangkutan darat	2
44.	ARMAN BIN MOHD AMIN	Kej. Pengangkutan darat	2
45.	Ir. ROHANA BINTI YAAKUB	Kejuruteraan jalan	4
46.	Ir. FATIMAH NURI BINTI MOHD YUSUF	Kejuruteraan jalan	4
47.	Ir. NORSHIDA BINTI ISMAIL	Kejuruteraan jalan	3
48.	Ir. NORKHAIRULNISA BINTI MAT SAH	Kejuruteraan jalan	3
49.	ZURIANI BINTI HAMZAH	Kejuruteraan jalan	3
50.	Ir. AHMAD FAIZ BIN A.RAUP	Kejuruteraan jalan	3
51.	Ir. MOHD NASIR BIN BONTAT	Kejuruteraan jalan	3
52.	NORMALINA BINTI SHAMSUDDIN	Kejuruteraan jalan	2
53.	Ir. ANITA BINTI MOHAMED SHAFIE	Selenggara fasiliti jalan	4
54.	NURUL AIDA BINTI JASNI	Selenggara fasiliti jalan	3
55.	TUAH NOR FATIMAH BINTI RAMLAN	Selenggara fasiliti jalan	2
KOMPETENSI UKUR BAHAN			
1.	Sr HAFEZ FADZLI BIN ARSHAD	Pengurusan perolehan	3
2.	Sr SUHAILA BINTI SULAIMAN	Pengurusan pentadbiran kontrak	3
3.	Sr WAN MAS RUHI BINTI WAN ADDNAN	Pengurusan pentadbiran kontrak	3
4.	Sr HISHAM BIN BAKAR	Pengurusan pentadbiran kontrak	3
5.	Sr IMILIA BINTI KORDI	Pengurusan pentadbiran kontrak	3
6.	Sr SYED SAIFUL NIZAM BIN SYED MUBARAT	Pengurusan pentadbiran kontrak	3
7.	Sr HAFEZ FADZLI BIN ARSHAD	Pengurusan pentadbiran kontrak	3
8.	Sr HALIMATUN SA'DIAH BINTI OTHMAN	Pengurusan pentadbiran kontrak	3
9.	HAZILAH BINTI ZAINUDDIN	Pengurusan pentadbiran kontrak	3
10.	ZAMNAH BINTI KAMSANI @ KASMANI	Pengurusan pentadbiran kontrak	2
Aduan kerosakan struktur *abutment* jambatan diterima daripada JKR Kuala Pilah pada 1 Julai 2020.

Pemeriksaan mendapati *wingwall* telah runtuh dan *abutment* tergantung.

**PROGRAM PENDEDAHAN BAHAN & TEKNOLOGI TERKINI**

- 5 Ogos 2020
- Menara Kerja Raya (Blok G)

Pendedahan informasi terkini dalam penggunaan *Nurse Call System*



LAWATAN KERJA KE TAPAK PROJEK MERDEKA 118 DAN MAJLIS PENGHARGAAN PELAKSANAAN GARIS PANDUAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN INDUSTRI PEMBINAAN (PENGURUSAN) 2017—OSHCIM

- 6 Ogos 2020
- Tapak Projek PNB 118, Kuala Lumpur



BENGKEL PELAKSANAAN EPSA CKS

- 10 Ogos 2020
- BPKS

Satu program bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi berkaitan pelaksanaan EPSA



LAWATAN KERJA - DYAM TUNKU ISMAIL IBNI SULTAN IBRAHIM (TMJ) DI BSI

- 13 Ogos 2020
- Bangunan Sultan Iskandar, Johor



MAJLIS PENYERAHAN SIJIL ISO JKR OLEH SIRIM QAS INTERNATIONAL SDN. BHD. KEPADA KPKR

- 17 Ogos 2020
- Dewan Tan Sri Mahfoz Khalid, Kompleks Kerja Raya

Penyerahan Sijil ISO telah diadakan bersempena Majlis Amanat KPKR YBhg. Dato' Ir. Haji Mohamad Zulkefly bin Sulaiman. YBrs. Tuan Mohd Azanuddin bin Salleh (Ketua Pegawai Eksekutif SIRIM QAS International Sdn Bhd) telah menyerahkan Sijil ISO kepada YBhg. KPKR diikuti penyerahan sijil daripada YBhg. KPKR kepada wakil bagi setiap sistem.



KENAIKAN PANGKAT

- 8 Ogos 2020
- Bilik Gerakan, Tingkat 14, CKUB, Menara Tun Ismail Mohamed Ali.

Sr Amran bin Mohd Majid – Pengarah Kanan CKUB
Sr Dr. Rozina bt. Mohd Zafian – Pengarah Kompetensi, Pensijilan Dan Akreditasi Kejuruteraan.

PENYERAHAN PROJEK SIAP

- 18 Ogos 2020
- Klinik Kesihatan Jenis 2 Batu Berendam Melaka

Projek Klinik Kesihatan Jenis 2 (Delima) Batu Berendam Melaka



MESYUARAT PEGAWAI INTEGRITI (MPI)

- 26 Ogos 2020 & 27 November 2020
- Bilik Berlian, Aras 2, Menara Kerja Raya

Mesyuarat yang diadakan sebanyak dua kali setahun ini diadakan bagi menyelesaikan dan melaksanakan program-program Pengukuhan Integriti yang diadakan di Cawangan dan Negeri. Selain itu, ia juga bertujuan untuk memantau pelaksanaan Pelan Integriti tahunan dan menyediakan Laporan Pelaksanaan Program Pengukuhan Integriti. Seterusnya, membantu Ibu Pejabat JKR untuk menjalankan penyiasatan kes aduan dan tatatertib serta menyediakan laporan hasil siasatan apabila diperlukan.



TAKLIMAT BAHAN ISOLATED POWER SUPPLY (IPS SYSTEM)

- 18 Ogos 2020
- Menara Kerja Raya (Blok G)

Syarikat PPO Elektronika



LAWATAN TEKNIKAL KE KOMPLEKS NASYRUL QURAN PUTRAJAYA SEMPENA MAAL HIJRAH 1441H

- 18 Ogos 2020
- Kompleks Nasyrul Quran, Putrajaya

Untuk melihat pusat percetakan Al-Quran kedua terbesar di dunia dengan keluasan 5.5 hektar di samping pendedahan proses percetakan dan penerbitan Al-Quran.



LAWATAN TEKNIKAL KE PROJEK KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN (KBS) BUKIT JALIL

- 18 Ogos 2020
- Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil

Meningkatkan kompetensi pegawai CKBA 2 dalam pengurusan projek melalui perkongsian sesi *lesson learnt* di projek tersebut.



LAWATAN TEKNIKAL (KKP) KE PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD (PNMB)

- 25 Ogos 2020
- Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB)



PROGRAM KIBARAN JALUR GEMILANG CKBA 2 BAGI TAHUN 2020

- 27 Ogos 2020
- Bilik Alyxia, Tingkat 18, Menara PJD

Memupuk semangat cintakan negara.



PENYERAHAN SURAT SETUJU TERIMA & MENANDATANGANI DOKUMEN KONTRAK – 2 IN 1

- 1 September 2020
- Tingkat 33, Blok G Menara Kerja Raya

- Kerja-Kerja Senggaraan & Pembaikan Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) Sri Bayu Pangkalan Udara Butterworth Pulau Pinang
- Kerja-Kerja Senggaraan & Pembaikan Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) Sri Pantai Pangkalan Udara Butterworth Pulau Pinang
- Menaiktaraf Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur
- Pendawaian Elektrik Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) Sandakan Sabah



PEMERIKSAAN RUNTUHAN STRUKTUR JALAN KAMPUNG ORANG ASLI GEDONG, BATANG PADANG, PERAK & JALAN KAMPUNG ORANG ASLI SG TONGGANG, KINTA, PERAK

- 2 September 2020
- Jalan Kampung Orang Asli Gedong, Batang Padang, Perak & Jalan Kampung Orang Asli Sg Tonggang, Kinta, Perak

Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Negeri Perak telah memohon bagi pemeriksaan runtuhan struktur jalan. Lawatan pemeriksaan telah dibuat bersama-sama pihak Cawangan Kejuruteraan Cerun di lokasi terlibat



HARI KITAR SEMULA TEKSTIL CAWANGAN KERJA PENDIDIKAN

- 7 September 2020
- Tingkat 10, Cawangan Kerja Pendidikan

Bersempena dengan kempen Lestari yang dijalankan, CKP menganjurkan Hari Kitar Semula Tekstil dengan kerjasama daripada Klothcare.



MEMORANDUM OF UNDERSTANDING (MOU) ANTARA JKR & SEMBILAN (9) UNIVERSITI AWAM (UM,UKM,UPM,USM,UTM,UITM,UTHM ,UMP & UNIMAP)

- 7 September 2020
- Dewan Utama CREaTE , Melaka

Majlis Pertukaran *memorandum of understanding* (MoU) antara Jabatan Kerja Raya (JKR) & Sembilan (9) Universiti Awam (UM,UKM,UPM,USM,UTM ,UiTM,UTHM,UMP & UniMAP) dalam bidang *Building Information Modelling* (BIM) dirasmikan oleh KPKR, Dato' Ir. Haji Mohamad Zulkifly bin Sulaiman.



BENGKEL PENGURUSAN NILAI: PROJEK NAIK TARAF DAN PEMULIHARAAN BANGUNAN MAHKAMAH DI SELURUH MALAYSIA (RM120 JUTA)

- 7-11 September 2020
- BHEUU, JPM, Presint 3, Putrajaya

Bengkel Pengurusan Nilai (VM) melibatkan agensi seperti Bahagian Pengurusan Nilai EPU, Bahagian Pembangunan BHEUU, Istana Kehakiman serta CSFB.



**PENYERAHAN SST
HOSPITAL PASIR GUDANG**

- 9 September 2020
- Menara Kerja Raya (Blok G)

Penyerahan SST Projek Hospital Pasir Gudang



PEMERIKSAAN JAMBATAN ABU BAKAR AKIBAT AKTIVITI PENGOREKAN PASIR SUNGAI PAHANG DI SEKITAR JAMBATAN, PEKAN, PAHANG

- 10 September 2020
- Jambatan Abu Bakar, Pekan, Pahang

- i. Aktiviti pengorekan pasir Sungai Pahang di sekitar Jambatan Abu Bakar telah tular melalui media sosial pada 5 September 2021;
- ii. Pemeriksaan ke atas struktur jambatan dijalankan jika terdapat kesan akibat aktiviti pengorekan pasir tersebut, khususnya pada pier jambatan.



MAJLIS BUDI DIKENANG BAKTI DISANJUNG

- 10 September 2020
- Dewan Tan Sri Mahfuz Khalid

Majlis diadakan bagi menghargai jasa bakti pegawai-pegawai yang bersara iaitu

- i. Ir Haji Yaacob bin Abdul Latif, Pengarah Kanan CKE
- ii. Ir. Shamsuriee bin Sulaiman, Pengarah Perunding Rekabentuk, CKE
- iii. Ir Hizamul-Din bin Ab. Rahman, Pengarah Pasukan Projek Khas Bekalan Elektrik Sabah

**KURSUS PENGURUSAN
TATATETIB**

- 14-15 September 2020
- Create, Melaka

Memberi penerangan berkaitan tatatertib kepada BPKS



THE QUANTITATIVE RISK ASSESSMENT STUDY AND ESTABLISHMENT OF NEW FORMULA FOR HAZARD AND RISK MAP (FOR SLOPES ALONG FEDERAL ROADS IN PENINSULAR MALAYSIA) ONE-DAY SEMINAR QRA STUDY

- 14 September 2020
- Seri Pacific Hotel, Kuala Lumpur

Seminar 1 hari ini diadakan bertujuan untuk membentangkan 'Hazard and Risk Map' bagi cerun di Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia yang telah dihasilkan melalui kajian 'Quantitative Risk Assessment'.

Selain itu, CKC turut memperkenalkan *Integrated Slope Management System* (ISMAS) yang akan digunakan oleh Jabatan Kerja Raya dalam merekodkan Peta Bahaya dan Risiko Cerun serta perincian kerja-kerja pembinaan yang telah dilaksanakan.

Seminar ini telah dirasmikan oleh Ybrs. Ir. Hj. Zulakmal bin Hj. Sufian – Mantan Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Infra)



SEMINAR CIVIL CORE

- 15 September 2020
- Dewan Utama, CREaTE

Seminar ini menerangkan:-

Untuk Jurutera Awam
Pembentangan kertas kerja bidang kejuruteraan berkenaan teknologi dan inovasi terkini pembinaan dan kejuruteraan awam.

Inovasi tapak atasas bangunan
Inovasi teknologi jalan, jambatan dan jejambat (*Fly Over*)



MESYUARAT BERSAMA PENGARAH BAHARU CSFB

- 18 September 2020
- Bilik Mesyuarat Tingkat 2, Blok F, CSFB.

Sesi penerangan fungsi dan peranan bahagian BFBA1 selain sesi suai kenal dengan kakitangan BFBA1



KURSUS ASAS SIASATAN UNTUK PEGAWAI JKR

- 21 -22 September 2020
- Bilik Kuliah Hibiscus, Tingkat 18, Menara PJD, Ibu Pejabat JKR Malaysia, Kuala Lumpur.

Memberikan pendedahan asas berhubung tatacara serta kaedah penyiasatan berkesan terhadap kes-kes aduan yang diterima melibatkan kakitangan JKR Malaysia



BENGKEL PEMBANGUNAN GARIS PANDUAN PENYEDIAIAN SENARAI KUANTITI DAN ANGGARAN BAGI KERJA-KERJA KONSERVASI

- 22 – 25 September 2020
- Hotel M-Summit 191 Executive Hotel Suites, Pulau Pinang

Objektif bengkel adalah membincangkan pembangunan garis panduan bagi penyediaan senarai kuantiti dan anggaran bagi kerja-kerja konservasi.

Peserta terdiri daripada BKK, arkitek, juru ukur bahan dan juru ukur bangunan seluruh Malaysia yang berpengalaman dalam projek pemuliharaan.





September

SEMINAR TEKNOLOGI PEMBINAAN JALAN

- 24 September 2020
- Dewan CREaTE

Memberi pendedahan kepada pegawai JKR dan memberi pemahaman tentang konsep penyelidikan yang digunakan dalam menilai kebolehgunaan teknologi baru jalan. Kefahaman tentang konsep, kaedah penyelidikan teknologi kejuruteraan jalan dan pendedahan tentang aspek penyeliaan, pemantauan serta pelaksanaan teknologi jalan.

Senarai Pembentang

- Dr. Cao Rong Ji;
National Engineering Laboratory for Advanced Road Material (NLARM)
JSTI Group, China
- Experience in implementing crumb rubber asphalt in China
- Ir. Syahidah Aripin;
CREaTE JKR, Malaysia
- Penggunaan getah asli sebagai bahan tambah asphalt di Malaysia
- Mokhyidin Rosmani;
CREaTE JKR, Malaysia
- Penggunaan sisa plastik sebagai bahan tambah dalam turapan Jalan
- Hanani Mohd Radzi;
CREaTE JKR, Malaysia
- Bonding tack coat
- Nurul Adha Madee;
Selia Selatan Sdn. Bhd.
- Drone in road monitoring
- Xavier Guyot;
Research & Development, Tipco Asphalt, Thailand
- High performances asphalt mixes for sustainable pavement
- Abdul Malek Atan;
CREaTE JKR, Malaysia
- Crack sealing and all weather pothole patching
- Ir. Muhamad Syakir Mahi Din;
3M Transportation Safety Division, 3M Malaysia Sdn. Bhd.
- Improved road safety with wet reflective pavement marking
- Muhammad Fathi Abu Hanipah;
Ennis-Flint Inc., South East Asia
- Cold applied plastic



HARI AKRAB DAN INTEGRITI CAWANGAN KERJA PENDIDIKAN 2020

- 24 September 2020
- Tingkat 10, Cawangan Kerja Pendidikan

Program Hari AKRAB cawangan & juga Integriti



LAWATAN TEKNIKAL KONSERVASI

- 25 September 2020
- Fort Cornwallis, Pulau Pinang

Pendedahan kepada kerja-kerja pemuliharaan. Lawatan teknikal konservasi BKK CA bersama peserta Bengkel Pembangunan Garis Panduan Penyediaan Senarai Kuantiti dan Anggaran Bagi Kerja-Kerja Konservasi.



LAWATAN TEKNIKAL KONSERVASI

- 25 September 2020
- Muzium Farquhar, Pulau Pinang

Pendedahan kepada kerja-kerja pemuliharaan. Lawatan teknikal konservasi BKK CA bersama peserta Bengkel Pembangunan Garis Panduan Penyediaan Senarai Kuantiti dan Anggaran Bagi Kerja-Kerja Konservasi.



**LAWATAN TEKNIKAL KONSERVASI**

- 25 September 2020
- Bangunan SUK, Pulau Pinang



Pendedahan kepada kerja-kerja pemuliharaan. Lawatan teknikal konservasi BKK CA bersama peserta Bengkel Pembangunan Garis Panduan Penyediaan Senarai Kuantiti dan Anggaran Bagi Kerja-Kerja Konservasi.

**SESI LIBAT URUS JKR MALAYSIA DIKETUA OLEH KPKR
DATO' IR. HAJI MOHAMAD ZULKEFLY BIN SULAIMAN
BERSAMA YBHG. TAN SRI MOHD ZUKI BIN ALI KETUA
SETIAUSAHA NEGARA**

- 28 September 2020
- Pejabat Ketua Setiausaha Negara.

Sesi Libat urus ini adalah berkenaan pembentangan dokumen PSPATA 2021-2030 bagi mendapatkan persetujuan bagi digunakan pada setiap Kementerian, Agensi dan Jabatan. KSN, Tan Sri Mohd Zuki bin Ali memberi reaksi yang positif & responsif berkenaan agenda nasional ini.

**MAJLIS PELANCARAN PELAN STRATEGIK JABATAN KERJA RAYA 2021-2025**

- 29 September 2020
- Dewan Tan Sri Abu Zahar, Menara Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Kuala Lumpur

Majlis ini telah dirasmikan oleh Y. Berbahagia Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof, Menteri Kanan Kerja Raya. Dokumen Pelan Strategik JKR 2021 – 2025 adalah merupakan perancangan strategik jangka panjang Jabatan merangkumi hala tuju, bidang fokus dan pelan tindakan bagi tempoh lima (5) tahun akan datang. Ia merupakan kesinambungan daripada Kerangka Strategik JKR 2007 – 2010, Kerangka Strategik JKR 2012 – 2015 dan Pelan Strategik JKR 2016 – 2020. Melalui penghasilan Pelan Strategik JKR ini, penetapan beberapa lonjakan, strategi dan sasaran Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dilihat sebagai usaha yang murni dan seiring dengan matlamat serta hala tuju negara bagi menambah baik kualiti sistem penyampaian perkhidmatan.

**MESYUARAT PEMBUKAAN AUDIT SPB YANG DIPENGERUSI OLEH
YBRS. Sr HJ. MOHD. YUSOFF BIN OTHMAN**

- 28 September 2020
- Bilik Mesyuarat Zamrud, Tingkat 15, Menara PJD

Audit bermula 28 sehingga 30 September 2020. Pasukan Auditor terdiri daripada pegawai-pegawai dari CJ, CFSJ, CKS & JKR KESEDAR.

**BENGKEL PENILAIAN PENARAFAN HIJAU (pH) JKR STANDARD
2:2020**

- 29 September 2020
- Bilik Seminar, Tingkat 3A, Menara PJD

Perasmian Bengkel Penilaian Penarafan Hijau (pH) JKR Standard 2:2020 oleh Ketua Bahagian Pengurusan Projek 4 tuan Haji Zamri bin Mat Kassim.

Bengkel Penilaian Penarafan Hijau (pH) JKR Standard 2:2020 Projek:

- i. Pembinaan Dan Kelengkapan Pejabat Baru Jabatan Mineral dan Geosains (JMG Negeri Terengganu)
- ii. Pembangunan Cukai Sentral, Kemaman, Terengganu.

**MESYUARAT PENUTUP AUDIT SPB**

- 30 September 2020
- Bilik Mesyuarat Zamrud, Tingkat 15, Menara PJD

Mesyuarat dipengerusikan oleh Hjh. Nik Norihan binti Nik Hassan. Audit bermula 28 hingga 30 September 2020. Pasukan auditor terdiri daripada pegawai-pegawai dari CJ, CFSJ, CKS & JKR KESEDAR.





MAJLIS PENYERAHAN SURAT SETUJU TERIMA (SST) DAN SESI MENANDATANGANI DOKUMEN KONTRAK BAGI CADANGAN PROJEK PEMASANGAN SISTEM SOLAR HIBRID UNTUK 134 BUAH SEKOLAH LUAR BANDAR NEGERI SARAWAK

- 30 September 2020
 - Ruang Menunggu, Aras 1, Menara Kerja Raya (Blok G), Ibu Pejabat JKR Malaysia Kuala Lumpur

Majlis (2 dalam 1) ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Ir. Haji Mohamad Zulkefly Bin Sulaiman, Ketua Pengarah Kerja Raya bersama YBhg. Datuk Ar. Hajah Mariani Noor Binti Suhud Kasim selaku Pengarah Kanan Cawangan Arkitek yang menjalankan tugas Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Pakar), turut hadir En. Mohamed Bin Abdul Rahman, Timbalan Setiausaha Bahagian Kanan (Cawangan Pembangunan Pendidikan) Kementerian Pendidikan Malaysia selaku wakil kementerian pelanggan, YBrs. Ir. Badioezaman Bin Ab. Khalik selaku Pengarah Khidmat Rekabentuk, Cawangan Kejuruteraan Awam & Struktur dan YBrs. Ir. Hanizan Binti Shaffii selaku Pengarah Perkhidmatan Pakar Cawangan Kejuruteraan Elektrik.

Projek ini dilaksanakan secara pakej iaitu Pakej 1 hingga Pakej 6. Pembahagian pakej adalah berdasarkan faktor lokasi, geografi dan keadaan akses ke sekolah. Perolehan projek ini telah dilaksanakan secara tender terbuka. Tempoh pelaksanaan projek adalah selama 18 Bulan bermula dari tarikh milik tapak iaitu pada 13 Oktober 2020 sehingga 13 April 2022. Kontraktor yang berjaya adalah seperti berikut:

PAKEJ 1	BUMIHUA SDN. BHD.
PAKEJ 2	DEMI CERAH CONSTRUCTION SDN. BHD.
PAKEJ 3	SERVICE MASTER (M) SDN. BHD.
PAKEJ 4	LANDBASE (KOK) SDN. BHD.
PAKEJ 5	KONSORTIUM IGMS HARMONI SDN. BHD.
PAKEJ 6	SMART RELIANCE SDN. BHD.



KAJIAN ACCESSIBILITY IN GOVERNMENT SCHOOL HERITAGE BUILDINGS

- 31 September - 1 Oktober 2020
 - SMK Maxwell Kuala Lumpur

Kajian terhadap pengadaptasian keperluan *accessibility* bagi golongan kurang upaya di bangunan warisan sekolah kerajaan.



HARI SEMAKAN BUKU PERKHIDMATAN CKG

- 1 Oktober 2020
- Bilik Seminar CKG

Diadakan untuk semakan buku perkhidmatan masing-masing semua pegawai dan kakitangan CKG



MESYUARAT PEMBANGUNAN MODEL KOMPETENSI PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (MKPP)

- 5-7 Oktober 2020
 - Hotel Thistle, Port Dickson, Negeri Sembilan

Mesyuarat Pembangunan Model Kompetensi Penyelidikan Dan Pembangunan (MKPP) adalah merupakan lanjutan daripada Bengkel Awalan MKPP yang diadakan untuk merangka dokumen model kompetensi serta dokumen kerangka pensijilan kompetensi bagi penyelidikan dan pembangunan kejuruteraan. Kaedah pelaksanaan mesyuarat ini adalah secara perbincangan dalam kumpulan dengan melibatkan *knowledge sharing* oleh Unit Inovasi Kejuruteraan, BIPPK berkaitan Model Kompetensi Inovasi JKR dan Bahagian Kompetensi, Pensijilan dan Akreditasi Kejuruteraan berkaitan kerangka Pensijilan JKR Malaysia. Mesyuarat ini dihadiri oleh semua ketua dan seorang wakil daripada setiap Makmal/Unit BIPPK. Jumlah kehadiran termasuk urus setia adalah seramai 21 orang. Objektif akhir mesyuarat adalah dapat mengenal pasti bidang kemahiran dan jenis kompetensi yang diperlukan untuk membangunkan penyelidik yang berkualiti dan berkompetensi serta mewujudkan pelan strategik, termasuk pelan tindakan untuk MKPP.

MESUARAT LIBAT URUS CKK JKR BERSAMA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

- 5-7 Oktober 2020
- Bandar Melaka, Melaka

Mesuarat tahunan bagi mendapatkan kesepakatan antara semua agensi terlibat dalam menangani isu fasiliti kesihatan di Malaysia



KURSUS PENGENALAN PEGAWAI BAHARU CAWANGAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL 2020

- 12-13 Oktober 2020
- Dewan Anggerik, JKR Woksyop Persekutuan, KL

Program ini diadakan untuk memberi pendedahan kepada pegawai baharu berkenaan organisasi dan peranan CKM serta sesi perjumpaan bersama pengurusan atasan CKM.



PROJEK BANK BUKU CAWANGAN KERJA PENDIDIKAN

- Oktober 2020 – Januari 2021
- Aras 9, CKP

Inovasi daripada Unit Korporat yang menukar ruang negatif kepada Bank Buku dengan tujuan menggalakkan warga CKP untuk menderma buku dan menimba ilmu.



KURSUS MASTERPITCH BEST AWARDS WINNING PRESENTATION

- 12 Oktober 2020
- JKR Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur



SESI PENGGUNAAN, PEMURNIAN DATA DAN PELAPORAN MENGGUNAKAN GOOGLE SHEET

- 5 November 2020
- Bilik Seminar CKG

Taklimat tersebut dijalankan untuk Penggunaan, Pemurnian Data dan Pelaporan Menggunakan Google Sheet bagi Laporan Pemantauan Cawangan Kejuruteraan Geoteknik



SEMINAR FUTURE OUTLOOK ON ENGINEERED TIMBER PRODUCTS IN THE CONSTRUCTION INDUSTRY

- 5 November 2020
- CREaTE, Melaka

Seminar ini bertujuan untuk membincangkan perkembangan terkini teknologi yang berasaskan kayu bagi menggalakkan penggunaan kayu dan produk kayu yang berkualiti dalam industri pembinaan di Malaysia. Seminar tersebut dilaksanakan secara maya melalui platform Facebook Live CREaTE melibatkan seramai 5 orang pembentang dengan latar belakang berasaskan kayu dari jabatan dan institusi yang berbeza.





November

**SEMINAR LESSONS LEARNED 2020**

- 11-12 November 2020
- Google Meet Platform

Tujuan program ini dilaksanakan adalah untuk menjadi sebagai platform utama perkongsian amalan-amalan terbaik yang dikumpulkan daripada beberapa projek yang diselia oleh Cawangan Arkitek (CA).

Amalan-amalan terbaik ini akan dikongsi kepada peserta-peserta yang juga perekabentuk-perekabentuk di CA untuk digunakan dalam pelaksanaan projek mereka seterusnya.

Isu-isu rekabentuk seperti keselamatan, kefungsian dan praktikaliti akan dibincangkan serta pematuhan terhadap undang-undang sedia ada akan dititikberatkan.

Program ini menjelaskan peranan-peranan arkitek dalam menghasilkan rekabentuk yang berfungsi dengan baik, praktikal dan selamat.

LAWATAN KERJA TIMBALAN KETUA PENGARAH KERJA RAYA (SEKTOR BANGUNAN) KE CKK

- 18 November 2020
- Menara Kerja Raya (Blok G)

Mengukuhkan hubungan kerja bersama warga jabatan

**LAWATAN YBHGS. DATUK IR. RUSLAN BIN ABDUL AZIZ YANG MENJALANKAN TUGAS TIMBALAN KETUA PENGARAH KERJA RAYA (SEKTOR BANGUNAN) KE CKBA 2.**

- 20 November 2020
- Bilik Mesyuarat Zamrud, Tingkat 15, Menara PJD

Tn. Hj. Zamri bin Mat Kasim telah membentangkan latar belakang CKBA 2 berserta Ringkasan Projek CKBA 2 kepada YBhg. Datuk TKPKR (Sektor Bangunan).

**MAJLIS PENYERAHAN SURAT SETUJU TERIMA (SST) BAGI CADANGAN PROJEK PEMASANGAN SISTEM SOLAR HIBRID UNTUK 134 BUAH SEKOLAH LUAR BANDAR NEGERI SARAWAK BAGI PAKEJ 7, 8 DAN 9**

- 17 November 2020
- Ibu Pejabat JKR Malaysia

Penyerahan Surat Setuju Terima (SST) kepada kontraktor-kontraktor yang berjaya ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Ir. Haji Zulkefly bin Sulaiman, Ketua Pengarah Kerja Raya. Kontraktor-kontraktor yang berjaya bagi Paket 7, 8 dan 9 adalah seperti berikut:

- LAYUN ENTERPRISE SDN. BHD. – Paket 7
- PARAGON MEGALINK SDN. BHD – Paket 8
- TUCHONG NANING SDN. BHD. – Paket 9

Turut hadir semasa Majlis Penyerahan SST ini adalah YBhg. Datuk Ir Razdwan bin Kasim, Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Pakar), YBrs. Ir Hanizan bt Shaffii, Pengarah Kanan Cawangan Kejuruteraan Elektrik, YBrs. Ir Zuraidah Binti Muhamad, Jurutera Elektrik Penguasa Kanan, Bahagian Penyelaras & Khidmat Sokongan yang menjalankan tugas Pengarah Perkhidmatan Pakar Cawangan Kejuruteraan Elektrik, YBrs. En Norazmi bin Hj Razli, Akitek Penguasa Kanan, mewakili Pengarah Cawangan Kerja Pendidikan, YBrs. Ir Rudy bin Amir, Jurutera Elektrik Penguasa Kanan, Unit Perunding Kecekapan Tenaga Elektrik dan YBrs. En Hafidzri Fidyatulnaim bin Hamzah, mewakili Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia.

Objektif utama pelaksanaan projek ini adalah untuk menyediakan sistem tenaga elektrik alternatif menggunakan sistem solar hibrid untuk bangunan sekolah, rumah guru dan semua kemudahan asas elektrik yang terdapat di kawasan sekolah.

Pelaksanaan program bekalan elektrik luar bandar melalui Sistem Solar Hibrid adalah penyelesaian yang paling optimum (*technically and economically viable*) bagi menggantikan/naik taraf sistem sedia ada iaitu stand-alone janakuasa diesel (genset) yang tinggi kos operasinya serta dapat mengurangkan pelepasan gas karbon dioksida (CO_2).

JKR selaku jabatan teknikal dan agensi pelaksana Kerajaan sentiasa memikul amanah rakyat demi memenuhi aspirasi Kerajaan dalam menghasilkan produk yang berkualiti dan penyampaian perkhidmatan yang terbaik serta mengikut kos dan tempoh yang ditetapkan. Bagi merealisasikan aspirasi Kerajaan, adalah diharapkan kontraktor-kontraktor yang dilantik dapat melaksanakan tanggungjawab yang diberikan dengan penuh komitmen dan kesungguhan demi memastikan kejayaan projek ini. Seterusnya projek ini dapat diserahkan dengan sempurna kepada Kementerian Pendidikan Malaysia bagi memberi kemudahan dan keselesaan kepada warga sekolah serta memberi manfaat kepada pengguna (pihak sekolah) dalam mempertingkatkan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) khususnya di kawasan luar bandar.





Ketibaan para tetamu dan dif terhormat

PROGRAM PENSIJILAN KOMPETENSI TEKNIKAL JKR MALAYSIA 2020

Program yang menjadi acara tahunan bagi BKPAK, telah diusahakan bersama unit –unit lain dengan diketuai oleh Unit Elektrik. Majlis Penyampaian Sijil Secara Simbolik diadakan dengan mematuhi SOP bagi mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihian (PKPP). Program pensijilan tahun ini dengan tema ‘Kompetensi Pemangkin Teknologi’ telah berlangsung dengan jayanya dan dirasmikan oleh Ketua Pengarah Kerja Raya, YBhg. Dato’ Ir. Haji Mohamad Zulkefly bin Sulaiman.



Sesi bacaan doa



Ucapan perasmian oleh Ketua Pengarah Kerja Raya, YBhg. Dato' Ir. Haji Mohamad Zulkefly bin Sulaiman



Penyampaian sijil kompetensi kepada Ybrs. Dr. Maziah binti Mohamad



Para tetamu yang hadir



Para Urus setia Program Pensijilan



Sesi temuduga secara bersemuka



Sesi temuduga secara bersemuka



Sesi temuduga secara atas talian



Sesi soal jawab dan penerangan

SESI PERJUMPAAN TKPKR SEKTOR BANGUNAN BERSAMA KETUA-KETUA BAHAGIAN CAWANGAN KERJA PENDIDIKAN

- 20 November 2020
- Tingkat 10, Cawangan Kerja Pendidikan

Datuk Ir.Ruslan Bin Abdul Aziz mengadakan lawatan ke Cawangan Kerja Pendidikan.



LAKARAN KEJAYAAN JKR DI MESYUARAT JAWATANKUASA KHAS KABINET MENGENAI ANTI RASUAH (JKKMAR) SIRI 13

- 20 November 2020
- Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya.

Kertas pertimbangan telah dibentangkan oleh YBhg. Dato' KPKR diiringi oleh YBrs. Sr Dr. Muhammad Imran bin Zin Zawawi (CKUB)

11



PENSIJILAN KOMPETENSI TEKNIKAL JKR MALAYSIA

- 24 November 2020
- CKE

Majlis Penyampaian Sijil Kompetensi Teknikal JKR Malaysia 2020 telah disampaikan oleh YBhg Dato' Ir Haji Mohamad Zulkefly bin Sulaiman, Ketua Pengarah Kerja Raya Malaysia kepada Ketua Disiplin Elektrik, Ir Hanizan binti Shaffii. Seramai 38 pegawai telah berjaya dan layak menerima pensijilan ini.



PROJEK NUKLEAR DAN PET HOSPITAL SULTAN ISMAIL JOHOR

- 25 November 2020
- Menara Kerja Raya (Blok G)

Datuk Ir.Ruslan Bin Abdul Aziz mengadakan lawatan ke Cawangan Kerja Pendidikan.





CREATE TECH TALK (CTT)

- 26 November 2020
- Dewan Utama Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi JKR (CREaTE)

CTT dianjurkan sebagai satu usaha untuk mempromosikan budaya penyelidikan dan perkongsian hasil penyelidikan dalam kalangan warga CREaTE dan julung kalinya diadakan secara fizikal dan maya. Program ini merupakan program yang pertama dan akan menjadi acara tahunan CREaTE yang mensasarkan penyerahan daripada penyelidik CREaTE. Program ini telah menampilkan 12 orang pembentang kertas kajian daripada pegawai BIPPK yang berkongsi hasil kajian mereka.



MAJLIS PENYERAHAN SURAT SETUJU TERIMA (SST) PERUNDING DAN CONSULTANCY SERVICES AGREEMENT (CSA) SECARA '2 IN 1'.

- 30 November 2020
- Bilik Gerakan, Tingkat 14, CKUB, Menara Tun Ismail Mohamed Ali.

Majlis Penyerahan Surat Setuju Terima (SST) Perunding dan Consultancy Services Agreement (CSA) secara '2 in 1' bagi projek Pembinaan RKAT Tambahan Pelbagai Kelas Kem Syed Sirajudin, Gemas, Negeri Sembilan



PEMBENTANGAN KERTAS KERJA DI WEBINAR HERITAGE BUILDING STRUCTURES: MAINTENANCE AND RISK PREPAREDNESS BERTAJUK:

- 1 Disember 2020
- Secara online

"*Maintainability of Historic Buildings: Issues and Challenges*" Seminar anjuran UiTM, Universitas Bung Hatta Indonesia dan JKR Pembentangan oleh SME JKR dan Konservator Berdaftar JKR, Dr. Mohd. Sabere bin Sulaiman



MAJLIS PENYERAHAN SURAT SETUJU TERIMA (SST) BAGI CADANGAN PROJEK PENYELENGGARAAN SISTEM SOLAR HIBRID BAGI SEKOLAH-SEKOLAH LUAR BANDAR SEMENANJUNG TAHUN 2020 SEHINGGA 2023

- 3 Disember 2020
- Ibu Pejabat JKR Malaysia

Penyerahan Surat Setuju Terima (SST) kepada kontraktor yang berjaya ini telah disempurnakan oleh YBrs. Ir. Hanizan Bt Shaffii, Pengarah Kanan Cawangan Kejuruteraan Elektrik, JKR Malaysia. Kontraktor yang berjaya adalah Persada Electrical & Engineering Works Sdn. Bhd.

Turut diadakan semasa majlis ini adalah Majlis Menandatangani Dokumen Kontrak dan Penyerahan Surat Pelantikan Pegawai Pengguna. Majlis ini turut dihadiri oleh YBrs. Ir. Zuraidah Bt Muhamad, Jurutera Elektrik Pengguna Kanan yang menjalankan tugas Pengarah Perkhidmatan Pakar, Cawangan Kejuruteraan Elektrik, YBrs. Ir. Rudy bin Amir, Jurutera Elektrik Pengguna Kanan, Unit Perunding Kecekapan Tenaga Elektrik dan YBrs. En. Azlan Bin Arifin, mewakili Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia.

Objektif utama pelaksanaan projek ini adalah untuk menyelenggara sistem tenaga elektrik alternatif menggunakan sistem solar hibrid di dua puluh satu (21) buah sekolah-sekolah luar bandar di Semenanjung dengan tempoh kontrak selama 36 bulan.

JKR selaku jabatan teknikal dan agensi pelaksana Kerajaan sentiasa memikul amanah rakyat demi memenuhi aspirasi Kerajaan dalam menghasilkan produk yang berkualiti dan penyampaian perkhidmatan yang terbaik serta mengikut kos dan tempoh yang ditetapkan. Bagi merealisasikan aspirasi Kerajaan, adalah diharapkan kontraktor yang dilantik dapat melaksanakan tanggungjawab yang diberikan dengan penuh komitmen dan kesungguhan demi memastikan kejayaan projek ini. Seterusnya penyelenggaraan dan pengoperasian sistem ini dapat memberi manfaat dan keselesaan kepada pengguna (pihak sekolah) dalam mempertingkatkan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) khususnya di kawasan luar bandar.

**MENERIMA KUNJUNGAN HORMAT
YBRS. IR. HJ. MASRI BIN BAHARUDDIN,
PENGARAH CDPK**

- 4 Disember 2020
- Bilik Mesyuarat Zamrud, Tingkat 15, Menara PJD

Menyerahkan Pelan Strategik JKR 2021-2025 kepada CKBA 2 yang diwakili oleh Tn. Hj. Zamri bin Mat Kasim yang menjalankan tugas Pengarah.



SESI 'DE-STRESS' ZONE @CAWANGAN KERJA PENDIDIKAN

- 7 Disember 2020
- Cawangan Kerja Pendidikan


Inisiatif daripada unit Korporat Bahagian Penyelaras dan Khidmat Sokongan untuk mengurangkan stress dikalangan pegawai.



TAKLIMAT BAHAN IMPIAN RAMAI SDN BHD

- 8 Disember 2020
- Bilik Seroja Tingkat 4, Blok A, Kompleks Kerja Raya, Kuala Lumpur.

Taklimat bahan telah diadakan untuk memperkenalkan produk berkaitan *epoxy coating* di mana iaanya berfungsi sebagai lapisan permukaan lantai dan lapisan kalis air bagi ruangan seperti tandas, ruang wuduk dan sebagainya. Taklimat bahan telah dihadiri oleh pelbagai disiplin JKR.



PERBINCANGAN & TAKLIMAT STRATEGIK PELAKSANAAN KERJA AWALAN (SI) PROJEK RMK-12-RP1 DI ANTARA CKBA 2 BERSAMA CAWANGAN KEJURUTERAAN GEOTEKNIK (CKG)

- 9 Disember 2020
- Bilik Mesyuarat Zamrud, Tingkat 15, Menara PJD

Disertai oleh Pengarah CKBA 2, Pengarah CKG dan pegawai-pegawai CKBA 2 gred J48 ke atas serta pegawai-pegawai dari CKG.



**KENAIKAN PANGKAT PEGAWAI
UKUR BAHAN**

- 08 Disember 2020
- Blok G, Menara KKR

Sr Mohd Yusoff bin Othman – Pengarah Khidmat Pakar, CKUB
Sr Siti Baizura bt. Mohamad Noor – Pengarah CKBA 2



MAJLIS PELANCARAN PEMBUKAAN BILIK GERAKAN BENCANA (BiGBen) BAGI MONSUN TIMUR LAUT 2020/2021

- 9 Disember 2020
- Bilik Gerakan Bencana Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia, Tingkat 10 Blok F

Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia telah mengadakan Majlis Pelancaran Pembukaan Bilik Gerakan Bencana (BiGBen) bagi Monsun Timur Laut 2020/2021 yang telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Ir. Haji Mohamad Zulkefly Bin Haji Sulaiman, Ketua Pengarah Kerja Raya pada 9 Disember 2020 bertempat di Bilik Gerakan Bencana Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia, Blok F.

Majlis ini turut dihadiri oleh 30 orang jemputan yang terdiri daripada YBhg. Dato' Ir. Haji Ahmad Redza bin Ghulam Rasool, Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Infra), YBrs. Ir. Hj. Masri bin Baharuddin, Pengarah Cawangan Dasar & Pengurusan Korporat (CDPK), YBrs. Ir. Ibrahim bin Esa, Pengarah Cawangan Senggara Fasiliti Jalan (CSFJ), YBrs. Ir. Hj. Abd Rahman bin Pandi, Pengarah Cawangan Kejuruteraan Cerun (CKC), Ketua-Ketua Bahagian Cawangan Senggara Fasiliti Jalan (CSFJ) dan Sekretariat Bilik Gerakan Bencana (BiGBen).

Pembukaan Bilik Gerakan Bencana (BiGBen) ini adalah merupakan inisiatif pihak Jabatan bagi tujuan One Stop Centre Pengurusan maklumat kejadian bencana seperti banjir, cerun runtuh, jalan runtuh, jalan mendap dan jambatan rosak/runtuh yang mana melibatkan jalan dibawah seliaan Jabatan Kerja Raya seperti Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri. Selain itu, orang awam juga dapat mengetahui maklumat penutupan jalan dan maklumat jalan alternatif yang boleh dilalui ketika berlakunya bencana di portal eBencana JKR di laman web <http://bencanaalam.jkr.gov.my>.


Adalah diharapkan dengan Pembukaan Bilik Gerakan Bencana (BiGBen) Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia ini akan menjadi sumber rujukan utama kepada semua agensi kerajaan, badan bukan kerajaan dan juga semua masyarakat mengenai maklumat bencana.



WEBINAR TAKLIMAT BAHAN NIPPONS


- 10 Disember 2020
- Zoom Platform

Program ini adalah terbuka kepada para arkitek dari JKR Malaysia. Tujuan program ini dilaksanakan adalah untuk memperkenalkan perkembangan teknologi cat terkini dalam usaha membantu mengurangkan penyebaran COVID-19 yang berisiko tinggi pada kesihatan manusia, serta memperkenalkan sistem kalis air daripada Nippon Paint.



Penemuan Teknologi Baru dalam Cat Anti-Virus

Teknologi dan analisis teknikal cat anti-virus akan dikenakan kepada para arkitek untuk dipupuk sebagai rujukan dalam usaha bersama mempertingkatkan spesifikasi reka bentuk, berjayaannya institusi kesihatan untuk kesihatan dan kesejahteraan rakyat Malaysia. —



Rekabentuk Sistem Kalis Air yang Berfungsi, Praktikal dan Selamat

Sistem kalis air Nippon Paint akan diperkenalkan dan perkara-perkara penting dalam rekabentuk seperti kefungsian dan praktikaliti akan dibincangkan. Taklimat ini juga boleh bakal dijadikan sebagai rujukan kepada para arkitek dalam menghasilkan sistem kalis air yang berfungsi, praktikal dan selamat. —

CERAMAH ISU-ISU PERUNDANGAN BERKAITAN KONTRAK BINAAN JKR

- 18 Disember 2020
- Bilik Gerakan, Tingkat 14, CKUB, Menara Tun Ismail Mohamed Ali.


Program ceramah latihan dalaman berkaitan isu-isu perundangan dalam industri binaan melalui platform Facebook Live oleh Sr Amran (PK CKUB)



PENGGUNAAN VISITOR MANAGEMENT SYSTEM (VMS)

- 15 Disember 2020
- Lobi Utama Blok G, Ibu Pejabat JKR Malaysia

Sistem Visitor Management System (VMS) telah dibangunkan oleh Unit Sistem Aplikasi, Bahagian Teknologi Maklumat (USA, BTM), bagi penggunaan pelawat yang mempunyai urusan di premis JKR. Sistem ini dapat merekod maklumat keluar masuk pelawat dengan tepat dengan menggunakan kaedah scan QR code. Maklumat pelawat tersebut akan disimpan dan dipaparkan dalam bentuk laporan kepada pihak pegawai keselamatan bagi tujuan pemantauan.



MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN ASET KERAJAAN (JPAK) BIL 1/2020

Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JPAK) adalah merupakan satu jawatankuasa di peringkat pengurusan tertinggi Kerajaan yang akan memberi tumpuan kepada perkara-perkara strategik berkaitan pengurusan aset.

Fungsi JPAK sebagaimana yang terkandung di dalam Pekeliling Am Bil.2/ 2012 Tatacara Pengurusan Aset Kerajaan adalah seperti berikut:

Menentukan hala tuju dalam pelaksanaan pengurusan aset kerajaan;
Menggubal dasar, strategi, pelan tindakan dan garis panduan bagi melaksanakan aset Kerajaan khususnya mengenai standard, keselamatan, perolehan dan pembangunan sumber manusia; dan
Menyelaras pelaksanaan dasar pengurusan aset Kerajaan di antara Kementerian/ Jabatan/ Agensi (KJA) peringkat persekutuan.

Keanggotaan JPAK adalah seperti berikut:-

- Pengerusi : Ketua Setiausaha Negara
- Setiausaha : Pengarah Kanan, Cawangan Perancangan Aset Bersepadu, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Malaysia
- Ahli : Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Ketua Audit Negara
Aktauntan Negara Malaysia
Ketua Pengarah MAMPU
Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya (KKR)
Ketua Pengarah Kerja Raya (KPKR)
Ketua Pengarah Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta
Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi (EPU) Ketua Pengarah Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU)
Ketua Pengarah Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG)

Jawatankuasa di atas akan memantau segala kemajuan berkaitan pengurusan aset Kerajaan melalui satu platform iaitu Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JPAK).

Mesyuarat JPAK Bil.1 Tahun 2020 yang diadakan pada 10 November 2020 adalah bertujuan untuk memaklumkan kepada ahli mesyuarat mengenai beberapa perkara iaitu:

- Pengenalan kepada Organisasi Pengurusan Aset Kerajaan dan Fungsi Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JPAK)
- Pengurusan Aset Tak Alih – Pencapaian dan Penemuan
- Way Forward Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan
- Pengesoran :
 - Dokumen Dasar Pengurusan Aset Kerajaan dan Pekeliling Am Pengurusan Aset Menyeluruh
 - Dokumen Pelan Strategi Pengurusan Aset Tak Alih (PSPATA) 2021 – 2030
 - Pemerkasaan Unit Pengurusan Fasiliti (UPF)
- Hal – hal Lain



Mesyuarat juga akan membincangkan mengenai Dokumen Pelan Strategi Pengurusan Aset Tak Alih (PSPATA) 2021 – 2030 di mana ia merupakan satu pelan jangka masa panjang yang bersifat menyeluruh bagi memastikan setiap peringkat Kementerian/ Jabatan/ Agensi memainkan peranan dalam pemerkasaan pengurusan aset tak alihi melalui Key Performance Indicator (KPI) yang ditetapkan.

Status pewujudan dan tadbir urus Unit Pengurusan Fasiliti (UPF) di semua Kementerian/ Jabatan/ Agensi peringkat persekutuan akan turut dibincangkan dalam mesyuarat ini. UPF merupakan unit yang bertanggungjawab menguruskan aset tak alihi Kementerian/ Jabatan/ Agensi masing-masing dan pelantikan UPF dilaksanakan oleh pegawai pengawal.

Pada akhir mesyuarat ini juga akan diadakan sesi penyampaian watikah pelantikan Ahli Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JPAK) serta pelantikan ahli baharu JPAK. Watikah yang akan disampaikan nanti adalah merupakan satu amanah dan tanggungjawab untuk melaksanakan pengurusan aset tak alihi dengan berkesan.



MENYELARAS PROJEK NAIKTARAF DAN PEMBAIKAN FASAD DI BLOK F

- 2020
- Fasad Blok F Ibu Pejabat JKR Malaysia

kerja-kerja naiktaraf dan pembaikan fasad serta lain-lain kerja berkaitan di Blok F, Ibu Pejabat JKR Malaysia, Jalan Sultan Salahuddin, Kuala Lumpur (Fasa 2)



TONTONAN LINTAS LANGSUNG MAJLIS PENUTUP SAMBUTAN HARI PROFESION TEKNIKAL NEGARA (HPTN 2020) BERSAMA PENGARAH SECARA MASA

- 30 Disember 2020
- Lobi CKBA 2, Tingkat 3A, Menara PJD

Dihadiri oleh sebahagian warga CKBA 2 menyaksikan ucapan penutup oleh YB Menteri Kanan Kerja Raya, keputusan pertandingan serta pengumuman istimewa yang lain sempena HPTN tahun ini.



Akses – akses yang tidak terkawal



Tiada kawalan akses untuk kenderaan keluar masuk ke simpang



Pencahayaan yang tidak mencukupi di Laluan FT004



Pencahayaan yang tidak mencukupi di persimpangan



Tandaan jalan telah pudar dan tiada papan tanda amaran awal/mandatori



Kerosakan permukaan jalan jenis *crocodile cracking*, *pavement patches* yang telah rosak dan *rutting*

SIDANG REDAKSI



PENASIHAT
Ir. Haji Masri bin Baharuddin



PENYELARAS
Ir. Nor Aznita binti Yusof



KETUA EDITOR
Effendi bin Mohd Sood



EDITOR

- Mohamad Fazrin bin Mohamad Fauzi
- Luqman bin Zainuddin
- Muhammad Farid Munir bin Ahmad Zahidi

SIDANG REDAKSI

1. Zuzailie binti Rosli, CKM
2. Norlida Binti Abd Aziz, CKC
3. Kueh Hiong Mui, CREaTE
4. Nurul Huda binti Mukhtar, CSFB
5. Wan Dzahar bin Mohammad Zin, CKP
6. Nurul Azwin binti Junaidi, CKG
7. Muhammad Iqbal bin Nasir, CKS
8. Khairul Alizat bin Sabri, CASKT
9. Mohd Idzwan bin Razali, CKIP
10. Mohd Firdaus bin Mohd Wazir, CPAB
11. Norliza binti Johari, CA
12. Ir. Ts. Zety Afrizan binti Mohamad Zaman, CSFJ
13. Nurhazwani Akmal binti Md Zain, CKK
14. Sr Hafez Fadzli bin Arshad, CKUB
15. Siti Khairunnisa binti Alias, CKBA 1
16. Sr Marzura binti Marzuki, CKBA 2
17. Nurul Syafawati binti Muhammed Arshad, CJ
18. Juhaniis binti Mohd Alias, CKE
19. Nazri bin Mat Hassan, CKAS
20. Nur Syahirah binti Abd Talib, BPK CDPK
21. Fatimah Islam binti Abdul Vaheed, BKA CDPK
22. Nurul Amira binti Abdul Aziz, BPSK CDPK
23. Tengku Nazatushahiza binti Tengku Bidin, BPPP CDPK
24. Anis Adilah binti Abu Talib, BTM CDPK
25. Muhammad Firdaus bin Abdul Majid, BAI CDPK



KPKR

Ketua Pengarah Kerja Raya
Pejabat KPKR,
Tingkat 33, Menara Kerja Raya (Blok G),
Ibu Pejabat JKR Malaysia,
Jalan Sultan Salahuddin,
50480 Kuala Lumpur.
03-2618 8421

TKPKR (INFRA)

Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya
Pejabat TKPKR (Sektor Infra),
Tingkat 33, Menara Kerja Raya (Blok G),
Ibu Pejabat JKR Malaysia,
Jalan Sultan Salahuddin,
50480 Kuala Lumpur.
03-2618 8435

TKPKR (BANGUNAN)

Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya
Pejabat TKPKR (Sektor Bangunan),
Tingkat 33, Menara Kerja Raya (Blok G),
Ibu Pejabat JKR Malaysia,
Jalan Sultan Salahuddin,
50480 Kuala Lumpur.
03-2618 8432

TKPKR (PAKAR)

Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya
Pejabat TKPKR (Sektor Pakar),
Tingkat 33, Menara Kerja Raya (Blok G),
Ibu Pejabat JKR Malaysia,
Jalan Sultan Salahuddin,
50480 Kuala Lumpur.
03-2618 8430

CKBA 1

Pengarah Kanan,
Cawangan Kerja Bangunan Am 1,
Ibu Pejabat JKR Malaysia,
Tingkat 13A, Menara PJD,
Jalan Tun Razak,
50400 Kuala Lumpur.
03-4051 8806

CKE

Pengarah Kanan,
Cawangan Kejuruteraan Elektrik,
Ibu Pejabat JKR Malaysia,
Tingkat 11, Menara Kerja Raya (Blok G),
Jalan Sultan Salahuddin,
50480 Kuala Lumpur.
03-2618 9810

CKM

Pengarah Kanan,
Cawangan Kejuruteraan Mekanikal,
Ibu Pejabat JKR Malaysia,
Tingkat 26, Menara Kerja Raya (Blok G),
Jalan Sultan Salahuddin,
50480 Kuala Lumpur.
03-2618 9501

CKAS

Pengarah Kanan,
Cawangan Kejuruteraan Awam dan Struktur,
Ibu Pejabat JKR Malaysia,
Tingkat 10, Menara Kerja Raya (Blok G),
Jalan Sultan Salahuddin,
50480 Kuala Lumpur.
03-2618 9171

CKUB

Pengarah Kanan,
Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan,
Ibu Pejabat JKR Malaysia,
Tingkat 16, Menara Tun Ismail Mohamed Ali,
Jalan Raja Laut,
50582 Kuala Lumpur.
03-2616 5055

CA

Pengarah Kanan,
Cawangan Arkitek,
Ibu Pejabat JKR Malaysia,
Tingkat 11, Menara Tun Ismail Mohamed Ali,
Jalan Raja Laut,
50582 Kuala Lumpur.
03-2616 5045

CPAB

Pengarah Kanan,
Cawangan Perancangan Aset Bersepadu,
Ibu Pejabat JKR Malaysia,
Tingkat 5, Blok F,
Jalan Sultan Salahuddin,
50582 Kuala Lumpur.
03-2610 7003

CJ

Pengarah Kanan,
Cawangan Jalan,
Tingkat 5, Blok F,
Ibu Pejabat JKR Malaysia,
Jalan Sultan Salahuddin,
50582 Kuala Lumpur.
03-2610 8041

CREaTE

Pengarah Kanan,
Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan & Teknologi JKR,
Jalan Kemus, Simpang Ampat,
78000 Alor Gajah,
Melaka.
06-551 2227

CKIP

Pengarah,
Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan,
Tingkat 8, Blok F,
Ibu Pejabat JKR Malaysia,
Jalan Sultan Salahuddin,
50582 Kuala Lumpur.
03-2610 7201

CDPK

Pengarah,
Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat,
Tingkat 30, Menara Kerja Raya (Blok G),
Ibu Pejabat JKR Malaysia,
Jalan Sultan Salahuddin,
50582 Kuala Lumpur.
03-2618 8424

CKK

Pengarah,
Cawangan Kerja Kesihatan,
Ibu Pejabat JKR Malaysia,
Tingkat 23, Menara Kerja Raya (Blok G),
Jalan Sultan Salahuddin,
50480 Kuala Lumpur.
03-2618 9234

CKS

Pengarah,
Cawangan Kerja Keselamatan,
Ibu Pejabat JKR Malaysia,
Tingkat 20, Maju Tower,
Jalan Sultan Ismail,
50250 Kuala Lumpur.
03-2616 9501

CKG

Pengarah,
Cawangan Kejuruteraan Geoteknik,
Ibu Pejabat JKR Malaysia,
Tingkat 26, Menara PJD,
Jalan Tun Razak,
50400 Kuala Lumpur.
03-4051 8814

CASKT

Pengarah,
Cawangan Alam Sekitar dan Kecekapan Tenaga,
Ibu Pejabat JKR Malaysia,
Tingkat 23, Menara PJD,
Jalan Tun Razak,
50400 Kuala Lumpur.
03-4051 8812

CSFB

Pengarah,
Cawangan Senggara Fasiliti Jalan,
Aras 3, Blok D (Lama),
Ibu Pejabat JKR Malaysia,
Jalan Sultan Salahuddin,
50582 Kuala Lumpur.
03-2610 7725

CKP

Pengarah,
Cawangan Kerja Pendidikan,
Ibu Pejabat JKR Malaysia,
Tingkat 23, Menara Maju Tower,
Jalan Sultan Ismail,
50250 Kuala Lumpur.
03-9235 7402

CKC

Pengarah,
Cawangan Kejuruteraan Cerun,
Tingkat 12, Blok F,
Ibu Pejabat JKR Malaysia,
Jalan Sultan Salahuddin,
50582 Kuala Lumpur.
03-2610 7351

CSFJ

Pengarah,
Cawangan Senggara Fasiliti Jalan,
Aras 3, Blok D (Lama),
Ibu Pejabat JKR Malaysia,
Jalan Sultan Salahuddin,
50582 Kuala Lumpur.
03-2610 7725

CKBA 2

Pengarah,
Cawangan Kerja Bangunan Am 2,
Ibu Pejabat JKR Malaysia,
Tingkat 3A, Menara PJD,
Jalan Tun Razak,
50400 Kuala Lumpur.
03-2618 7254



NORMA BAHARU

BARANG KARAPAN

Halaman ini sengaja dibiarkan kosong